

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET)**

---

**Shah Alam, Selasa , 21 Oktober 2008**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)  
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)  
Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)  
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)  
Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)  
Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)  
Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)  
Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)  
Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)  
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)  
Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)  
Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)  
Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)  
Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)  
Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)  
Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)  
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)  
Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)  
Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)  
Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

**TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Negeri Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Shukri bin Mohamad Hamin  
**Setiausaha**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Penolong Setiausaha I**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi  
**Penolong Pegawai Tadbir**

## **BENTARA**

Encik Md. Saref bin Salleh

## **PELAPOR PERBAHASAN**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. Muftar

( Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat )

**PUAN SPEAKER** : Salam bahagia dan selamat pagi. Dewan di sambung semula.

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wata'ala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat ketiga bajet penggal pertama Dewan Undangan Negeri Selangor kedua belas di sambung semula dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : PENGAMBILALIHAN SYARIKAT SYABAS**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 9. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wata'ala wabarakatuh.* Terima kasih Sungai Pelek kerana membuat soalan mengenai pengambilalihan Syarikat SYABAS. Sebelum saya menjawab soalan ini, saya perlu menerangkan tentang penyusunan semula industri air di Negeri Selangor sebab kalau kita tidak memahami penyusunan semula itu, maknanya kita tidak berasa soalan yang dikemukakan Sungai Pelek ini hanya sebahagian daripada penyusunan semula industri air, kerana soalan yang dikemukakan oleh Sungai Pelek, berbunyi: "Berapakah jumlah wang yang diperlukan untuk pengambilalihan SYABAS?"

Sebenarnya, penyusunan semula industri air ini sudahpun diutarakan oleh Kerajaan Persekutuan tiga (3), empat (4) tahun yang lepas kerana mereka mendapati penswastan air terutama di Negeri Selangor dan di beberapa negeri agak berpecah-pecah, atau *fragmented* dan oleh sebab itu para pengguna air tidak dapat harga ataupun bayaran yang sewajarnya bagi mereka menikmati air. Jadi, bagi peringatan kita, sebelum konsep penswastan ini, kita tidak pernah membayar untuk menggunakan air. Maknanya, dahulu air dikendalikan oleh *water works department* dan hanya dikenakan sedikit bayaran, jika dibandingkan dengan yang berlaku sekarang.

Walau bagaimanapun, konsep penswastan ini sudah dijadikan amalan dan ia menghasilkan beberapa pecahan syarikat yang cuba meminta kepada Kerajaan supaya mereka diberi peluang mentadbir sebahagian daripada industri air. Di Selangor, terdapat syarikat-syarikat yang diberi kuasa penswastan, antaranya Puncak Niaga.

Puncak Niaga merupakan sebuah syarikat yang mengurus niaga di pasaran saham dan melalui Puncak Niaga ia menubuhkan syarikat yang dipanggil SYABAS. SYABAS pula sebuah syarikat yang ditugaskan, antara lain untuk menjaga paip. Bermakna, SYABAS yang menjaga penyaluran air. Kedua, Kerajaan juga turut menswastakan loji pembersih air. Maknanya, air daripada sungai dibersihkan dan kemudian disalurkan melalui paip-paip seliaan SYABAS. Jadi, akhirnya terdapat tiga (3) kumpulan syarikat. Antaranya, Puncak Niaga yang saya terangkan melalui SYABAS, kedua syarikat SPLASH yang membuat kolam takungan air, dan selepas itu ada pula syarikat membersihkan air, iaitu loji pembersihan. Kemudian diwujudkan pula syarikat ABBAS yang juga bertugas untuk membersihkan air dan menyalurkannya melalui SYABAS. Itu keadaan di Negeri Selangor tetapi keadaan di negeri-negeri lain berbeza. Jadi, Selangor ini antara negeri yang penswastanya sudah sampai ke peringkat yang hampir semua industri air di Selangor dipecah-pecahkan kepada syarikat-syarikat berkenaan.

Oleh itu, Kerajaan Persekutuan mendapati penswastaaan itu agak berpecah-pecah dan Kementerian kelolaan sekarang sudah bersara, Y.B. Tun Lim Keng Yaik, yang berpendapat daripada kajian, pengguna air tidak mendapat manfaat yang sepatutnya. Oleh sebab itu, kajian dilakukan mengikut pengalaman di Britain. Di Britain juga ada penswastaaan, selepas itu ia diubah semula untuk mencari cara yang terbaik. Jadi dengan cara itu, mereka telah memikirkan perlu digubal semula satu undang-undang pengurusan air negara, iaitu undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen yang membolehkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bekerjasama untuk membetulkan keadaan ini, dan lantas ditubuhkan Suruhanjaya Pengurusan Air Negara, singkatnya, SMART. Jadi dalam rang undang-undang yang diutarakan termasuk meminta Kerajaan Negeri, bukan Kerajaan Negeri Selangor sahaja, untuk mengadakan penyusunan semula industri air ataupun *re-organization*.

Dalam cerita yang mudah, kita diminta kembali macam jabatan air dahulu (*water works department*) supaya lebih senang dikawal dari mana datang air, berapa harga mencucinya, berapa harga mengalihkan air, dan sebagainya. Ini daripada segi konsepnya senang, tetapi daripada segi pelaksanaannya, agak sukar sebab sekarang pemilik-pemilik konsesi ini sudah selesa, sudah tentulah antara kesilapan penswastaaan itu ialah memberikan pulangan yang bukan munasabah, sangat lumayan. Maknanya sangat lumayan. Mereka berasakan kelak kehilangan pendapatan yang begitu besar. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sudah mempelajari cara-cara untuk mengatasi perkara ini melalui pengalaman yang saya katakan daripada Britain dan pakarnya pun ada selalu datang untuk menasihati SMART, Suruhanjaya Pengurusan Air Negara. Oleh itu, saudara berdasarkan latar belakang tadi, Kerajaan Negeri Selangor juga sudah mengadakan perbincangan tentang perkara ini dan pada 2007 Kerajaan Negeri pun bersama-sama sebab undang-undang itu ada kena-mengena dengan Kerajaan Negeri dan hasilnya, pada bulan Januari tahun 2008, kabinet sendiri bersetuju tentang cadangan Kerajaan Negeri supaya penyusunan semula industri air ini dilakukan melalui sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri, Kumpulan Darul Ehsan Berhad dan sampai ke peringkat itu.

Dan barulah proses untuk perbincangan penyusunan semula itu berlaku dan saya sendiri ada sedikit pengalaman daripada segi usaha penyusunan semula syarikat-syarikat. Saya dapati usaha ini perlu dipanjangkan kerana kalau kita dapat penyusunan semula syarikat-syarikat ini, manfaatnya kalau dikira dengan betul, kalau diurus dengan betul, sangat baik kepada masyarakat pengguna air di Negeri Selangor. Tetapi sudah

tentulah kita sekarang, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan terpaksa berunding dengan syarikat-syarikat seperti SYABAS, ABBAS dan SPLASH. Berunding kerana kita nak mengambil alih, apabila kita nak mengambil alih kita berunding. Jadi rundingan itu, akhirnya berapa banyak nilainya yang kita nak beli. Nah, soalan saudara sampai ke peringkat itu.

Untuk makluman Dewan, kalau saya beritahu harganya, maknanya taktik kita salah. Taktik kita untuk berunding. Negeri ada harga, KDEB ada harga, Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi pun yang di dalamnya SPAN, yang menentukan harga. Buat masa sekarang, terdapat KDEB yang memilih kumpulan profesional untuk menilai syarikat-syarikat ini. Penilaian itu dibuat berdasarkan beberapa teknik menilai. Maksudnya, ada penilaian yang dibuat oleh KDEB untuk mengambil alih. Katalah untuk mengambil alih SPLASH, mengambil alih SYABAS, ia ada kiraan-kiraannya dan kiraan-kiraan ini, teknik-teknik ini juga dipersetujui oleh pihak SPAN. SPAN setuju cara taktiknya dan SPAN sudah memanggil Puncak Niaga yang memiliki SYABAS dan pemilik-pemilik penting dalam SPLASH dan ABAS diberitahu yang Kerajaan Persekutuan ingin melaksanakan penyusunan semula ini. Oleh itu, kita sampai sudah ke peringkat ini. Namun, untuk menentukan Negeri Selangor juga terlibat sebab walaupun kita ada melalui anak syarikat kita, kita mesti daripada Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Negeri juga mesti mengetahui penyusunan semula ini adakah penting atau tidak untuk Negeri Selangor.

Lantas, saya, melalui EXCO membentuk Jawatankuasa *review Committee* untuk menengok sama ada penyusunan semula ini mempunyai kebaikan kepada Negeri dan sama ada kos-kos pembelian kita ini boleh menentukan air ataupun pembelian air yang munasabah. Mereka yang kita minta untuk bersama dengan kita, antaranya YB Dr. Zulkifli Ahmad, iaitu Ahli Parlimen Kuala Selangor yang mewakili PAS dari Kuala Selangor. Beliau ini mendapat Ijazah daripada *Imperial College* dalam Bahagian Sains dan mempunyai pengalaman di peringkat antarabangsa menasihati syarikat-syarikat.

Yang kedua, kita meminta saudara dari PJ Utara, iaitu Tony Pua, Ahli Parlimen. Tony Pua ini merupakan Ahli Parlimen DAP yang berkelulusan daripada *Oxford University* dan mempunyai pengalaman *business* sehinggakan beliau sekarang hasil daripada bisnisnya boleh jadi tak perlu bekerja. Ketiga, kita memanggil peguam, seorang MP dari Selayang iaitu saudara William Leong. Dia mempunyai pengalaman daripada *corporate restructuring*, dan kita pelawa *Sosial Scientist* yang pernah jadi Yang Berhormat, iaitu Dr. Tan Yee Kiew. Beliau merupakan pakar sains sosial dan saya fikir Sg. Pelik kenal namanya. Kita juga pelawa Ahli Parlimen dari Klang iaitu MP Charles Santiago. Beliau pernah menulis kertas kerja mengenai penswastan air dan selain tu kita pelawa dua orang daripada luar, iaitu Dr. Subramanian Pillay, iaitu *Associate Professor* dari *Nottingham University* yang beroperasi di Malaysia, dan kita pelawa lagi seorang peguam iaitu Fathma Nur Ahmad Kamal berasal daripada Selangor untuk menyertainya, di samping Datuk Azlan Hashim. Datuk Azlan Hashim ini pernah menjadi Presiden Kuala Lumpur *Stock Exchange*. Beliau bukan dua Azlan Hashim daripada Selangor, tetapi beliau ini daripada Kuala Lumpur *Stock Exchange* dan dia juga seorang *Chartered Accountant*.

Dengan yang demikian, kumpulan profesional ini ditugaskan untuk menyemak selia tentang cadangan-cadangan KDEB, kemudian cadangan-cadangan Span supaya kita mendapatkan suatu jawapan yang tepat dan bersesuaian. Kalau kita tidak laksanakan dengan cepat, terdapat perjanjian antara SYABAS dengan Kerajaan Malaysia yang



mereka boleh menaikkan harga air sebanyak 30%. Jadi, hal itu pun kita sudah bincangkan dengan Kementerian dan mereka bersimpati tentang perkara ini kerana kita memang sekarang bersedia untuk melaksanakan perkara ini. Dalam kiraan-kiraan ini saya hendak terangkan termasuk juga kiraan ini dalam penswastan ini, kiraan ini termasuk kiraan pemberian air percuma 20 meter padu dalam kos ini. Dengan yang demikian, Kerajaan Negeri mula mengatur hal tersebut. Jadi, saya minta maaf kerana menerangkan agak panjang sebab saudara menanya soalan berapa jumlah wang yang diperlukan. Saya tidak bersedia beritahu, melainkan selepas esok. Tentulah kerajaan negeri Selangor hendak harga yang paling rendah. Boleh jadi Puncak Niaga hendak harga yang paling tinggi. Jadi, sehinggakan ada harga yang diberitahu dalam surat khabar melebihi harganya, melebihi harga *capitalisation* of Puncak Niaga. Puncak Niaga tu syarikat induk SYABAS. Kalau kita ambil kira harga saham tu berapa? Dan harga yang dinyatakan tu lebih tinggi daripada semua nilai saham Puncak Niaga. Jadi, maknanya kalau kita nak beli SYABAS lebihah kita beli Puncak Niaga. Macam itu. Jadi itu caranya. Tetapi hal begini biasa, memang perkara biasa dalam perundingan. Orang yang hendak menjual hendak meletakkan harga yang setinggi-tingginya. Orang yang hendak membeli juga mencari jalan supaya menyesuaikan harga. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor tidak sedia meneruskan pelaksanaan penyusunan semula ini jika harganya tidak dapat dipertahankan. Pertahankan, maknanya kita boleh pertahankan daripada segi masyarakat mahu bertanya kenapa beli dengan harga yang terlalu banyak dan mempertahankan pulangan daripadanya? Kalau kita beli mahal, pulangannya pun turun. Jadi, tak dapat mempertahankan, dan saya fikir perkara ini perlu dilakukan. Itulah soalan, adakah memanfaatkan rakyat atau kerajaan? Hanya apabila ia boleh memanfaatkan rakyat dan kerajaan baru kita bersetuju dalam pembelian tersebut.

Sehubungan itu, saya berpendapat kita hendak lakukan dua hal serentak dan saya berharap pada Disember ini kita hendak umumkan penyusunan semula dengan teratur. Tetapi kerja sudah dijalankan dan kerja penasihat, penilaian dan pemeriksaan akaun semuanya dilakukan. Saya fikir penyusunan semula ini agak *complicated* dan bukan senang tetapi mesti dilakukan demi kepentingan masyarakat di Selangor. Walau bagaimanapun, rundingan kita agak baik sebab kerajaan Persekutuan hendak bersama kita, sebabnya apabila harga air naik di negeri Selangor bererti harga air naik di Wilayah. Bermakna, Wilayah juga pembeli air di Negeri Selangor. Jadi kalau ia naikkan harga di Selangor kita tambah lagi harga di Wilayah. Maknanya, untuk penyesuaian. Oleh sebab itulah saya berharap, berapa jumlah yang diperlukan untuk mengambil alih Syabas, perlulah pada harga paling rendah. Supaya pulangannya kita tentukan dengan rakyat Selangor mendapat harga air yang berpatutan. Terima Kasih.

**PUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM :** Terima Kasih, Tuan Speaker, Batang Kali banyak buluh, soalan No. 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : BANDAR BARU YANG TERBENGKALAI**

10. Bandar Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung merupakan bandar baru tetapi keadaan fizikal penyelenggaraan infrastrukturnya seperti bandar yang ditinggalkan .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan negeri terhadap pemaju dan pemilik rumah-rumah yang tidak didiami?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menambah jadual kekerapan untuk memotong rumput di bandar ini?
- c) Masalah bumbung pangsapuri Seri Cempaka yang terhenti dari membaik pulih selepas Kerajaan Negeri bertukar?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Terima Kasih Yang Berhormat Batang Kali. *Bismillahi rahmani rahim*. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kerajaan Negeri amat memahami akan masalah yang akan dihadapi oleh pemaju-pemaju dan pemilik-pemilik rumah-rumah atau pun lot-lot kediaman, lot-lot perniagaan yang tidak didiami di Bandar Baru Bukit Beruntung di Bukit Beruntung dan juga di Bukit Sentosa. Dan salah satu usaha untuk menarik dan menggalakkan pemilik premis-premis ini untuk tinggal di situ adalah dengan kita menyediakan atau mempertingkatkan kemudahan-kemudahan di kawasan tersebut. Kita tahu bahawa Majlis Daerah Hulu Selangor telah meluluskan beberapa projek seperti pembinaan sekolah rendah di Bukit Beruntung Satu, pembinaan sekolah menengah di Bukit Sentosa Dua, dan pembinaan sekolah agama di Bukit Sentosa Tiga. Walau bagaimanapun satu penyelesaian jangka panjang perlu kita cari untuk kita menghidupkan kawasan tersebut. Dan satu pencetus ekonomi atau beberapa pencetus ekonomi perlu diwujudkan atau pun dibawa masuk ke kawasan tersebut. Kita faham bahawa pada asalnya kawasan Bukit Beruntung, Bukit Sentosa telah digelar sebagai *The New Subang Jaya* atau *The Second PJ* pada mulanya ia dibangunkan kerana ia diwar-warkan ketika itu bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur akan di tempatkan di Hulu Selangor. Oleh kerana pembangunan itu tidak berjalan atau tak jadi maka sudah tentulah kawasan tersebut akan menghadapi masalah. Kawasan tersebut sebenarnya dipersiapkan untuk limpahan aktiviti dari sebuah lapangan terbang antara bangsa. Kalau tak ada lapangan terbang tersebut, maka kita tahulah apa yang kita hadapi sekarang. Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk membawa masuk aktiviti ekonomi atau pun pencetus aktiviti ekonomi untuk membangunkan kawasan itu dan terdapat pemaju-pemaju yang mempunyai tanah di kawasan itu yang mahu menukar syarat guna tanah mereka dari kediaman kepada industri perusahaan. Inilah di antara perkara yang kita merasakan boleh menghidupkan kawasan tersebut.

Selain daripada itu Puan Speaker, Kerajaan juga sedang berusaha kalau boleh untuk menarik Institusi Pengajian Tinggi atau IPT ke kawasan itu dan kami telah mengadakan hubungan atau *contact* dengan sebuah IPT apabila mengetahui mereka mahukan sekeping tanah seluas 700 ekar untuk kampus cawangannya. Walau bagaimanapun

kita terpaksa bersainglah dengan beberapa negeri yang lain. Tetapi kita akan teruskan rundingan dan kita yakin bahawa suasana pelaburan yang terbaik dapat kita tawarkan seperti ketelusan seperti itu tidak ada *hidden cost*. Puan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat selain dari membangunkan tanah-tanah yang belum dimajukan, strategi kedua adalah mengusahakan supaya lot-lot kediaman atau pun unit-unit kediaman, unit-unit perniagaan itu diusahakan supaya dapat disewa secara borong, dan ada pengusaha-pengusaha telah datang berjumpa, dia hendak sewa secara borong, dan ada satu cadangan untuk dijadikan asrama pekerja. Ini sedang kita kaji. Tapi ada satu lagi cadangan yang rasanya kita tolak, yang kita rasa kita tidak boleh terima, dia hendak menjadikan unit-unit perniagaan itu untuk ditenak rusa di dalamnya. Saya rasa itu kena pergi kepada YB yang terlibatlah. Jadi, Insya-Allah, perkara ini akan kita teruskan dan kita akan bincangkan dan kita yakinlah bahawa untuk menyelesaikan masalah rumah yang tidak didiami, kedai tidak didiami adalah untuk menjana satu aktiviti ekonomi di sana. Untuk soalan kedua daripada Yang Berhormat Batang Kali, tentang jadual kekerapan memotong rumput di Bukit Sentosa di kawasan tersebut. Buat masa ini bahu jalan kita potong sekali sebulan. Padang permainan kanak-kanak dan padang awam dua kali sebulan. Tetapi masalahnya ini dilakukan oleh Majlis. Tetapi masalahnya adalah kawasan-kawasan yang tidak diserahkan oleh pemaju kepada Majlis Daerah. Dan kita telah membuat keputusan bahawa kawasan-kawasan tersebut juga akan dipotong oleh Majlis Daerah mengikut kekerapan yang ditetapkan iaitu bahu jalan sekali sebulan, padang permainan dua kali sebulan dan kita akan caj kos untuk memotong rumput ini kepada pihak pemaju. Soalan ketiga Yang Berhormat Batang Kali bertanya, bahawa Yang Berhormat pernah membangkitkan perkara ini di sidang yang lepas tentang di Seri Cempaka di mana kerja membaik pulih bumbung yang telah rosak akibat ribut telah diberhentikan. Tetapi gambaran yang diberi oleh Yang Berhormat seolah-olah kerosakan pada bumbung rumah di Seri Cempaka berlaku selepas 8 Mac. Iaitu selepas kemenangan Pakatan Rakyat dan kerajaan tidak melakukan apa-apa. Tetapi pada hakikatnya kerosakan yang berlaku di pangsapuri itu yang lain-lain di situ juga seperti di Bukit Sentosa, di Bukit Beruntung dan Prima Beruntung berlaku sejak 2004. Menuding jari kepada Pakatan Rakyat tetapi benda itu berlaku dah lama dah. Setelah didesak oleh penduduk hanyalah pada 13 Ogos 2007 Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika itu telah berjanji 2007 ya berjanji untuk menyelesaikan masalah penduduk dengan mengambil tanah pemaju untuk membiayai kos membaik pulih. Ini sila rujuk kepada akhbar tempatan pada 13 Ogos 2007 *statement* ini dibuat. Dan Yang Berhormat Batang Kali juga mendakwa kerja-kerja membaik pulih dihentikan selepas berlaku pertukaran Kerajaan. Seolah-olah kerajaan yang baru menghentikan kerja-kerja membaik pulih. Tetapi ini tidak benar sama sekali kerana menurut Pengerusi Persatuan Penduduk Pangsapuri Seri Cempaka ini juga dalam surat khabar pada 19 Jun 2008, dia kata kerja-kerja membaik pulih itu diberhentikan menjelang pilihan raya. Jadi bukan bermakna kerajaan Pakatan Rakyat yang memberhentikan kerja-kerja tersebut. Tetapi Puan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin dan kebajikan kami mengambil perhatian akan masalah penduduk saya dah turun sendiri berbincang dengan penduduk melihat akan keadaan di sana dan saya telah mengarahkan Majlis Daerah Hulu Selangor menjalankan kerja-kerja membaik pulih Pangsapuri-Pangsapuri yang kritikal. Walau bagaimanapun satu jalan menyelesaikan jangka panjang perlu pada Daerah Hulu Selangor MPHS telah kita arahkan menyediakan satu laporan serta cadangan dengan kos untuk membaiki semua Pangsapuri-Pangsapuri yang terlibat di sana dan satu laporan dari Jurutera Profesional telah diterima dan kosnya juga telah kami terima dan kami mendapat anggaran untuk membaik pulih seluruh rumah pangsa rumah pangsa, pangsapuri-pangsapuri di kawasan Bukit Sentosa, Bukit Beruntung dan Prima Beruntung sebanyak 54 Blok yang

terlibat di sana adalah dianggarkan di antara RM10 hingga RM12 juta itu kosnya. Dan kerajaan negeri sedang mempertimbangkan cadangan ini dan akan membuat keputusan. Walau bagaimanapun untuk sementara waktu untuk penyelesaian penduduk untuk supaya penduduk dapat duduk lebih orang kata lebih terjamin kita akan mengarahkan supaya dilakukan kerja-kerja membaiki sementara. Cuma untuk maklumat Puan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian bahawa bukan semua Pangsapuri di sana didiami 100% ada yang hanya 20% dan ada hanya 30% sahaja. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Soalan tambahan Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER** : Batang Kali

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Saya faham penjelasan Yang Berhormat tetapi saya hendak memperbetulkan bahawa kita telah membina semula sebahagian Blok Seri Cempaka ketika sebelum dan ketika Pilihan Raya diadakan. Apakah malangnya nasib penduduk di sana sedangkan apabila saja memerintah 100 juta diluluskan untuk ternakan khinzir tetapi untuk masalah yang sekecil tidak sampai pun 50 juta hanya anggaran 12 juta masih tidak mampu dilaksanakan walaupun telah 6 bulan.

**PUAN SPEAKER** : Batang Kali terus kepada soalan

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Soalan saya yang terakhir.

Yang Berhormat Cempaka segak bergaya  
Bila tersenyum nampak ceria soalan tambahan saya  
Antara membina kandang dengan membaiki bumbung manusia  
Mana lebih utama dan lebih mulia

Terima kasih Puan Speaker

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Terima kasih. Dari segi membaiki pulih saya faham saya tahu tempat tersebut sebenarnya kerja-kerja itu terhenti bukan lepas Pilihan Raya sebelum Pilihan Raya di Blok Seri Cempaka itu ada 8 Blok A, B, C, D, E, F, H yang hanya dapat dibetulkan adalah F, G dan H yang dibetulkan yang lain terhenti sebelum Pilihan Raya itulah bermaknanya saya ingin menganjurkan persoalan lagi sebagai jawapan iaitu mempersalahkan Kerajaan Pakatan Rakyat dalam masa 6 bulan 7 bulan tetapi apa yang telah dilakukan dalam masa 4, 3 tahun. Apa yang dilakukan 3, 4 tahun tak buat apa tetapi merunding jari kepada Pakatan Rakyat. Terima kasih.

**PUAN SPEAKER** : Y. B. Kampung Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima Kasih Puan Speaker soalan saya soalan 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KEKURANGAN TANAH PERKUBURAN DI SELANGOR**

11. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah garis panduan yang telah digariskan oleh kerajaan negeri berkenaan dengan peruntukan tanah perkuburan dalam rancangan pembangunan?
  - b) Apakah cara-cara penyelesaian untuk mengatasi masalah kekurangan tanah perkuburan di Selangor apabila terdapat bantahan penduduk-penduduk dan pencinta alam sekitar?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, berkenaan dengan kekurangan tanah perkuburan di Selangor. Garis panduan sudahpun disediakan, iaitu piawai Perancangan Negeri Selangor untuk tanah perkuburan yang diluluskan pada tahun 2007 dan garis panduan ini sudah ada dan disebarikan antaranya piawai tanah perkuburan. Kalau bandar-bandar besar sebanyak 250 orang kaum Islam mesti ditempatkan atau tanah perkuburan ini luasnya dijangkakan 52 hektar dan bukan Islam 15 hektar. Bandar kecil atau pekan, orang Islam diperuntukkan 10 ke 20 hektar manakala bukan Islam 5 ke 15 hektar. Ada juga kawasan kejiranan yang diperlukan, untuk Islam 10 hektar dan bukan Islam 12 hektar. Ya, jawapan ini sudah ada dan piawainya pun sudah ada. Tetapi masalah yang terbesar saya dapati dalam penyelesaian ini melibatkan masalah perancangan. Ia bermakna, setiap perancangan yang kita luluskan mestilah daripada sekarang mengambil kira tanah perkuburan walaupun di sini ada usaha untuk kalau tidak boleh pemaju itu melakukan ataupun menyediakan tanah perkuburan pemaju dikenakan bayaran *formula* untuk kaedah kutipan wang sumbangan untuk kubur. Namun, hal ini pun tidak dapat menyelesaikan masalah. Sebab, ada kalanya, umpamanya di Kajang dan di Ampang, penduduknya sudah lebih daripada yang dijangkakan. Daripada awal lagi kita mula memikirkan dan sekarang kita ada perjumpaan EXCO yang membincangkan antara beberapa perkara bukanlah kita membincangkan kubur sahaja tetapi beberapa perkara. Kami mencadangkan *Integrated Regional Cemetery* jadi kami hendak di mana-mana tempat yang kita boleh adakan. Ini pun terhad. Kami pun cuma usahakan supaya ada cadangan dan dipersetujui untuk kubur masyarakat Islam dibina bertingkat-tingkat. Ini kita boleh cuba. Itu pun kita masih lagi fikirkan cara kita hendak lakukan. Ada juga beberapa cadangan daripada bukan Islam yang mencadangkan supaya kita komersialkan kubur. Maknanya, ia ada semacam *going to divana*. Tetapi saya anggap, walaupun saya daripada kumpulan Korporat, namun membisneskan perkuburan ini agak tidak digalakkan sebab ia perlu respons masyarakat terlebih dahulu ... Oleh itu, jawapannya kita hendak mengemukakan rancangan *Integrated Regional Cemetery* kalau kita hendak mempunyai tapak perkuburan yang sesuai atau tapak perkuburan yang cukup untuk rakyat di Negeri Selangor. Itu sahaja.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Puan Speaker soalan tambahan.

**PUAN SPEAKER :** Teratai

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Soalan saya. Terima kasih. Soalan saya adalah yang saya fahamkan satu dua tahun dulu kerajaan pusat pernah mencadangkan satu tapak perkuburan yang campuran di kawasan Semenyih adakah projek ini dilaksanakan oleh pihak kerajaan Pakatan Rakyat sekarang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Kita kaji tetapi oleh sebab terdapat beberapa keputusan yang masih belum difahami kerana yang Semenyih itu dilakukan oleh pihak swasta. Oleh sebab itulah cara pengambilan agak sensitif yang kita hendak lakukan. Yang Berhormat daripada Teratai agak kluatir sebab Kerajaan Negeri tada membuat keputusan untuk membenarkan kawasan perkuburan oleh sebab tiada tempat di kawasan di Ampang untuk membolehkan diadakan tempat perkuburan masyarakat Islam. Sebabnya, di situ tidak boleh mencari tempat. Tetapi ia mengambil sedikit tanah rizab hutan yang ada dinding supaya dapat menutup atau menyekat pandangan orang ramai tentang terdapatnya kawasan perkuburan tersebut. Tapi ini perkara aset. .... Tidak bolehlah kita selalu lakukan itu sebab protes daripada masyarakat setempat jika kawasan perkuburan berhampiran kawasan mereka boleh mengurangkan nilai aset mereka. Oleh itu, kita perlu terima perkara ini. Namun, masalah ini pasti sentiasa timbul sehingga kita menyelesaikan masalah menerusi Perkuburan Bersepadu atau *Integrated Regional Cemetery*. Terima kasih.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Puan Speaker soalan tambahan

**PUAN SPEAKER** : Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Terima Kasih Puan Speaker soalan No.12

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : KILANG-KILANG HARAM**

12. Bertanya kepada Y.A. B Dato' Menteri Besar:
- a) Sila berikan maklumat yang terperinci (nama, lokasi, sebab-sebab menjadi kilang haram) tentang kilang-kilang haram atau dengan permit khas di bawah kawasan Majlis Perbandaran Selayang.
  - b) Adakah dasar "pemutihan kilang haram" akan diteruskan dan berikan jumlah kilang haram yang akan "diputihkan" mengikut PBT dalam tahun 2008? Ulaskan.
  - c) Sila jelaskan polisi terbaru Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah kilang-kilang haram dan peranan agensi-agensinya kerajaan yang terbabit dalam isu ini

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih. Di kawasan Majlis Perbandaran Selayang. Untuk makluman Yang Berhormat terdapat sebanyak 37 perwakilan beroperasi di Majlis Perbandaran Selayang. Dan 33 lesen sementara telah dikeluarkan maklumat terperinci seperti nama lokasi dan jenis kilang ini saya akan beri ucapan lisan kepada Yang Berhormat selepas ini. Walau bagaimanapun faktor-faktor utama kewujudan kilang ini ialah;

1. Pemilik tanah yang mengalami masalah kewangan tidak mampu untuk menjelaskan premium tambahan yang dikenakan apabila menukarkan syarat kegunaan tanah.
2. Pemilik tanah juga sukar mendapatkan pinjaman untuk menjelaskan premium tambahan yang dikenakan kerana pemilik tanah telah berusia dan tidak layak untuk membuat pinjaman.
3. Pemilik tanah telah menyewakan tanah tersebut kepada pengusaha kilang dalam tempoh jangka masa yang panjang dan terikat dengan perjanjian yang telah dibuat.
4. Pemilik tanah hanya menggunakan sebagai daripada tanah bagi tujuan industri.
5. Pemilik tanah kurang faham mengenai tukar syarat kegunaan tanah dan menyebabkan mereka tidak permohonan.
6. Tempoh pajakan tanah luput menyebabkan pemilik tanah tidak mahu menukar syarat kegunaan tanah kerana premium tambahan bagi tempoh yang baru adalah lebih tinggi.
7. Kilang-kilang yang didirikan berada di luar kawasan zon perindustrian yang ditetapkan.
8. Kilang-Kilang yang didirikan berdekatan di antara satu sama lain dan tidak memenuhi syarat pembangunan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Akhir sekali kebanyakan kilang-kilang tidak mematuhi syarat-syarat atau kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh PBT yang berkaitan. Puan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dasar 'pemulihan kilang haram' tanpa kebenaran akan diteruskan dilakukan sehingga tahun 2010. Di bawah dasar tersebut kerajaan negeri memberi kumpulan sasaran yang terlebih untuk memutihkan atau (dengan izin) *legalised* operasi mereka dengan cara memohon pertukaran kategori dan syarat nyata tanah daripada pertanian kepada industri serta mendapatkan juga kelulusan bagi bangunan-bangunan ataupun premis yang digunakan oleh pengusaha daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan insentif-insentif di bawah dasar pemutihan kilang tanpa kebenaran seperti yang berikut :

1. Pengurangan premium tambahan itu iaitu potongan diberikan sebanyak 50%, 30% dan 10% bagi mereka yang membayar dalam tempoh 3 bulan, 6 bulan dan 9 bulan masing-masing.
2. Membenarkan bayaran premium dibuat secara ansuran sebanyak 12 kali dalam tempoh 18 bulan atau 24 bulan
3. Pemilik tanah dikecualikan daripada dikenakan premium khas atau denda yang ditetapkan di bawah kaedah 11 (6) Kaedah-kaedah Dana Selangor 2003 kepada pemilik tanah yang melanggar syarat kegunaan tanah

4. Pelanjutan tempoh pajakan tanah pertanian yang kurang dari 15 tahun diluluskan atas kegunaan industri dan premium berdasarkan nilai semasa dikenakan
5. Insentif juga diberikan oleh PBT seperti Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan diproses serentak. Denda KM digugurkan, Denda Pelan Bangunan dikurangkan 5 kali, bayaran denda lain juga dibenarkan dibayar secara beransur-ansur sebelum CF dikeluarkan dan sebagainya.
6. Untuk mempercepatkan proses tukar syarat, kuasa melulus permohonan tukar syarat telah diturunkan kepada Pentadbir Dana tertakluk kepada kilang-kilang yang berada di dalam zon yang ditetapkan
7. Syarat-syarat yang minima, syarat-syarat teknikal yang minima juga dirangka dan diguna pakai oleh semua PBT
8. Program "RH" dengan izin, telah dilaksanakan seperti pengedaran brosur-brosur, turun padang, khidmat nasihat dan bantuan melengkapkan borang-borang berkenaan oleh pegawai-pegawai kepada pemilik-pemilik atau pengusaha-pengusaha kilang juga dijalankan
9. Caruman infrastruktur sosial sebanyak RM 50,000.00 seekar di Lembah Klang dan RM 35,000.00 seekar bagi kawasan di luar Lembah Klang juga dikecualikan
10. Permit khas untuk tempoh tidak melebihi setahun dan lesen peniaga sementara diberikan oleh PBT untuk memudahkan proses pemutihan, terima kasih

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan, Puan Speaker

**PUAN SPEAKER** : Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Apakah tindakan Kerajaan sekiranya terdapat bantahan daripada penduduk yang berdekatan dengan kilang haram yang menyatakan pencemaran berlaku ?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih, jika kita mendapati bantahan daripada ataupun memorandum daripada penduduk dan Jawatankuasa Tetap akan mengkaji semula kelulusan ataupun permohonan yang dikemukakan oleh kilang tersebut. Jikalau berlaku pencemaran dan kita akan panjangkan isu ini kepada Jabatan Alam Sekitar.

**PUAN SPEAKER** : Lembah Jaya

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABD. AZIZ** : Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 13



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : KUTIPAN ZAKAT**

13. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah jumlah zakat yang telah dihimpunkan oleh Lembaga Zakat Selangor berbanding sasaran kutipan setakat separuh tahun pertama 2008? Nyatakan juga jumlah agihan zakat yang telah dibuat serta skim-skim bantuan zakat yang sedia ada ?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, mengenai kutipan zakat, jumlah kutipan zakat bagi tahun 2007 sebanyak RM202 juta berbanding dengan RM159.9 juta bagi tahun 2006, iaitu peningkatan sebanyak 26.36%. Sasaran bagi tahun 2008 pula sebanyak RM222 juta. Insya-Allah, kita diberitahu kita bakal mencapai matlamat tersebut. Dan mengenai mekanisme agihan zakat di Selangor, terdapat program pembangunan ummah melalui asnaf zakat dan program ini sebanyak 5 dan 6 program yang terperinci. Saya usahakan supaya.....program-program ini saya hantar ke pejabat Yang Berhormat Lembah Jaya untuk diteliti dan...pihak zakat, Lembaga Zakat Negeri Selangor bersedia memberikan taklimat tentang usaha-usaha yang mereka lakukan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Soalan tambahan

**PUAN SPEAKER :** Bangi

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Puan Speaker. Adun Bangi telah didekati oleh beberapa badan termasuk NGO dan meminta supaya Kerajaan Selangor mempertimbangkan cadangan sebagaimana dibuat oleh beberapa negeri umpamanya Perlis. Apabila satu badan itu diberi kuasa memungut zakat, apabila di pulang kepada pihak Lembaga Zakat Negeri dia akan diberi pulang 40% daripada pungutan itu untuk diagih sendiri oleh badan itu sendiri. Begitu juga keadaan ini berlaku di Kelantan, lebih kurang 20% pulangan kepada pemungut itu untuk diagihkan kepada asnaf di tempat masing-masing. Apakah Kerajaan Selangor bercadang kalau cara ini boleh meningkatkan pemungutan zakat sebagai insentif, tidakkah ini patut dicontohi sebagaimana yang berlaku di Negeri Perlis dan juga Kelantan kerana selama ni badan-badan ini oleh kerana mahu pulangan untuk diagihkan duit ni kepada asnaf tempat masing-masing, mereka lebih rela memungut zakat dan menghantarnya ke Kelantan dan terakhirnya menghantar ke Perlis. Zakat daripada Negeri Selangor, penduduk Selangor tapi kerana dia nak mendapat pulangan dia hantar ke Perlis dan hantar ke Kelantan. Ini berlaku biasa bukan sesuatu yang asing. Jadi ertinya mengurangkan pendapatan zakat di Negeri Selangor. Saya fikir sudah sampai masanya cara ini juga patut diikuti oleh Negeri Selangor supaya hasil zakat Selangor tidak mengalir ke negeri yang lain dan dapat digunakan untuk kepentingan rakyat di Selangor, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Bangi, perkara ini hendak saya kemukakan pandangan Bangi kepada Lembaga Zakat Selangor. Pada pandangan saya perlu kita pusatkan pemberian zakat ini supaya kita dapat memantau pemberian zakat

dan antara perkara yang penting ialah pemberian zakat oleh penzakat itu kita ada berjanji dan amanah untuk mengalirkannya kepada asnaf-asnaf yang diperlukan. Itu perkara yang pertama. Perkara yang kedua, oleh sebab sekarang Negeri Selangor ini pembayaran zakat, alhamdulillah, meningkat yang begitu tinggi, terdapat beberapa masalah tentang tidak telusnya pemberian zakat kepada semua masyarakat. Tetapi kalau ini berlaku yang cadangan Yang Berhormat daripada Bangi, maka kita kena mengadakan suatu sistem ketelusan supaya pemberian zakat tersebut tidak bertindih. Jadi, ia perlu kita lakukan. Walau bagaimanapun, terdapat cadangan oleh beberapa pakar, ulama supaya Negeri Selangor juga mengalirkan pendapatan zakat ke negeri-negeri lain. Namun, pada pandangan saya, kita masih lagi mempunyai jumlah penduduk yang banyak dan mereka yang perlu kita berikan. Jadi saya berharap walaupun jumlah itu ada mengalir ke Kelantan ataupun ke Perlis tetapi mengikut kiraan kita, jumlah pendapatan di Perlis lebih kecil, tidak sampai 10% daripada yang didapati di Negeri Selangor. Dengan yang demikian, saya, akhirnya hendak kemukakan pandangan Lembaga Zakat negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Soalan tambahan

**PUAN SPEAKER :** Silakan Kota Damansara

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Terima kasih, nak tanya berkenaan dengan zakat. Kita dapat banyak duit zakat. Adakah peruntukan untuk memberi mereka yang bukan Islam, yang miskin kerana mereka juga adalah makhluk Allah juga. Kerana kalau duit banyak tu kita "*share*" sikit lah. Hanya nak tau peruntukan dan pengagihan seperti itu, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Puan Pengerusi, ini perlu dibincangkan dengan tertib dan teliti oleh pihak Lembaga Zakat Selangor sebab pemberi zakat tersebut juga berhak dalam pemberian. Ya, dia mempunyai perjanjian amanah, ke mana wang ini disalurkan. Walau bagaimanapun, pada saya, perlu kita membezakan pengurusan akaun zakat ini dengan pengurusan akaun negeri. Pada saya, lebih baik pengurusan zakat ini bebas daripada pengurusan kewangan negeri dan saya hendak tentukan kebebasannya. Oleh sebab itu, kalaulah kita perlu menolong masyarakat bukan Islam yang memerlukan, Kerajaan Negeri juga perlu berusaha mencari dana supaya kita tidak dapat ..apa yang dipanggil kesulitan daripada segi pemberian zakat kepada pengagihan zakat. Walau bagaimanapun, kita boleh kira berapa banyak yang kita perlukan untuk masyarakat bukan Islam yang perlu kita beri pertolongan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Soalan tambahan

**PUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, Sungai Pelek

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Terima kasih Puan Speaker, Soalan No. 14

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : SKIM INSURAN WARGA MAS**

14. Pihak saya sering terima pertanyaan mengenai Skim Insurans Warga Mas Negeri Selangor daripada penduduk di kawasan DUN Sg. Pelek.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apa jenis kempen penerangan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menjelaskan skim ini?
- b) Apa kedudukan terkini berhubung dengan skim ini?

**Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek, Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Untuk makluman, nama dasar skim insurans warga emas ini telah pun kita pinda iaitu daripada Skim Warga Emas kita telah pinda kepada Mesra Usia Emas yang mana program ini untuk memberi manfaat perlindungan kepada warga emas yang berusia 65 tahun ke atas dan mengikut syarat-syarat dan terma-terma yang telah ditentukan. Skim perlindungan ini bernilai RM2500.00 yang mana program penerangan dan kempen penerangan telah pun dilaksanakan bermula daripada 100 hari yang lepas dengan kita melalui pertamanya Pusat Khidmat Merakyatkan Ekonomi Selangor di ruang legar Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Tingkat 2 dan juga kita juga maknanya Pusat Khidmat ini juga terus juga memberi penerangan kepada operasinya kepada semua 9 Majlis Daerah untuk memaklumkan skim perlindungan ini. Keduanya, kempen penerangan ini berterusan kepada talian Pusat Khidmat Mesra Ekonomi. Merakyatkan Ekonomi Selangor yang mana orang awam sendiri boleh hadir ataupun telah pun hadir menghantar borang-borang ataupun mengisi borang-borangnya. Yang ketiganya, perkhidmatan ini boleh juga dilayari melalui laman web Kerajaan Negeri iaitu [selangor.gov.my](http://selangor.gov.my). Selain daripada itu, perbincaraan ataupun pertanyaan tentang skim ini boleh dibuat melalui e-mail ya, e-mail Kerajaan Negeri iaitu [pusatkhidmatpkmes@selangor.gov.my](mailto:pusatkhidmatpkmes@selangor.gov.my). Dan kita telah dapat banyak ya, banyak email-email yang bertanya tentang perkembangan perkara ini.

Yang kelimanya selain daripada itu Pusat Khidmat Korporat juga telah turun padang untuk memaklumkan ataupun ingin memberi penerangan jika taklimat ini dalam permintaan maknanya kalau ADUN-ADUN yang memerlukan penerangan boleh minta kepada Pusat Khidmat Merakyatkan Ekonomi Selangor mereka yang berkenaan. Begitu juga edaran buku Merakyatkan Ekonomi Selangor tersebut telah pun dilaksanakan.

Selain daripada itu, pada malam Merdeka atau Ambang Merdeka ke 51 Peringkat Negeri Selangor kita juga telah melancarkan logo "Mesra Usia Emas" yang mana alhamdulillahnya selepas majlis pelancaran tersebut kita nampak bahawa sambutan daripada orang ramai amat memberangsangkan.

Puan Speaker, Jawapan kepada yang kedua, kedudukan terkini berhubung Skim Warga Emas ini. Sekarang ini skim Warga Emas telah dialihkan pengurusannya daripada di bawah Pusat Khidmat Korporat. Merakyatkan Ekonomi Selangor di

bangunan ini telah pun dipindahkan sekarang ini dikendalikan di bawah syarikat Rangkaian Usia Emas Sdn Bhd. yang mana syarikat ini adalah syarikat untuk menguruskan khusus untuk pengurusan skim perlindungan warga emas. Syarikat ini telah pun mula beroperasi pada 1 Oktober yang lalu dan sebanyak jangkakan kenapa kita laksanakan ataupun perpindahan ini berlaku kerana kita tahu bahawa pengoperasian ini lebih *'effective'* dan rangkaian ini diwujudkan untuk memantau pemberian skim perlindungan ini akan dibuat melalui urusannya melalui daripada Pusat Khidmat ADUN masing-masing. Rasionalnya dibuat begini adalah untuk memudahkan urusan orang ramai memandangkan kalau semua nak datang ke sini ada yang jauh-jauh yang tidak mampu untuk datang ke sini untuk mengisi borang dan sebagainya jadi kita telah mengalihkan pengurusannya ke Pusat Khidmat ADUN masing-masing. Ya, itu untuk lebih memudahkan dan kita nampak dalam masa sebulan ini alhamdulillah nya hampir 30 puluh ribu warga emas telah mendaftar diri untuk mendapat skim perlindungan ini. Jadi sama ada dia datang mengisi borang dan penghantarannya dibuat terus di situ dan status terkini jika berlaku kalau dulunya jika berlaku kematian orang ramai kena pergi ke Pejabat Daerah tetapi pengalihan pemberian skim ini juga dibuat melalui Pusat Khidmat ADUN, maknanya jika berlaku kematian ADUN sendiri atau wakilnya akan turun menziarahi kematian tersebut dan akan memberikan sumbangan sebanyak RM 1,000 *'on the spot'*.

Dan kali keduanya kita akan buat satu majlis penyerahan baki kepada jumlah RM 2,500 itu iaitu RM 1,500 lagi dalam majlis dalam tempoh 2 bulan daripada tempoh kematian tersebut. Itu sahaja yang ingin saya maklumkan dan sekarang ini tidak ada lagi urusan yang dibuat terus di bawah Pusat Khidmat Merakyatkan Ekonomi Selangor. Semuanya akan berjalan di bawah ADUN masing-masing. Walau bagaimanapun, Pusat Khidmat Merakyatkan Ekonomi Selangor di kaunter tingkat ruang legar ini masih diteruskan jika ada pertanyaan kami masih mengambil jawapan-jawapan tersebut. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Masa sudah tamat. Setiausaha.

### III. USUL

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Usul Mesyuarat seterusnya. Usul menurut peraturan Tetap 17 oleh Yang Berhormat Dr. Cheah Wing Yin, Damansara Utama bagi menengguhkan mesyuarat perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak di segerakan.

**Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN** : Tuan Speaker, Damansara Utama dengan segala hormatnya meminta izin mencadangkan supaya Dewan ditangguhkan kerana hendak mengemukakan sesuatu usul yang amat penting yang sedang memberi kesan yang teruk kepada anak-anak Negeri Selangor. Perkara ini adalah tertentu berkehendak disegerakan dan berkenaan kepentingan orang ramai menurut Peraturan Tetap 17, yang dimaksudkan ialah masalah banjir yang sedang melanda beberapa kawasan DUN di tempat-tempat di sebelah Sungai Kayu Ara yang meliputi beberapa kawasan di kawasan Damansara Utama di sekitaran Kampung Cempaka, Seksyen 4 0, dan Taman Mayang. Terlibat juga jiran-jiran di kawasan oleh penduduk-penduduk di Klang dan lain-lain kawasan DUN juga. Malapetaka ini tidak boleh diabaikan kerana kesan-kesan yang agak luas dan teruk misalnya di kawasan Kampung Cempaka, Air Sungai Kayu Ara naik ke paras 10 kaki di sebuah restoran di tebing sungai lebih kurang 100 rumah di tebing sungai mengalami air paras 3 hingga 5 kaki, mujurnya banjir ini berlaku pada waktu petang pukul 4.00 pada hari Sabtu, mujurnya juga tidak orang mati lemas. Sekarang adalah musim hujan sekali hujan datang penduduk-penduduk di kawasan Damansara Utama naik bimbang ke tahap ketakutan. Hujan seolah-olahnya

sudah menjadi hantu tak tau bila air liur akan menjilat nyawa dan harta benda mangsanya. Kesengsaraan yang dialami pada anak-anak Negeri Selangor agak serius dan ke tahap dan kerap juga bukan mula pada tahun 2008 iaitu sebelum pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat, tetapi yang mustahak ialah apakah puncanya dan penyelesaiannya. Bukan sahaja ditolak kepada dengan izin 'Act of God', yang patut dianalisis ialah sama ada perancangan adalah cekap dan dilaksanakan sempurna dan adakah perancangan cukup sempurna dari segi tempoh masa. Dewan mesti diberikan peluang, Tuan Speaker, peluang cukup masa untuk membahas perkara banjir sama ada sedalam-dalamnya bukan sahaja kerana sungai tak cukup dalam. Fokus mestilah berkenaan punca dan tindakan wajar yang patut diambil. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, saya telah menerima satu pemberitahu bersurat menurut Peraturan Tetap 17(2), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan daripada Yang Berhormat Damansara Utama, seperti mana yang telah dibacakan sebentar tadi. Setelah mempertimbangkan permintaan tersebut saya mendapati bahawa usul yang dicadangkan itu, walaupun adalah satu perkara berkenaan kepentingan orang ramai tetapi ia tidak menepati syarat perkara tertentu kerana tiada tarikh kejadian banjir telah dinyatakan dan oleh itu, cadangan tersebut bukanlah satu perkara yang berkehendak disegerakan. Oleh yang demikian, permohonan ditolak.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker, bolehkah kita merayu, saya sokong usul-usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

**TUAN SPEAKER** : Kalau merayu, tolong sebutkan peraturan mana boleh merayu. Kalau tidak ada rayuan tidak diterima. Teruskan aturan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Perbekalan (2009, 2008) sambungan.

#### **IV. RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009, 2008 (Sambungan)**

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, sekarang saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan. Kebiasaannya mengikut amalan Dewan Undangan ini peluang keutamaan akan diberi kepada Ketua Pembangkang kalau Ketua Pembangkang tidak berminat saya buka kepada Ahli yang lain.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Terima kasih Tuan Speaker, kalau ikut yang lepas diberikan kepada pihak kerajaan dulu kemudian baru pihak pembangkang sebab itu saya menunggu.

**TUAN SPEAKER** : Itu sebenarnya apa yang berlaku itu pada sidang yang terakhir apabila Barisan Nasional memerintah tetapi sebelum itu semuanya Ketua Pembangkang dulu. Jadi disebabkan Barisan Nasional tukar amalan sebab itu dia kalah dalam pilihan raya umum.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Terima kasih Tuan Speaker, saya melihat bajet dibentangkan oleh YAB Menteri Besar semalam adalah satu Bajet yang bersikap retorik yang tidak berasaskan kepada asas-asas yang kukuh untuk

memastikan bahawa ekonomi Negeri Selangor akan terus berkembang di masa yang akan datang. Malah bajet tersebut nampaknya menumpukan untuk menyalahkan kerajaan Barisan Nasional di atas usaha-usaha yang telah dibuat selama hari ini menyebabkan hilang fokus dan tidak dapat memberikan gambaran jelas ke mana arah Negeri Selangor yang akan dibawa dalam masa empat hingga lima tahun yang akan datang. Saya merasakan bahawa tuduhan kerajaan hari ini menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah gagal untuk mengutip pendapatan lebih kurang 30 bilion dalam masa 30 tahun adalah satu tuduhan yang serius dan saya harap kita mohon kepada Kerajaan Negeri supaya Jabatan Audit Negara dan pihak-pihak bebas untuk membuat kajian bagi memberikan penerangan yang jelas, apakah tuduhan ini benar ataupun tidak. Kita merasakan bahawa sekadar menyatakan kerajaan hilang pendapatan tanpa bukti-bukti kukuh adalah satu tuduhan yang tak sepatutnya dibuat dalam Dewan yang amat mulia ini.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Tentang projek '*Canal City*' yang ditimbulkan dalam ucapan bajet ini saya menjelaskan bahawa '*Canal City*' dibuat atas urusan untuk menyediakan sebuah *Canal* yang besar bagi mengalirkan lebih air ketika hujan lebat sama ada di Sungai Langat ataupun di Sungai Klang dan *Canal* ini memakan belanja lebih kurang RM 1 bilion' jika ia dibina mengikut peraturan-peraturan dan juga ketetapan-ketetapan alam sekitar yang telah diperuntukkan oleh undang-undang negara. Dan saya nak jelaskan bahawa kebanyakan tanah yang diambil adalah melalui pengambilalihan iaitu '*Land Acquisition*' oleh syarikat yang terlibat dan tanah-tanah Kerajaan Negeri pula syarikat hendaklah menyediakan kawasan perumahan moden bagi orang-orang Asli dan membeli tanah gantian kepada keluarga-keluarga orang Asli dan ini tidak termasuk dalam apa yang dicadangkan atau diperkatakan oleh Y AB Menteri Besar.

Saya melihat tuduhan-tuduhan ini dibuat kerana kurangnya pemerhatian yang teliti dalam kita menjalankan projek 70 / 30, saya sedar sebelum saya menjadi Menteri Besar banyak masalah-masalah timbul dan saya telah membuat beberapa pembaharuan dan memastikan bahawa masalah tersebut tidak berulang lagi. Saya harus menjelaskan di sini bahawa mana-mana syarikat yang ingin berusaha sama dengan Kerajaan Negeri mereka perlu terlebih dahulu membayar premium tanah. Jadi kalau kita berikan tanah kepada syarikat kita hanya dapat premium sahaja. Tetapi bila buat projek penswastaan '*on top of premium*' dia kena berikan 30 peratus pendapatan '*gross*' syarikat tersebut kepada Kerajaan Negeri. Dan kita juga sedar bahawa pandangan Kerajaan Negeri supaya tanah-tanah dimajukan secara sendiri tetapi sebagai Menteri Besar kita harus mengurus negeri bukan secara kaedah korporat seratus peratus. Kita harus membangunkan usahawan-usahawan kita harus memberi peluang-peluang pekerjaan dan juga kita harus melihat bandar-bandar ini dibangunkan dengan kadar yang cukup cepat supaya masalah perumahan dapat di atasi. Kalau kita melihat mengapa harga rumah di Selangor kita dapat kawal sedikit jika kita dibandingkan dengan negara-negara jiran kerana kita selalu mengambil pendekatan bahawa penyediaan mestilah lebih daripada permintaan. Jika permintaan melebihi daripada penyediaan rumah harga rumah tak terkawal dan akhirnya akan menyukarkan rakyat untuk memiliki rumah dan saya merasakan bahawa jika benar ada penyelewengan-penyelewengan hendaklah diambil tindakan kepada mereka-mereka yang terlibat. Bagi saya sejak saya menjadi Menteri Besar kita jelaskan bahawa keputusan semua dibuat melalui Jawatankuasa yang ditetapkan malah mana-mana undang-undang perjanjian antara syarikat swasta dengan mana-mana anak syarikat negeri hendaklah melalui Penasihat Undang-Undang Negeri. Jika Penasihat Undang-Undang setuju barulah tandatangan hendaklah dilaksanakan, yang ini sejak 2000

sampailah 2007. Jadi kita mengharapkan bahawa usaha-usaha untuk menidakkan hasil kerja Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini perlulah dihentikan. Eloklah kerajaan Negeri hari ini menumpukan dan 'usaha-usaha bagaimana untuk membawa Negeri Selangor ke arah yang lebih baik. Dan saya juga melihat tentang bajet yang diberikan di sektor perkhidmatan umpamanya ...

**Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI** : Penjelasan, Sg. Panjang.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih, Batu Caves

**Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI** : Tadi dijelaskan tentang perumahan, tentang harga rumah yang dapat dikawal, namun kalau kita lihat daripada konteks Kerajaan Negeri, dari konteks Negeri Selangor, wujudnya lebihan-lebihan rumah ini sehingga rumah-rumah tidak dibeli termasuk yang ada di Bukit Beruntung, sebab itu Batang Kali sebutkan hal ini, juga di Lembah Beringin. Juga yang wujud di Sungai Buaya dan sebahagian pembelian tanah-tanah FELDA Sungai Buaya tidak lagi selesai dan menyebabkan satu konflik yang besar dalam kawasan-kawasan tersebut. Yang kita bangkitkan di sini adalah soal pengurusan pembangunan ataupun pelan pembangunan yang tidak terancang dan akhirnya mengakibatkan rakyat yang membeli rumah berhutang dengan banyak kepada bank dan syarikat-syarikat yang membangun juga tidak dapat meneruskan projek-projek untuk kebaikan kita bersama. Minta Sg. Panjang tolong komen.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya rasa mungkin Batu Caves tertidur pagi tadi. Cempaka menjawab, sebenarnya masalah yang timbul kerana perancangan dulu, Lapangan terbang Antarabangsa hendak dibuat di kawasan Hulu Selangor. Tapi akhirnya Kerajaan Persekutuan memindahkan projek tersebut ke Sepang. Yang menyebabkan kawasan ini tidak mempunyai tarikan kepada penduduk untuk tinggal di sana. Tetapi saya nak nyatakan bahawa, jika kita tidak mengawal tidak memberikan penyediaan rumah lebih daripada permintaan, harga rumah akan lebih tinggi daripada sekarang. Ini yang kita kena jaga. Ini yang kita merasakan bahawa Kerajaan Negeri terdesak dalam hal ini untuk memastikan bahawa harga rumah walaupun agak mahal dibandingkan dari negeri-negeri lain tetapi ia agak terkawal jika dibandingkan dengan negara Singapura dan sebagainya. Kita harus melihat bahawa Selangor tidak boleh dibandingkan dengan negeri Perak ataupun Perlis mahupun Kelantan. Harga rumah Selangor sepatutnya dibandingkan dengan bandar seperti Johor Bahru ataupun Singapura. Ini yang harus kita lihat dan jika dilihat keadaan ini harga rumah di Selangor masih lagi dalam keadaan yang dikawal. Dan kita masih lagi mampu menyediakan rumah kos rendah dengan harga RM42,000.00 iaitu ada '*cross subsidy*' yang telah dikenakan kepada syarikat-syarikat yang terlibat. Dan kita melihat bahawa tentang industri perkhidmatan, saya tak nampak perkara-perkara spesifik disebut bagaimana untuk kita meningkatkan kualiti perkhidmatan jabatan kerajaan. Kita lihat hari ni masalah di PBT berlarutan, percubaan-percubaan telah kita buat. Kita telah melancarkan Tahun Produktiviti Negeri Selangor umpamanya untuk memastikan bahawa produktiviti kerja Negeri Selangor dapat ditingkatkan. Tapi hingga hari ini saya lihat tidak ada usaha khusus untuk meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan Negeri Selangor. Bagaimana kita nak jadikan Negeri Selangor sebagai hub perkhidmatan. Jika hari ini kita gagal untuk perkhidmatan yang terbaik kepada Kerajaan Negeri dan saya mengharapkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil semula kaedah kita menilai prestasi Negeri Selangor. Kita telah lantik satu syarikat..

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD :** Minta penjelasan, Tuan Speaker. Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya kepada Sg. Panjang adakah beliau mahu mencadangkan pemberian penyapu sebagaimana yang diamalkan dahulu untuk diperkenalkan oleh Kerajaan baru Negeri Selangor.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Saya harus menjelaskan tentang penyapu dan saya harap ADUN, tak nampak dari sini, Seri Setia faham kita lihat kadar ini diambil selepas mendapat persetujuan daripada pegawai-pegawai. Saya nak jelaskan hari ni secara terus terang saya katakan apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. Pegawai-pegawai Kerajaan dan juga PBT. Dan saya lihat hari ni semakin teruk. Kalau dulu Kerajaan ditohmah tidak mampu menjalankan projek angkut sampah dan sebagainya. Masalah ini semakin berlarutan. Jalan berlubang, lampu tak menyala. Longkang tersumbat masih lagi keluar di surat khabar tiap-tiap hari. Ini tak perlukan masa yang lama.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Minta penjelasan

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Kalau saya nak katakan bahawa 6 bulan kita tidak selesaikan masalah, itu kita mengakui tetapi program-program perlu dijalankan secara teratur supaya keadaan ini tidak berleluasa di masa akan datang.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Sg. Panjang telah menyebutkan tadi bahawa keadaan masih lagi teruk bahkan bertambah teruk. Saya nak mendapatkan penjelasan adakah Sg. Panjang sedar bahawa apa yang ada pada hari ini adalah kita warisi dari Kerajaan lama.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Terima kasih Sri Muda, takkanlah nak '*check*' lampu tak menyala pakai 6 bulan. 6 bulan '*come on*' bukannya 6 hari. Saya tak mintak jalan dibuat yang baru, yang saya tanyakan lampu tak menyala, jalan berlubang, sampah tak angkut. Adakah ini nak perlukan 6 tahun? '*Come on*'.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Tuan Speaker, minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Sungai Panjang tahu tak pengangkutan sampah ini diuruskan oleh Alam Flora dan tahukah Yang Berhormat Sungai Panjang Alam Flora ini adalah anak syarikat MOF, *Ministry of Finance*, dengan izin.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Terima kasih, memanglah. Tetapi perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan Alam Flora adalah interim *agreement*. Kerajaan Negeri berhak untuk buat tindakan sepenuhnya. Saya nak jelaskan kenapa Kerajaan BN dulu tidak memutuskan hubungan Alam Flora. Kerana Kerajaan Persekutuan membantu 30% kos angkut sampah Kerajaan Negeri. Dalam keadaan sekarang, Kerajaan Persekutuan mungkin tidak mahu membantu, ambil tindakan cepat, tak ada masalah, interim *agreement*, bukannya masalah yang besar. Dan saya melihat perkara ini semakin membebankan rakyat. Jadi saya harap tentang perkhidmatan lagi, kita melihat juga tentang perkhidmatan di pejabat tanah dan sebagainya. Hari ni semakin lembap. Nak mendapat kelulusan projek hari ini cukup lembap. 6 bulan saya difahamkan, di Sepang hanya 1 sahaja projek dilancarkan. '*Concern*', Tuan Speaker, 3 minggu 4 minggu tak selesai. Yang ini yang saya bimbang. Saya harap teguran saya diambil secara positif. Kerana saya berusaha 8 tahun nak meningkatkan kualiti perkhidmatan walaupun ada kegagalan tetapi saya telah berusaha bersungguh-sungguh. Tapi hari ni nampaknya keadaan semakin teruk. Dan saya harap perkara ini



diambil tindakan dengan sewajarnya. Ditambah pula dengan pelantikan Ahli PBT umpamanya, yang tidak berpengetahuan. Seinggakan ada ahli-ahli Kaunselor PBT nak undi tidak percaya pada YDP. Selain daripada melantik daripada yang luar. Kita faham, Pakatan Rakyat terikat dengan NGO dan sebagainya, tetapi kalau Ahli PBT duduk di luar kawasan, susah nak berkhidmat. Saya nak tanya juga bagi peruntukan RM10,000.00 untuk apa? Speaker, apa kita boleh buat dengan RM 10,000.00 Tuan Speaker? Nak buat longkang RM 10,000.00? Apa maknanya peruntukan Ahli Majlis RM 10,000.000? Saya tak nampak ada rasional nya Tuan Speaker dan nak kawal cukup susah. Kita kena ada rasional. Kalau RM100,000.00 diperuntukkan kita setuju kerana sekurang-kurangnya '*urgent matters*' boleh diambil secara langsung tanpa melalui birokrasi yang panjang. Peruntukan RM10,000.00 ini seolah-olah merasuah PBT.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Tuan Speaker, Tuan Speaker, saya ingin mencelah sedikit.

**TUAN SPEAKER :** Silakan

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Terima kasih Sg. Panjang ya, ada 2 perkara yang saya nak mencelah di sini dan saya pun rasa terpanggil untuk mencelah. Pertama tadi ialah yang dibangkitkan oleh teman kita mengenai hal mengenai penyapu ni walaupun kecil kita pandang tapi kesannya sangat besar. Dan Kerajaan Pakatan Rakyat selama 8 bulan ni berusaha sedaya upaya nak membangkitkan balik moral di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang sudah tercalar akibat daripada satu tindakan Menteri Besar yang tak pernah berlaku dalam sejarah di Malaysia ini menghadihkan kepada Ketua Jabatan dengan penyapu. Dan saya nak menyebutkan ya kalau kita tengok dikatakan tadi macam tak ada pilihan. Pegawai-pegawai Kerajaan yang mencadangkan supaya diberikan penyapu. Sebagai Menteri Besar, kalau misalnya cadangan daripada Jabatan Kerajaan, Ketua Kerajaan mengatakan Pegawai Kerajaan nak beri penyapu takkanlah Menteri Besar sampai tak ada otak nak memikirkannya bahawa itu tindakan paling baik untuk diberikannya. Dan saya merasakan saya sangat-sangat simpati, betul-betul saya simpan lagi gambar tersebut, simpan lagi gambar tersebut. Dan saya merasakan ini adalah satu perkara yang Menteri Besar ketika itu '*reduce*' pegawai-pegawai kerajaan ini bukan sebagai manusia tapi sebagai alat sebagai benda-benda yang dianggap boleh di manipulasi bila-bila seinggakan sanggup diberikan penyapu kepada mereka. Saya rasa ini satu tindakan yang tidak wajar yang kalau kita dapat ulasan-ulasan daripada Tan Sri Md Taib sendiri, beliau menyebutkannya ada, kerana hadiah penyapu ini lah yang menyebabkan kami berada di tempat ini dan saudara berada di tempat di sana. Nombor 2 yang saya hendak sebutkan tadi ialah tentang perkhidmatan yang diberikan oleh Alam Flora. Yang dikatakannya perkhidmatan tak bagus, pungut sampahnya tak bagus dan sebagainya tapi saya nak mengatakan kontrak-kontrak itu saya dah tengok senarainya, hampir semuanya sebahagiannya Ketua Bahagian UMNO, sebahagiannya Ketua Timbalan UMNO, sebahagiannya Naib Ketua UMNO, sebahagiannya Ahli-ahli Jawatankuasa UMNO. Oleh kerana UMNO nya itu lah yang menyebabkan perkara-perkara mengenai urusan Perbandaran, khidmat Perbandaran menjadi begitu jelik sebagaimana yang kita sebutkan tadi. Saya nak menyebutkan kenapa dibenarkan orang pemegang-pemegang jawatan politik yang memang jelas UMNO nya, saya boleh membuktikannya tetapi saya tidak menyebutkan satu persatu tak menyebutkan nama di sini, kerana nak menyelamatkan nama mereka di dewan yang sangat mulia ini. Tapi ini lah dia selama 8 tahun, 10 tahun, 50 tahun pun Barisan Nasional UMNO memerintah seluruhnya telah di

UMNO kan. Termasuklah pemberian kontrak-kontrak seperti ini. Kita sedang mengambil langkah saya telah diberitahu oleh Menteri Besar untuk menjadi koordinator untuk membuatkan satu data bank apa ni tempat data, pangkalan data untuk kita menjelaskan bahawa tender-tender kontraktor-kontraktor yang akan mengambil kerja-kerja di Selangor ini akan didaftarkan melalui sistem PKK untuk kita monitor untuk kita memajukan untuk kita 'train' untuk kita ubah sikap dan minda mereka supaya mereka bersama-sama dengan kita untuk memperkasa Negeri Selangor dan menjadikan Negeri Selangor ini negeri idaman, seronok didiami dan negeri yang berteraskan kepada keadilan. Ini yang akan kita lakukan. Dan saya berharap, Insya-Allah, dengan para kontraktor yang akan kita bersama-sama melayan mereka. Para kontraktor-kontraktor kelas A, B, C, D, E, F terutamanya kelas F kita akan berikan mereka tempat yang sewajarnya, memperkasakan mereka, memberikan mereka kekuatan untuk mereka sama-sama menjunjung martabat negeri Selangor ini. Saya akan memastikan, Insya-Allah, bahawa kontraktor-kontraktor yang mempunyai pertalian langsung dengan politik dan pertalian langsung yang akan menegatifkan keseluruhan perkhidmatan ini sebagaimana yang dilakukan oleh UMNO dan Barisan Nasional, Insya-Allah, tidak akan berlaku dan ini saudara-saudara kita nak mengatakan bahawa apa yang dilakukan ini atas ketelusan yang disebutkan berkali-kali oleh Dato' Menteri Besar kita dan kita akan pertahankan. Dan akhirnya saya nak menyebutkan sebagaimana yang disebutkan oleh Sg. Panjang tadi dalam hal mengenai kenapa diberikan RM 10,000.00, apa yang RM 10,000.00 boleh buat saya nak menyebutkan bukannya dalam pembentangan itu telah disebutkan yang diberikan ini mengikut kemampuan PBT-PBT, yang mampu RM 100,000.00, yang mampu RM 150,000.00, yang tak mampu kurang sikit RM 50,000.00 dan yang tak mampu sekali misalnya RM 10,000.00. Saya nak mengatakan oleh kerana Menteri Besar ni terkenal dengan projek-projek meganya, terkenal dengan projek-projek besarnya pada dia RM 10,000.00 tu tak ada makna langsung, tapi bagi kami bagi PAS RM 10,000.00 tu sangat besar kalau disalurkan betul-betul kepada orang miskin, disalurkan betul-betul kepada mereka yang memerlukan hatta RM 50.00 pun terlalu besar bagi mereka. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ucapan Gombak Setia lebih panjang daripada Sg. Panjang sekarang ini.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Terima kasih, itulah masalahnya tak adil.

**TUAN SPEAKER :** Kenapa tidak bantah.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Saya nak beritahu masalah penyapu ini sebenarnya sudah dilaksanakan di mana-mana banyak negara di Jepun, di Korea. Tak pe saya nak beritahu di antara bagi penyapu dengan menggantung kerja pegawai yang menjalankan tugas pegawai mana lebih buruk? Mana lebih buruk? Bagaimana seorang pegawai di MPAJ menjalankan tugas kerajaan meruntuhkan illegal *structure* digantung tanpa peraturan. Ini akan menyebabkan rekod perkhidmatan yang amat buruk. Janganlah kita bercakap masalah *double* standard dan maruah tetapi kita melakukan lebih buruk daripada apa yang kita cakap. Saya cukup tak senang hati pegawai yang mengikut arahan Kerajaan Negeri mengambil tindakan digantung tanpa sebab yang kukuh.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker minta laluan.

**TUAN SPEAKER :** Ya Teratai sila.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Mengenai isu MPAJ itu kuil yang dirobohkan sepatutnya pegawai itu tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Majlis. Sepatutnya semua pencerobohan hendaklah diberi notis tapi pencerobohan untuk kuil tersebut langsung tidak diberi apa-apa notis, dia cuma terima aduan pada masa pagi, tengah hari dia terus masuk dan robohkan. Saya faham semua bangunan-bangunan tidak boleh didirikan secara haram, itu kita pun semua faham cuma masalah itu mengapa notis tidak diserahkan dulu. Macam itu, apa yang tokong cina, bukan tokong cina yang datang yang merah punya, walaupun mereka nak roboh biasa akan letakkan satu notis walaupun bukan orang, dia letakkan satu notis di itu kuil tokong cina yang kecil punya yang di tepi jalan baru dia roboh dengan hari yang kemudian. Tetapi itu isu MPAJ sana ini tidak boleh diterima. Jadi saya rasa Y.B. Sungai Panjang tidak perlu disebutkan lagi.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Masalah menggantung pegawai kerajaan bukan masalah kecil. Masalah maruah dan rekod perkhidmatan ia perlu dibuat mengikut peraturan-peraturan bukan melalui surat khabar. Bagaimana kita nak tingkatkan maruah-maruah pegawai jika peraturan yang ada tidak diikuti. Nak beri notis pada pegawai pun ada peraturan-peraturan yang khusus yang perlu diikuti. Jadi saya harap perkara ini tidak berulang lagi kerana ia benar-benar merendahkan semangat pegawai. Dan kadang-kadang dapat arahan-arahan secara telefon. Ini jadi masalah kepada kita hari ini. Saya pun kadang-kadang hairan juga lah kenapa Teratai ambil orang luar mempengerusikan masalah kubur di kawasan tersebut. Ahli Parlimen luar dipanggil, saya ingat EXCO ada. Jadi saya harap janganlah libatkan orang luar dalam masalah Negeri Selangor pada masa akan datang. Tentang sektor perkhidmatan yang saya katakan lagi kita perlu menumpukan sektor ini Yang Amat Berhormat kalau tidak kita akan hilang daya saing. Di antara sebab mengapa jumlah pelaburan tahun 2004 bilion dapat kita tingkatkan sampai ke 11.18 bilion kerana kita mampu meningkatkan kualiti perkhidmatan di PBT. Jika ini tidak dikekalkan bermasalah. Saya faham yang dikatakan '*quese!*' lebih kurang 5 bilion itu hasil kerja terakhir saya dengan '*Sign Park Two*' yang sekarang dalam pembinaan. Saya ditemu oleh ramai juga pelabur-pelabur yang datang jumpa saya. Saya harap sangat dan kalau kita nak *target* sampai 12 bilion pelaburan hari ini suka atau tidak kita kena memperkukuhkan SSIC dengan pegawai yang terhad. Saya tidak jangka kita dapat mampu menarik 12 bilion Tuan Speaker dengan hanya beberapa kerat pegawai yang ada di sana. Usaha perlu dikhususkan bagaimana untuk meningkatkan kualiti. Saya nak jawab tentang RM 10,000.00 itu tadi. RM10,000.00 kalau tidak mampu Kerajaan Negeri tambah, kita bagi peruntukan supaya mencapai matlamat. Tapi kalau matlamat tidak dicapai walaupun peruntukan itu besar mahupun kecil tidak mendapat manfaat kepada rakyat. Kos mengendali dan kos memantau RM10,000 mungkin lebih besar daripada faedah yang diterima dengan wang tersebut. Jadi saya harap kepada PBT yang tidak mampu kita tambah kalau tidak, tak mendapat manfaat yang sewajarnya. Dan kita, tentang sektor pertanian, kita ada ladang buah-buahan dan kita dah bina pula *fruit seller factory*, kita bina pula jus kilang buah-buahan jus buah-buahan kerana apa kerana kita nak memanfaatkan. Kalau kita jual buah luar negara saiz tertentu saja dapat diterima. Yang kecil akan terbuang yang besar juga akan terbuang sebab itu kita adakan kilang jus supaya yang ini tidak terbuang dan kita jadikan dia jus buah-buahan. Dan kilang ini syarikat ini Yang Berhormat, memerlukan '*cool room*'. Jika ini tak dibuat maka nanti akan dikatakan projek ini gagal kerana Barisan Nasional. Tapi '*cool room*' kena buat cepat untuk pastikan bahawa hasil-hasil eksport kita berkualiti dan terus mendapat pengiktirafan daripada SSSCP dan yang lainnya GMP dan sebagainya. Jadi ini kena buat dan saya

melihat bahawa cadangan daripada Kota Anggerik cukup bagus. Ladang rakyat tetapi terdapat suatu keperlahanan dan pelaksanaan. Saya puji bagus Pakatan Rakyat. Pelaksanaannya amat lembap dan ini perlu ditingkatkan kerana kita akan menghadapi masalah harga makanan yang tinggi dan sebagainya. Dan tentang perlombongan saya setuju mengatakan bahawa kita akan adakan pendapatan sampingan daripada lombong pasir. Saya nak bertanya Yang Berhormat kita lantik kumpulan Semesta Sdn Bhd menjadi syarikat induk, syarikat ini lantik pula satu syarikat lain Khidmat Terbilang Sdn Bhd kemudiannya syarikat Khidmat Terbilang lantik lagi satu syarikat Tekmates Sdn Bhd kemudian Tekmates pula lantik lagi satu syarikat Jendela Gemilang, Jendela Gemilang lantik pula subkontraktor.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Alasan...Saya cadangkan supaya Sungai Panjang ni kena teliti fakta dengan betul. Saya rasa apa yang disebutkan Sungai Panjang tidak betul dan kena *study* balik.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya rasa fakta saya betul. Kota Anggerik...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya Sungai Panjang ada...

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tak nak, dengan Kota Anggerik dulu. Kota Anggerik tak nak duduk rumah EXCO tapi duduk rumah Kerajaan. Apa maknanya. Apa maknanya atas dasar apa EXCO duduk rumah Kerajaan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Tuan Speaker, Yang Berhormat dia hilang fokus. Sungai Panjang hilang fokus daripada membahaskan soal bajet dia dah pergi isu-isu peribadi. Saya rasa Sungai Panjang kena fokus apa yang Sungai Panjang hendak.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Dalam bajet dia sebut tentang pasir. Jadi saya nak katakan berapa lapis lagi nak diwujudkan, adakah ia dibuat secara terbuka? Saya nak tanya lantik syarikat Tekmates Sdn Bhd tidak ada tender terbuka, lantik pula syarikat Gemilang tidak ada tender terbuka.

**TUAN SPEAKER** : Mohon Sungai Panjang, Sri Muda nak minta laluan.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Ya, bagi.

**TUAN SPEAKER** : Ya silakan Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Sungai Panjang, tentang isu yang dikemukakan ini saya berpandangan bahawa Sungai Panjang tidak langsung tidak sama sekali mendapatkan penjelasan yang tepat. Saya boleh nyatakan bahawa EXCO akan memperjelaskan kemudian tentang proses bagaimana ia dilakukan tetapi saya rasa menuduh tanpa sebarang bukti dengan menyebut nama syarikat-syarikat berkenaan adalah satu tuduhan yang amat tidak berasas dan tunggu penjelasan daripada EXCO selepas daripada belanjawan supaya kita semua sedia maklum. Apa

yang disebutkan oleh Sungai Panjang ini ialah satu laporan yang langsung menyimpang dari hakikat yang sebenar. Tidak ada lapisan yang dibuat. Apa yang dilakukan adalah satu tender yang terbuka yang diberikan kepada mereka termasuklah rakan-rakan daripada Yang Berhormat Sungai Panjang sendiri juga terlibat sama untuk dipanggil dalam mesyuarat itu.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Nak katakan kalau tender terbuka nyatakan tarikh bila surat khabar. Nyatakan iklan tarikh bila surat khabar. (dewan bersorak dan menepuk meja)

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Ok kalau Yang Berhormat Sungai Panjang sebut tentang hal itu, untuk peringkat yang pertama memang mereka yang telah menghantar semua *proposal* untuk meminta kawasan pasir dipanggil itu di peringkat yang pertama tetapi selepas ini Kerajaan Negeri akan memberikan ruang secukupnya kepada semua orang untuk terlibat dipanggil kerana kita perlu segerakan oleh sebab permintaan pasir ini cukup meningkat cukup tinggi. (dewan bersorak)

**TUAN SPEAKER** : Tenang. Saya ingin mengingatkan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, apabila seseorang ahli itu berucap dan jika ada pertanyaan dan penjelasan boleh minta permohonan untuk mencelah tapi tanya soalan minta penjelasan bukan memberi penjelasan. (dewan bersorak) Jadi pembangkang jangan huru-hara dengar dulu. Tadi huru-hara sebelum saya bercakap, bila saya bercakap memihak pada dia baru dia setuju. Bertenang bersabar. Ini Speaker lain dari Speaker Barisan Nasional.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Sebab itulah Speaker menang, EXCO kalah di dalam DAP pemilihan CEC dan tahniah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan Tuan Speaker. Ya terima kasih. Akhirnya sampai giliran saya pula. Tadi Sungai Panjang banyak bercakap tentang berbagai-bagai tuduhan saya pula hairan kerana Sungai Panjang ini ada rekod membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Tadi kita dengar pun ada fakta yang silap ada fakta yang tidak betul seperti dalam kes Yang Berhormat Kinrara yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pun tulisan Yang Berhormat Sungai Panjang yang mendatangkan masalah itu langsung tidak berasas. Adakah Yang Berhormat akan terus meneruskan perbincangan ini dengan fakta-fakta yang tidak berguna sekali ataupun tidak ada fakta sekalipun. Soalan saya yang kedua Yang Berhormat Sungai Panjang, tadi Sungai Panjang ada menyatakan bahawa kita tidak ada tender, kita tidak ada iklan maklumlah Kerajaan Negeri Selangor sudah tidak mengiklankan apa-apa tender di Utusan Malaysia kalau Yang Berhormat memilih untuk membaca Utusan Malaysia itu adalah hak Yang Berhormat tapi kita ada hak untuk memilih surat khabar yang mana kita iklankan.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku, Yang Berhormat saya ingatkan bila minta permohonan untuk mencelah tanya minta penjelasan bukan memberi penjelasan membuat penuduhan. Kalau tidak akur saya tidak memberi peluang langsung. Saya beri peringatan saya tidak akan memberi peringatan lagi. Kalau mana-mana ahli yang mencelah kerana nak memberi ucapan sendiri saya akan minta dia berhenti dengan segera. Silakan Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Terima kasih, Tuan Speaker. Tentang hal azan dan sebagainya dalam *statement* saya katakan memorandum dihantar. Dihantar kepada pihak tertentu dan diterima. Y.B. Sri Puteh menjawab mula-mula dinafikan, kemudian dia mengatakan bahawa selepas kenyataan saya disiarkan pembantu dia mengatakan menerima. Saya dapat setelah dicop oleh pejabat ADUN Kinrara itu sahaja. Dan saya tak katakan saya tidak tuduh secara khusus ada parti-parti tertentu terlibat. Ini saya jelaskan saya harap perkara ini hendaklah diselesaikan kerana jelas saya katakan dalam *website* saya dalam *blog* saya dalam *statement* saya, saya beritahu. Kalau Utusan nak buat cerita yang bukan-bukan itu bukan saya. Dia tanya saya ada terima salinan aduan orang ramai mengurangkan *volume*, *loudspeaker* di Masjid Puchong dan ia dihantar satu kepada Yang Berhormat Dato' Satim. Saya tidak katakan lebih daripada itu.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Sungai Panjang sebenarnya tahu yang masjid itu bukan di bawah kawasan saya. Kalau ada penduduk sampai petisyen nak hantar salinan kepada saya seperti kita hantar kepada mana-mana agensi Kerajaan adalah wajar bagi pegawai berkenaan yang terima itu letak satu cap terima dan Yang Berhormat Sungai Panjang juga tahu yang isu azan yang berlaku di masjid berkenaan itu di kawasan Sri Serdang ini sebenarnya ia bukan sekarang ia petisyen yang bantahan telah pun dibuat malah dua tahun yang lepas. Penduduk di sana selepas saya keluar daripada ISA saya diberitahu ini tapi kenapakah Sungai Panjang putar belitkan dalam blog sehingga Utusan Malaysia siarkannya dan sehingga menyebabkan saya jatuh ke bawah ISA. Saya rasa kenyataan yang dibuat oleh Sungai Panjang ini memang amat tidak wajar dan amat memang tidak bertanggungjawab sebagai seorang bekas Menteri Besar Selangor.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya nak katakan adakah Kinrara terlibat? Kalau Kinrara tidak membuat apa-apa tidak ada masalah. Saya tidak sebut nama atau sesiapa sebab saya kata oleh parti-parti tertentu dan Utusan yang tulis itu Utusan. Ok biar saya jelaskan nanti bila ada masa EXCO jawab, jawab bukan sekarang. Nyatanya speaker....

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tapi saya pernah lihat dalam *blog* Yang Berhormat itu, memang sebut nama saya. Macam mana Berhormat menjelaskan ini. Dan ada *blog* membela melayudot.com dan juga selling tulisan Yang Berhormat ke atas *blog* pembela Melayu.dot.com itu. Sehingga semua SMS, email diedarkan yang menuduh saya yang membawa penduduk membuat petisyen bantahan terhadap masjid itu. Apakah ini amat begitu tidak bertanggungjawab bagi pihak Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya nak jelaskan, saya katakan terus terang saya katakan, saya tidak pernah spesifik nama. Itu saya katakan. Masalah isu ini, masalah isu sahaja. Masalah tulisan jawi, tulisan cina dan tulisan India pun jadi masalah juga. Saya nak tanya Yang Berhormat KINRARA alangkah baiknya kalau dibuat tulisan jawi, rumi, cina dan India. Mengapa harus dibuang tulisan jawi digantikan rumi, cina dan India.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Yang Berhormat ini adalah isu yang berlaku di Kuala Lumpur dan saya sudah beri keterangan dalam laman web saya. Kenapa isu di Kuala Lumpur ini dibawa ke negeri Selangor dan isu itu berlaku di beberapa tempat yang mana penduduk di sana yang membuat bantahan. Itu bukan isu yang berlaku di

Selangor. Kenapakah Yang Berhormat cuba memutarbelitkan, mencampur aduk semua benda, berpakat dengan Utusan Malaysia.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Saya rasa Utusan Malaysia, kalau betul Yang Berhormat Kinrara saman saya, kenapa saman Utusan saja. Saya ditelefon oleh wartawan, adakah menerima 1 memorandum. Saya kata saya pernah menerima 1 memorandum. Saya cakap. Dan memorandum itu adalah berkenaan cuba untuk mengurangkan pembesar suara di masjid Puchong. Itu saya katakan, dan saya juga telah buat *statement* kalau ada polis.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Tuan Speaker minta penjelasan, saya minta penjelasan. Satu soalan ringkas sahaja.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Minta penjelasan. Ya, silakan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Tadi Yang terhormat mengatakan tidak menyebut nama, tetapi di laman *blog* yang terhormat menulis nama Y.B Kinrara. Adakah yang terhormat bersedia untuk menarik balik tuduhan yang tidak benar itu dan adakah yang terhormat bersedia meminta maaf daripada Yang Berhormat Kinrara kerana tindakan yang tidak benar ini.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Maksud saya dalam itu yang wakil rakyat menerima memorandum. Yalah tapi itu maksudnya, dia menerima memorandum. Saya terus terang katakan bahawa. Saya nak teruskan ucapan ini. Tentang pasir tadi, Kalau boleh janganlah kerana nak cepat kita tak buat tender. Open tender itu janji.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Sedikit pencelahan, sikit je.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Nak celah ke, mana boleh. Saya nak tahu sekarang.

**TUAN SPEAKER :** Dia tak benarkan. Sila duduk, dia tak benarkan.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Terus terang saya katakan bahawa, tentang pemilihan syarikat umpamanya tadi EXCO Wanita Batu 3, kata pemilihan syarikat talian usia, kenapa tak buat secara tender untuk mengurus takaful warga emas. Semuanya, kita harus ingat. Bila kita dah janji Tuan Speaker kita kena buat.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sungai Panjang. Seri Muda minta lagi.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Mintak penjelasan ok. Macam ni yang Berhormat Sungai Panjang, kita tidak mengiklankan di Utusan Malaysia sebab kita iklankan di IT.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat ingin memberi penjelasan, Yang Berhormat sila duduk. Yang Berhormat...

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat saya ingatkan buat kali terakhir ya, jangan memberi penjelasan, mintak penjelasan. Yang Seri Serdang pun tak payah sibuk

sangat Seri Serdang tahu saya adil kan, tak payah, jangan sibuk-sibuk sangat nak buat huru-hara. Biar Sungai Panjang teruskan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Soalan saya, adakah Yang Berhormat tahu bahawa tender itu buka di Internet, kerana diiklankan melalui di Internet. Tau ke tak tau? Buat saja *blog* tapi tak tengok.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya nak jelaskan.

**TUAN SPEAKER** : Itu betul. Mintak penjelasan. Berikan penjelasan. Sungai Panjang berikan penjelasan.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya nak baca surat khabar lain semua, tak ada, ini tender tertutup saya tahu dan kita tahu juga sebab itulah harga pasir hari ini meningkat daripada RM 8.00 satu tan kepada RM 22.00. Hari ni harga pasir meningkat Tuan Speaker, RM 8.00 satu tan, RM 22.00 hari ni.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, minta penjelasan.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Ini yang saya lihat, yang saya harap, kejap dia ada masa nak jawab nanti. Bagi dia masa nak jawab, bukan sekarang.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik nak mintak penjelasan. Sungai Panjang tak benarkan, sila duduk.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Jadi saya nak jelaskan, Dato' Menteri Besar lihatlah perkara ini. Kerana dia akan memberi kesan yang besar kepada harga pemilikan rumah di masa akan datang dan ia akan memberi kesan yang besar kepada kadar pembangunan negeri Selangor dan saya berharap perkara ini diambil perhatian yang sewajarnya. Seterusnya tentang....

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang, Seri Muda minta penjelasan.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya ingat, saya nak teruskan.

**TUAN SPEAKER** : Dia tak benarkan

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Adakah Yang Berhormat tahu, bahawa ...

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda, Sri Muda, Sungai Panjang tak benarkan. Sila duduk. Terima Kasih.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Dan segi pertanian, kita harus lihat hari ni Tuan Speaker, bagaimana untuk kita mendapatkan hasil pendapatan selain daripada aktiviti umum. Saya cukup setuju dengan Dato' Menteri Besar, menaikkan paras garis kemiskinan kepada RM1500. Dan hari ini rakyat Selangor yang berpendapatan RM1500.00 ke bawah miskin, 30 peratus, syabas satu keberanian. Tetapi apakah usaha-usaha untuk mengurangkannya? Apakah usaha-usaha untuk menambah pendapatan petani, nelayan? Kita telah rancang dulu, tapi tak diteruskan. Projek cacing umpamanya, sekurang-kurangnya, jerami padi yang dibakar, membazir, mencemar alam sekitar itu dapat digunakan ke arah baja kompos, tak diteruskan.



Kalaulah yang terlibat mungkin orang UMNO dan sebagainya tukar, bagaimanapun kontraktor sampah tadi, tukar. Kuasa ada di tangan, kalau UMNO salah BN salah. Apasal tak tukar? Saya ambil contoh Tuan Speaker, rumah, Dato' Zakaria. Tindakan kita dasar perikemanusiaan disalahkan, di jaja kita

Hari ini kuasa di tangan, ambil tindakan. Saya cabar kerajaan hari ini, ambil tindakan bagaimana sebelum mereka meninggalkan kerajaan. Cadangan nak di runtuh rumah tersebut, silakan. Jangan kita bila kita tidak berkuasa kita salahkan semua orang. Saya mengambil tindakan atas perikemanusiaan, itu EXCO dulu. Hari ini kuasa di tangan, janji dibuat di rakyat. Kenapa dibiarkan? Rumah EXCO, kata nak jual, tak jual. Tak ada rumah EXCO duduk rumah Pegawai Kerajaan pula, apa maknanya? Di mana kejujuran dan ketulusan? Tuan Speaker tak duduk tak apa, duduk rumah sendiri. Ni hak kerajaan, hak pegawai kerajaan dinafikan. Saya hormat Kinrara, duduk rumah sendiri walaupun dalam keadaan yang terancam dan sebagainya. Kita harus jujur, jangan cakap lain buat lain. Keluar surat khabar temu ramah kat *News Straits Time*, duduk rumah ke rakyat. Orang tanya saya. Sedangkan rumah dibuat untuk mereka. Itu lah tujuannya dibuat Kinrara. Buat rumah supaya keselamatan terjaga bila ada apa-apa, dikawal.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker minta laluan.....

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Ini yang kita nak buat dan saya mengharapkan tentang jurang pendapatan ini. Saya merayu sangat pada kerajaan negeri. Perlu cari, perlu usaha untuk rakyat mendapat pendapatan lebih daripada usaha-usaha asal mereka. Umpamanya projek kilang patin. Ikan patin yang kita mulakan, teruskan. Kerana ia memberi impak yang besar, jika kita gagal rapatkan jurang pendapatan antara luar bandar dan bandar, 30 peratus akan meningkat 40 peratus Yang Amat Berhormat. Jangan nanti tukar pula PGK, Para grid 9. Saya harap sangat tentang perkara diambil tindakan pertanian, banyak lagi yang kita, Kontrak *farming* dan sebagainya. Usahakan sungguh-sungguh, rakyat Selangor bukan orang yang malas tetapi tidak ada sistem yang menggalakkan mereka melibatkan secara serius dalam bidang pertanian, tentang sektor perindustrian Yang Berhormat mengatakan bahawa kerajaan BN hanya menumpukan kepada perindustrian, tidak menjaga kebajikan rakyat, kebajikan rakyat diserahkan kepada pegawai Kerajaan Persekutuan. Telah ada persetujuan di antara Kerajaan Persekutuan bahawa kebajikan akan dijaga oleh Kerajaan Persekutuan kerana Kerajaan Negeri memerlukan wang untuk kita meningkatkan pendapatan rakyat bawahan. Dan kita industri, Tuan Speaker, tak pernah gagal kita berjaya menyediakan peluang pekerjaan selama 8 tahun tanpa gagal sekurang-kurangnya 20 ribu peluang pekerjaan setahun kepada rakyat Malaysia. Sebab itulah meningkatnya pelaburan dari 4 bilion kepada 11.8 bilion. Dan mengatakan bahawa anak syarikat tak diuruskan dengan baik. PKNS yang dulunya nyawa-nyawa ikan, alhamdulillah. Begitu juga... Yang dibuat sebelum saya, cukup banyak yang saya tengah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasinya. Kita harap usaha ini diteruskan pada masa akan datang.

Tuan Speaker tentang industri, kita kena hari ni melihat jangka panjang. Hari ini Sains *part 2* dalam pembinaan, jika tak dilihat jangka panjang. 1 hari nanti kita akan kekurangan kawasan industri. Nak membina kawasan industri bukannya sehari dua, kita perlukan masa 4-10 tahun. Rancanglah betul-betul, kalau kita gagal dengan adanya ujian IDR kita akan kalah. Selama 8 tahun negeri Selangor menyumbang lebih 23 peratus ekonomi negara, Pulau Pinang 11 peratus, Johor 11 peratus, Nombor 2 campur Nombor 3 tak bolehkan kalah Selangor lagi. Jangan sampai gagal. Dan saya

harap, Yang Amat Berhormat, ambillah indikator-indikator yang telah kita gunakan dengan IMD untuk menilai prestasi kita. Indikator-indikator... dan juga MPC, badan bebas pada tahun 2002 kita dapat 69% , 2005 dapat 76%, 2007 dapat 81%, dan ada 70 indikator yang telah ditetapkan oleh IMD (*Institute Management and Development Switzerland*). Ini perlu dibuat kerana kita tidak perlu takut untuk melihat kelemahan kita, kalau kita nak maju. Tanpa indikator bagaimana nak mengukur kejayaan kita, saya sayangkan negeri Selangor, Kerajaan sayangkan negeri Selangor. Kita adalah negeri yang termaju, dan gagal menguruskan ekonomi negeri Selangor, gagal lah sumbangan kita pada Kerajaan Persekutuan dan gagal lah ekonomi negara. Saya amat berharap tentang perindustrian ini, lihat semula, berikan insentif yang berpatutan, tentang pemutihan kilang. Saya tak nampak ada keagresifan dalam hal ini. Satu hari nanti kalau kilang tak ada lesen, barang-barang produk kilang tak boleh dieksport. Kerana dianggap kilang haram, sebab itu kita kena bersungguh-sungguh, memutihkan kilang ini, supaya produk yang dikeluarkan itu bukan produk kilang haram. Imej amat-amat jelik, dan kalau ini dibiarkan tidak ada syarikat besar daripada Eropah, Amerika Syarikat ingin membeli produk-produk ini. Usaha perlu bersungguh-sungguh dibuat Tuan Speaker, jika kita ingin lihat Warga Industrial terus membangun di negeri Selangor, dan kita merasakan bahawa insentif yang diberikan oleh kerajaan yang terdahulu yang disebutkan oleh EXCO tadi betul, tidak mencukupi, usul perlu dibuat terus supaya kilang-kilang ini dapat diputihkan dan produknya bukanlah hasil produk kilang haram. Yang konotasi produk yang amat buruk dan mungkin tidak akan menepati peraturan-peraturan antarabangsa.

Tuan Speaker, yang hormat sekalian, tentang pelantikan ketua kampung, saya difahamkan akan diadakan pemilihan di kampung-kampung. Sebab itu pada peringkat awalnya kita pun tidak mahu menubuhkan JKKP tetapi yang berlaku di Sabak Bernam, EXCO turun temu duga orang, lantik ketua kampung setengahnya orang luar dan tak ada AJK, tak ada Jawatankuasa, Setiausaha pun tak ada Tuan Speaker. Kalau benarlah nak dibuat pelantikan ketua kampung bagai janji Yang Amat Berhormat Menteri Besar diadakan pemilihan di kampung-kampung tak perlu JKKP. Tapi, cakap lain, buat lain. Cakap malam, lain, siang lain. Adakah ini dikatakan ketelusan, kita lantik kerana kita lihat ketua kampung, Pakatan Rakyat tidak ada jawatankuasa. Saya harap sangat perkara ini dilihat semula, dan mengatakan ketua kampung lantik tidak ada kaitan politik, ini suatu perkara yang amat tidak benar. Yang Amat Berhormat, Buku Laporan tak sampai. Semua lantikan kawasan saya terlibat dengan PAS dan PKR. Jangan nak nafikan, dan kita harap perkara ini dilihat, bila keadaan ini berlaku, keresahan timbul di bawah. Kita terpaksa menyediakan alternatif media supaya rakyat tidak gelisah. Sebab itulah JKKP diwujudkan, dan kita harap perkara ini dapat dilihat.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Tuan Speaker ! Tuan Speaker saya ingin meminta penjelasan.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : EXCO ada masa nak menjawab Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Tak, saya bukan nak menjawab, saya nak penjelasan.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Penjelasan masa EXCO nanti bukan masa sekarang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Yang berkaitan dengan perkara ini.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya tahu Selat Kelang yang ditemu duga di Sabak, saya tahu.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Panjang ! Sg. Panjang! Biar Speaker putuskan. Selat Klang nak minta penjelasan.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Ya, tentang JKKP

**TUAN SPEAKER** : Sg. Panjang ! Macam mana? Nak minta penjelasan bukan nak beri.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tanya soalan

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Ye lah soalanlah ni. Nak tanya soalan

**TUAN SPEAKER** : Ya silakan. Silakan.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Saya nak tanya berapa keutamaan kepada Sabak Bernam seolah-olah itulah punca kerajaan Barisan Nasional Malaysia menubuhkan memutuskan untuk menubuhkan JKKP adakah kerana Sabak Bernam sahaja dan ke dua soalan saya, kampung manakah yang disebut yang ketua kampungnya ada ahli jawatankuasa dan setiausahanya tiada? Sila kemukakan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Terima kasih. Saya akan hantar *list* nanti. Bukannya kampung *list*, *list* orang luar dia ada di kampung kawasan saya yang hantar kat saya. Tak saya akan *list* dan hantar *list* banyak, saya nak buat kita ada banyak. Semua kawan-kawan saya di sini ada. (Dewan bersorak) Pasir Panjang, Kawasan Pasir Panjang, Kawasan Taman Permai. Ambil satu contoh *okay*. Kampung Seri Permai, *no.. no* Kg. Seri Permai, saya bagi tau kalau nak, saya jadikan Kampung Permai pada Parit 8, ambil, *check* hari ni Parit 8, pergi *check* siapa, orang luar yang tidak ada jawatankuasa langsung sampai hari ini. Saya nak katakan janji, janji EXCO ialah dipilih di kalangan rakyat. Kita bercakap tentang akhlak tapi tak buat. Baru 6 bulan Dato' Menteri Besar belum 6 tahun lagi.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker minta penjelasan.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya ingat Kampung Tunku nantilah *you* jawab ataupun nanti jadi EXCO duduk sana cakap banyak.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Takut! Takut!

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tentang pelancongan kita harap juga industri ini dilihat secara lebih *spesifik*. Industri *Home Stay* adalah industri yang cukup baik yang memberikan impak terus rakyat di bawah perlu diberi perhatian dan kekuatan. Dalam bajet yang dibentangkan tidak disebutkan langsung kerana banyak rumah-rumah besar di kampung-kampung, bilik yang tidak digunakan haruslah dimanfaatkan dan program-program untuk kita melobi pelancong-pelancong datang ke Selangor perlu dipergiatkan lagi.

Saya harap pelancongan *agro* dan kesihatan cukup penting kerana hari ini Selangor mempunyai kelebihan untuk mempromosikan pelancongan kesihatan. Kita perlu galakkan pelancong kesihatan datang ke Negeri Selangor kerana kepakaran kita tinggi. Hospital Subang Jaya umpamanya cukup terkenal di antara jarang-jarang hospital mampu melaksanakan pembedahan hati yang berjaya di dunia. Perlu kita lihat perkara ini secara lebih teliti.

Tentang pembangunan Insan dan Modal Insan, saya cukup setuju dengan *SPIES*. Pelaksanaan hendaklah dibuat dengan lebih agresif. Peruntukan yang diberi Yang Amat Berhormat diberikan kepada projek ini cukup kecil, kena tambah peruntukan yang saya lihat.

Tentang SRA dan SAR ni, kita ada projek-projek yang telah dulu kita nyatakan perlu diteruskan. Ini projek untuk Rakyat Sekolah Agama. Kalau tak puas hati tentang kontraktor tukar kontraktor, tak ada masalah. Kuasa di tangan, pisau mentimun di tangan, apa masalah, tetapi projek jangan diperlahankan. Jika diperlahankan, dia merosakkan kualiti pendidikan anak-anak kita. Masalah sosial ketika mana kita berkerajaan dulu kita tempelak dengan masalah sosial tetapi hari ini kita baca surat khabar, rumah urut semakin banyak khususnya di MPSJ seolah-olah dulu kalaulah PKR jadi kerajaan tidak akan ada rumah urut dan tidak akan ada masalah sosial tetapi hari ini masalah ini semakin membarah. Anak-anak muda duduk di *cyber cafe* pukul 4 pagi. Semuanya ini perlu diperhatikan kerana ia membimbangkan. Pusat hiburan buka lebih masa, saya dulu ditempelak Tuan Speaker. Surat khabar mengatakan saya tak bertanggungjawab. Saya ambil inisiatif Yang Amat Berhormat, melawat sendiri pusat-pusat yang tidak ditutup ikut masa. Itu pun tak termampu saya. Tapi hari ini dia lebih berleluasa daripada sebelumnya.

Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian,

Saya harap sangatlah usaha dibuat untuk merapatkan jurang pendapatan Yang Berhormat, janganlah *manage this state* macam syarikat kerana bagi saya sebagai Menteri Besar yang penting kebajikan rakyat itu adalah *profit* bagi kita. Rakyat hidup dengan keadaan yang baik, itu *profit* bagi kita dan kita kena teruskan usaha-usaha ini di masa akan datang.

Isu yang lebih kritikal lagi Yang Amat Berhormat isu sampah Tuan Speaker. Pungutan sampah ini, *landfill* yang ada hari ini Kuala Selangor. Kita dulu cadang Yang Amat Berhormat ada 3 *landfill* di sepanjang pantai. Satu di Sabak Bernam, satu di Kuala Selangor Tengah, satu lagi di Kuala Langat kerana kita memikirkan jarak sampah nak diangkut, kos yang meningkat sehinggakan hari ini lebih 40% pendapatan PBT digunakan untuk menyelesaikan masalah sampah. Itu pun nasiblah Yang Berhormat tak mengotakan janji, potong berapa? 20 peratus? Kalau potong hari itu tutup semua PBT. Tak apalah terima kasih kerana tak mengotakan janji. Saya nak beritahu kalau sistem ini tak dibuat 5 tahun dari sekarang, kita akan hadapi masalah pencemaran yang lebih berat dan lebih susah lagi. Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat ambil perhatian ini dan hari ini kita ada lebih 16 *dumping site*. Ramai tokoh-tokoh alam sekitar yang sebelum ini menjadi wakil rakyat bercakap masalah ini. Kenapa hari ini diam? Kenapa tak berjuang tutup *dumping site*? Kerana hari ini kita berkuasa maka kita tak perlu bercakap perkara-perkara yang tak betul. 16 *dumping site* ini kalau tak ditutup, dia merupakan *time bomb* kepada industri air Negeri Selangor. Kita harap perkara ini

diambil perhatian dan rancangan telah dibuat, kalau perkara ini tak ada duit, saya tahu nak buat *landfill* bukannya murah, Tuan Speaker. Satu *landfill* makan banyak hampir 100 juta di awalnya tetapi harus dibuat dan bincang dengan Kerajaan Persekutuan dengan sebaik-baiknya kerana ini penting, amat penting dan kita perlu dapatkan bantuan.

Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian,

Kita melihat juga tentang dulu ditimbulkan peruntukan wakil rakyat. Sebelum pilihan raya, saya ditohmah dalam bilik ini menggunakan peruntukan saya lima ratus ribu. Saya pun naif ketika itu, terima tuduhan itu dengan rasa sedih. Bila saya *check*, saya baru belanja seratus lebih dua puluh ribu. Ke mana duit lebih itu? Jadi kalau boleh Yang Amat Berhormat di dalam dewan ini, janganlah buat *statement* yang tak kukuh, mengurangkan *kredibiliti* kita sebagai pemimpin. Saya belanja seratus lebih dua puluh ribu lebih dituduh lima ratus ribu saya belanja dalam dewan ini. Keluar *statement* nyata.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB** : Nakkan penjelasan, boleh ?

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya nak teruskan. Jadi saya harap sangat kepada Yang Amat Berhormat dan rakan-rakan di sana, kita melihat bahawa isu perusahaan air, industri air, saya cukup setuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat pagi tadi tetapi tidak ada pilihan lain kena percepatkan bukan sahaja perusahaan air, pemindahan air daripada Pahang atau negeri lain pun perlu dipercepatkan. Kadar industri yang berlaku Selangor cukup-cukup tinggi. Kalau gagal 2011 kemungkinan besar Negeri Selangor akan menghadapi krisis air, pelabur akan lari ke negeri yang lain, kilang akan tutup, pekerjaan tidak ada, pendapatan tak ada, masalah sosial meningkat, keganasan juga akan menjadi ancaman berat kepada rakyat Negeri Selangor. Nak buat ni, nak buat loji pembersihan air, ini memakan masa 10 tahun Tuan Speaker. Hari ini 2008, 3 tahun lagi 2011, tak bimbangkah kita sebagai rakyat Selangor? Dato' Menteri Besar mengatakan ada sumber lain, saya tahu banyak lombong-lombong yang dinyatakan tapi *check* apa *content* air tersebut. Kebanyakannya ada logam berat seperti *alcalinate* yang tidak boleh dibersihkan oleh teknologi dan ia akan diminum oleh rakyat. Saya harap sangat projek ini dipercepatkan, mohon merayu kepada Kerajaan Persekutuan kerana kalau air bermasalah, ekonomi negara akan merudum, imej negara akan tercalar dan hari ini kita terdesak kerana kita hanya ada 3 tahun nak buat ni 11 tahun baru siap itu pun kalau ikut *schedule* yang telah dinyatakan. Janganlah perusahaan air ini selesai kerana infrastrukturnya perlu dibina dengan segera. Saya harap sangat perkara ini dapat dipercepatkan di masa yang akan datang, bimbang saya Yang Amat Berhormat. Jangan sampai apa yang ada terlepas, yang dikendong keciciran.

Saya harap sangat kepada Yang Amat Berhormat dapatlah melihat balik bagaimana untuk kita meningkatkan kualiti servis dan juga perkhidmatan kepada rakyat. Saya harap teguran ini dapat diterima dengan positif kerana saya ikhlas menegur memberi pandangan yang sewajarnya. Saya harap sangat kerajaan hari ini menumpukan terus kepada pembangunan. Tumpukan tentang program yang hendak dibuat, perancangan masa depan dan saya lihat buku ini dikeluarkan "Hala Tuju 25 Tahun", saya cakap terima kasihlah, 90 peratus dalam ini telah kita usahakan 8 tahun yang lepas. Alhamdulillah, yang baik kita terima, yang tak baik kita tak terima, apa nak malu, apa kita nak malu terima pandangan yang baik. Adakan itu satu yang menjatuhkan maruah

kita? Yang penting negeri kita maju dan berjaya. Ya Alhamdulillah kalau ini boleh dilaksanakan dan semua wakil rakyat membaca ini, memahami tentang apa yang telah disuratkan maka saya yakin kita akan terus mendepani negeri-negeri lain, yang saya bimbang kita tak baca, tinggal macam itu aje. Lepas masalah itu berulang-ulang ditimbulkan. Saya harap sangat kepada Yang Amat Berhormat ambil tindakan ini dan saya juga nak ucapkan terima kasih kepada ADUN Pandamaran yang fail *code* sampai sekarang saya tak dapat lagi *surve*, saya tahu kenapa, saya menunggu, saya tak akan lari kerana saya tahu Damansara tak akan menafikan pada malam tersebut ditahan lokap. Damansara tak akan nafikan, saya tahu malam tersebut dia ditahan lokap.

**TUAN SPEAKER :** Itu tidak ada kena mengena dengan Pentadbiran Kerajaan ye.

**Y.B. DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Jadi ok, ok. Tuan Speaker terima kasih kerana memberi peluang kepada saya, saya harap teguran ini diterima dengan baik. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya Tuan Speaker, saya nak tanya dengan Cempaka dia kata dalam dewan ini ada dasar-dasar baru setinggaan sifar. 6 bulan dah bukan nak buat rumah, buat rumah pakai dua tahun dasar baru keluarkanlah kerana rakyat di bawah menunggu. Sebahagian daripada mereka dipindahkan ke rumah DBKL Tuan Speaker dan sebahagian dibayar oleh syarikat terlibat sewanya. Sebahagiannya PKNS dan sebagainya. Lagi lambat dasar dikeluarkan sewa rumah dibayar. Ada syarikat berbelanja sampai 1 juta sebulan bayar sewa rumah. Kalau ini dibiarkan saya rasa semua syarikat akan tutup dan siapa akan tanggung sewa rumah di DBKL pada masa-masa akan datang. Lambat buat keputusan Yang Amat Berhormat *state* akan terpaksa menanggung kerugian. Saya harap nak tukar dasar hak kerajaan jangan sampai dia memakan belanja yang lebih duit kerajaan negeri kerana ini menunjukkan kita tidak telus, dan akhirnya projek ini gagal ramai keluarga yang menghadapi masalah. Saya difahamkan DBKL dah bagi *warning* tak bayar sewa dia suruh keluar daripada kuarters DBKL. Ini teguran saya cakap secara ikhlas ambillah, putuskan secara cepat. Sekian Speaker saya mohon menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Lebih satu jam Sungai Panjang berucap saya rasa cemburu, tiga belas tahun saya jadi Ketua Pembangkang, tiga puluh minit saja yang diberi satu minit lebih pun tak boleh. Tapi Speaker baru kita bagi peluang sepenuhnya satu jam cukup-cukup kita bagi juga. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, selamat sejahtera saya ucapan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan *kabare*. Sekinchan ingin turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong satu ucapan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semalam. Sesungguhnya bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat cukup bernas dan tepat pada masanya, di mana ekonomi global sedang dilanda krisis keyakinan dan kemelesetan yang ketara. Begitu juga dengan negara Malaysia dan Selangor khususnya tidak akan terkecuali dari masalah tersebut. Sebelum saya pergi dengan lebih lanjut dan panjang. Sebab tadi saya dengar betul-betul apa yang dibahaskan, yang disuarakan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang selaku Ketua Pembangkang. Maklumlah dulu saya pun pembangkang. Yang Berhormat Tuan Speaker pun pembangkang, jadilah sayalah yang perasan, saya nak dengar apa yang dia nak suarakan tapi isi yang disuarakan ada yang benar kita harus terima tapi banyak yang terlepas, yang terlepas. Contoh-contoh yang terlepas, contohnya yang di mana tuduhan terhadap Yang Berhormat Kinrara yang mengatakan tidak menyebut nama Yang Berhormat Kinrara. Ini yang saya nak tunjukkan satu daripada laman web Yang

Berhormat Sungai Panjang Dr Mohamad Khir bin Toyo. Menjawab satu soalan dari pada saudara Sinatra pada 9.7.08 hari Rabu. Memang betul ada petisyen dari Kaum Cina Kinrara yang meminta diperlahankan suara azan, petisyen ini disokong oleh Yang Berhormat Teresa Kok. Ini dia siapa yang jawab. Khir Toyo yang jawab, tak panjang saya ambil sikit saja. Tadi kata tak sebut, disebut apa.. disokong oleh Yang Berhormat Kinrara masya-Allah...

**Y.B. DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tuan Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Kalau Orang Islam...

**Y.B. DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tuan Speaker, Tuan Speaker saya maksudkan diterima.....

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang, Sungai Panjang kalau nak minta jelas tolong bangun dulu jangan cakap dengan mikrofon dengan cara duduk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker dalam suasana dalam bulan raya ni, saya mengambil peluang mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri maaf zahir dan batin *jalok ngapuro* kepada semua Umat Islam termasuk yang bukan Islam. Dan saya diberitahu bagi Orang Islam memfitnah itu lebih teruk dari membunuh. Nanti mintaklah ustaz-ustaz tolong perjelaskan. Seterusnya juga beri pujian sikitlah kepada Tuan Speaker kita kerana dalam dewan yang mulia tak pernah dalam sejarah negeri Selangor ni kita nampak kita beri ruang kepada Ketua Pembangkang Yang Berhormat Sungai Panjang masa yang begitu bebas sekali tanpa ada gangguan yang besar, ada dengar sedikit gangguan. Tadi kita sangkakan sampai petang saya nak tunggu ucapan Yang Berhormat Sungai Panjang, nak dengar, nak dengar tapi satu jam sahaja. Alhamdulillah. Dan seterusnya kita nampak ketelusan kita, kita lebih menghormati amalan demokrasi di mana soalan-soalan yang saya tinggal kertas-kertas soalan pun banyak soalan-soalan daripada pihak Pembangkang pun kita aturkan ke depan. Pengalaman saya yang lalu ala sedihlah betul, dalam satu penggal berkali-kali mesyuarat saya Cuma sekali sahaja dibariskan ke depan itu pun Yang Berhormat waktu itu Ketua Pembangkang Sungai Pinang tiada dalam dewan baru saya ada peluang. Kalau tidak hak sampai kiamat pun tak ada peluang.

Tuan Speaker, ingin saya nyatakan juga Yang Berhormat Sungai Panjang tadi ada mengatakan kerajaan negeri Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Menteri Besar hanya tuduh Kerajaan BN yang lepas tanpa bukti dan kenyataan yang kukuh. Tapi tadi saya tengok jawapan dari soalan pertanyaan mulut tadi tentang kontrak perjanjian bekalan air di negeri Selangor ini. Saya dimaklumkan, kontrak ini dimeterai di tandatangan waktu Kerajaan Barisan Nasional. Tapi yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat kontrak itu memang berat sebelah menyebelahi syarikat, merugikan Kerajaan Negeri dan pengguna seperti saya ini, banyu dengan izin, pakai air untuk *ados* dan sebagainya. Dia kata kita tuduh benda yang tiada asas dan kukuh. Ini teguran kenyataan yang betul-betul berasas dan Kerajaan Persekutuan bersetuju dalam bab ini saya rasa. Ha ini bukti kita. Bukan semua kita tuduh tak betul. Seterusnya Yang Berhormat Sungai Panjang dalam perbahasan tadi juga ada menyeru Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang baru ini kaji semua projek yang dibuat oleh kerajaan yang lalu pimpinan Yang Amat Berhormat dulu bekas Menteri Besar, kalau kerja-kerja itu baik, projek tu baik teruskanlah tak perlu nak tolak-tolak. Saya setuju, saya setuju dalam bab ini, Saya setuju bukan 100%. Saya setuju 1% kenyataan dari Sungai Panjang. Sebab apa projek

yang baik harus kita teruskan tak kira kerajaan mana yang memerintah demi kesejahteraan rakyat. Tetapi dalam bab ini misal kata contoh dalam projek penternakan khinzir moden bersepadu, kerajaan yang dulu mengkaji sampai ke Jerman, Goblok celeng, dah tengok babinya semuanya sampai macam ini. Masya-Allahlah..bila balik sini tolak, cakap tak serupa bikin putar belit. Ha. Tadi dia kata kita putar belit ini saya tunjukkan bukti dia putar belit, yang baik teruskan dan pun kerajaan negeri tak keluarkan modal RM1 juta yang keluar pun pengusaha. Saya betulkan sebutan dari Batang Kali yang bising tak berani bangun tak tahu ke mana pergi *royo ke opo*.

Tuan Speaker, walau pun kerajaan Pakatan Rakyat yang di dokong oleh majoriti rakyat Selangor baru 8 bulan memerintah, namun kita amati dan teliti secara terperinci prestasi yang ditunjukkan ia tidak kurang hebatnya seperti sebuah kerajaan yang sudah lama memerintah berdasarkan data, angka, fakta yang diumumkan. Negeri Selangor berjaya menarik pelaburan asing dan domestik dari bulan Januari hingga Jun, 6 bulan 2008 ini sebanyak 5.88 bilion. Semasa dalam pemerintahan Barisan Nasional pada tahun 2007 dalam kenyataan saya *check* balik dari Januari hingga Julai, 7 bulan Barisan Nasional dapat menarik pelaburan sebanyak 5.32 bilion. Maknanya kita lebih kita 6 bulan dia 7 bulan kita lebih 56 juta. Hasil tak hasil ini kenyataan takdir sudah begitu. Takdir sebagai insan yang biasa, manusia yang biasa kalau Tuhan dah kata takdir, takdir lah tu. Manusia bukanlah besar sangat. Takdir,... takdir.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker....

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan Sri Serdang minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya bagi tak ada masalah

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. DATO MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Bukankah segala perancangan yang telah dibuat itu berdasarkan kepada perancangan sebelum ini. Kerana apa saya telah terbaca juga dalam sebuah surat khabar yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri Tan Sri mengatakan dia tidak menafikan usaha-usaha ini yang telah dimainkan oleh kerajaan sebelum ini iaitu Kerajaan Barisan Nasional sehinggakan mampu menarik pelabur-pelabur untuk datang kerana kita telah mempunyai kemudahan infrastruktur yang begitu baik. Ini saya nakkan penjelasan, sedikit sebanyak macam mana pun telah dimainkan peranan oleh kerajaan sebelum ini. Ni nak mintak penjelasan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SSUEE LIM** : Terima kasih Yang Berhormat Sri Serdang yang kontroversi dengan suara azan tu, saya memang akui segala faktor infrastruktur dan sebagainya memang dulu diusahakan tetapi kerajaan kita sebagai kerajaan yang diangkat oleh rakyat sejak beberapa lalu kita telah meneruskan kesinambungan ini. Ini takdir tadi saya sudah beritahu....

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Betul ini kita mengakui takdir, minta maaf Tuan Speaker, tapi saya nak dapat penjelasan mengakui bahawa ini adalah juga usaha yang telah dimainkan oleh kerajaan sebelum ini Kerajaan Barisan Nasional yang memudahkan kerajaan sekarang Pakatan Rakyat untuk bekerja betul tak, itu saja.



**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Sri Serdang memang sebagai kerajaan yang dulu dipilih oleh rakyat itu mandat dulu jadi dia buat kerja yang sepatutnyalah. Jadi sekarang kita dipilih oleh rakyat jadi kita pun buat kerja yang sepatutnya.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Mengakui, mengakui....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Itu kita terima. Sebagai seorang...

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Senang mengakuilah terima kasihlah..

**TUAN SPEAKER :** Sri Serdang cukuplah caranya orang dah mengakui, mengakui, orang dah mengakui nak bantah lagi. Sekinchan tak payah gaduh lagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Kalau benda yang betul kalau dulu saya pembangkang pun kalau kerajaan betul saya sokong, sokong bukan main lagi dan saya percaya dan yakin matlamat Kerajaan Pakatan Rakyat mensasarkan Tahun 2009 ini untuk menarik pelabur asing sebanyak 12 bilion ini boleh dicapai sekiranya kerja kita bersungguh-sungguh.

Tuan Speaker, kita seharusnya bangga dan yakin terhadap cara pengurusan ekonomi dan pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat yang berpaksikan unsur-unsur ketelusan, berhemah dan berkhidmat lebih-lebih lagi kita mempunyai seorang pemimpin CEO yang tidak asing lagi dalam dunia korporat yang bukan keparat, bab ramai yang keparat saya tak tahulah, yang terkenal dengan pengurusan yang berhemah dan efektif semasa pengalaman dalam Perbadanan Permodalan Nasional Berhad PNB dan Kumpulan Guthrie. Sama ada kita suka atau tidak suka itu adalah kenyataan dan hakikat yang kita perlu terima.

Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan Negeri Selangor dan semua kakitangan kerajaan yang memberi kerjasama sepenuhnya kepada kita untuk menjayakan matlamat kerajaan untuk merealisasikan agenda Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor pada masa yang sama dengan memperkemaskan pengurusan tanah dan mempertingkatkan kutipan bayaran tunggakan cukai tanah melalui penguatkuasaan Borang Notis 6A kutipan cukai tanah 2009 diunjurkan sebanyak RM 400 juta. Di samping itu kutipan royalti bahan batuan seperti pasir melalui Kumpulan Semesta Sdn Bhd dijangka meningkat mendadak pada tahun 2009 ini unjuran sebanyak RM 150 juta bakal dikutip pada tahun 2009. Berdasarkan permintaan pasir dianggarkan setahun 50 juta tan metrik, mengikut laporan yang lalu saya teliti tahun 2007 dan seterusnya sebelum ini hanya RM17 juta dikutip daripada hasil cukai semasa di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Sekarang Yang Berhormat Sungai Panjang seolah-olah sudah lupa sejarah. Saya pun tak faham kenapa sekarang kita boleh sasarkan

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tuan Speaker...

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan, Sungai Panjang kalau nak mintak penjelasan tolong bangun, bangun.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Suruh dia duduk saya tak bagilah. Harga kita mahal tapi dia mengaku cara kita ada ketelusan. Tuan Speaker, usaha kerajaan negeri memberi

20 meter padu air percuma kepada rakyat negeri Selangor mulai bulan Julai yang lalu memang dialu-alukan oleh majoriti rakyat negeri Selangor kerana langkah ini sedikit sebanyak dapat meringankan bebanan saraan hidup yang dipikul oleh rakyat negeri Selangor khususnya golongan warga tua, golongan yang tidak berada kerana kenaikan harga barangan, susu, minyak keperluan harian naik dengan mendadak sekali sejak kebelakangan ini. Selain daripada itu dasar pemberian 20 meter padu air percuma adalah merupakan satu bukti kukuh kita menunaikan janji pilihan raya yang ke 12 dulu. Kita tunaikan dalam 6 – 7 bulan kita telah tunaikan, dalam bulan tujuh kita dah tunaikan dah. Oh..., Tuan Speaker, seperti yang kita sedia maklum, pada mulanya usaha dan kesungguhan kita ini dipandang remeh, disindir oleh pihak pembangkang kononnya sekiranya ia dilaksanakan akan memudaratkan ekonomi negeri Selangor dan Negeri Selangor ini kemungkinan dengan izin '*bankrup*' kerana kita beri 20 meter. Tetapi bagaimanapun atas rasa tanggungjawab kita mandat yang dipikul, yang diberi oleh rakyat kepada kita, kita boleh beri 20 meter padu percuma dengan syarat elemen-elemen penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah, projek, pemprosesan pembaziran gajah putih, yang dulu-dulu tu banyak gajah putih dapat dibendung ke tahap yang minimum. Di samping itu kutipan hasil yang kita sebutkan tadi dapat dipertingkatkan dengan jayanya maka saya tak nampak ada sebarang halangan untuk kita memberi air 20 meter padu kepada rakyat Negeri Selangor secara total.

Tuan Speaker, ramai yang masih tertanya bagaimanakah bantuan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa pembentangan Bajet 2009 dalam Parlimen pada bulan September yang lepas, di mana dalam bajet tersebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Bekas Menteri Kewangan mengumumkan satu berita baik, kononnya untuk rakyat Selangor seluruhnya di mana suri rumah tangga ataupun rakyat yang menggunakan takrif elektrik yang bawah RM20.00 akan diberi percuma. Ini belajar daripada Pakatan Rakyat, tetapi caranya tidak kena Tuan Speaker, saya nampak tidak kena, sebab apa di kawasan saya DUN Sekinchan ini, saya mengaku memang ramai lagi miskin, saya tak tahulah DUN Sungai Panjang ada yang miskin saya tak tahu, tetapi di Sekinchan ramai lagi, ramai, ramai Masya-Allah, sampai rumah kadang-kadang rumah sampai nak roboh pun ada, sampai nak roboh pun ada, ramai lagi, Cinanya ada, Melayunya ada, Indianya pun ada. Jadi saya tanya kepada mereka, RM20.00 untuk elektrik ini tuan-tuan dan puan-puan boleh dapat, dia kata saya pun pakai 30, ada pakai 40, paling kurang pun 28, kalau adapun dapat 1, 2. Maksudnya bantuan yang diberikan ini tidak memadai, tak kena tempat. Kalau di banding dengan cara kita Pakatan Rakyat beri 20 meter padu untuk semua bukan untuk bawah RM20.00, kita 20 meter padu, termasuk yang pembangkang pun kita bagi, kita adil seadil-adilnya, inilah Barisan Keadilan untuk semua.

Tuan Speaker, kalau dulu waktu kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia global mencapai paras US Dolar 147 per *barrel* setong, banyak alasan TNB berikan, syarikat TNB berikan, dia naikkan tarif elektrik pada bulan Tujuh yang lepas 12 *percent*, dia kata kosnya mahal, macam-macam lagi kos pengendalian, waktu tu hendak tak hendak kita terpaksa terima juga hakikat ini. Tetapi sekarang ini apabila harga global minyak mentah merudum kepada harga USD 70 ringgit, TNB dengan sombongnya tidak mahu menurunkan takrif elektrik yang dinaikkan dulu dan Kerajaan Barisan Nasional di Pusat juga tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan dan pendirian terhadap perkara ini. Kita tahu ramai pengusaha kilang-kilang dan sebagainya susah, kerana kos pengendalian mereka banyak, membebankan sebab takrif elektrik dinaikkan. Kita minta sudah sampai masa ketikanya Kerajaan Persekutuan meminta TNB turunkan takrif bil elektrik ke harga

yang lebih munasabah, sekiranya tidak rakyat akan menghukum pada pilihan raya akan datang.

Tuan Speaker, setelah meneliti Bajet 2009 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Tan Sri Menteri Besar semalam, saya terkejut dan hairan dengan satu projek yang usaha sama yang dinamakan *Canal City* di mana projek tersebut sebelum ini pada Bajet 2007, pembentangan Bajet 2008 yang lepas saya pun terikut-ikut dengan Menteri Besar yang lalu, menggembar-gemburkan, menjadikan *Canal City* ini projek sebagai menu utama, sayur yang utama digoreng, saya pun terikut, wah... boleh kita Selangor jadi macam ini, jadi macam ini. Rupa-rupanya setelah dibongkar oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri, projek ini berat sebelah, berat sebelah, merugikan rakyat Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor. Kalau tanah 2,000 ekar yang diperuntukkan itu dalam pulangan 5 tahun kita boleh dapat pulangan RM22 juta, tetapi kalau kita jual *direct*, betul-betul *direct* boleh dapat RM170 juta lebih, ha...lah... tak tahulah. Kalau projek macam ini diteruskan, nasib baik rakyat Negeri Selangor faham dan sedar memberi undi kepada kita untuk Pakatan Rakyat naik, kalau tidak Selangor tak tahulah.

Tuan Speaker, dalam Bajet 2009 ini kita dimaklumkan terdapat tiga fasa dalam Program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor ke arah merealisasikan matlamat dan visi Selangor Negeri idaman, maju dan sejahtera. Sekarang kita berada di dalam Fasa yang Pertama yang mengandungi program seperti Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) RM13.5 juta diperuntukkan, Bekalan Air Percuma 20 meter padu RM50 juta diperuntukkan, Hadiah Anak Masuk Universiti RM8.2 juta diperuntukkan, Tabung Mesra Usia Emas, ya Tabung Mesra Usia Emas diperuntukkan RM20.7 juta dan lain-lain lagi. Kalau di campur jumlah keseluruhan program ini mencecah lebih RM100 juta. Tidak pernah saya dengar, tidak pernah dengar selama 50 tahun walaupun umur saya 38 tahun. Kerajaan Barisan dulu memerintah, Tuan Speaker, tak pernah ada kerajaan yang sanggup menolong rakyat dengan program-program ini dengan lebih RM100 juta. Saya beri satu sanjungan yang tinggi kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri. Tambahan pula peruntukan tambahan rumah ibadat selain Islam bagi tahun 2008 adalah sebanyak, dulu, dulu bagi RM 2 juta Kerajaan yang lalu, kita boleh sanjung juga, dia bagi kita sanjung, RM2 juta dan Yang Amat Berhormat Tan Sri semalam mengumumkan peruntukan yang diberikan dinaikkan pada tahun 2009 sebanyak RM 6 juta, RM 6 juta. Ini tidak pernah MCA perjuangkan dalam bab ini MCA, maklumlah kan ye, dah jadi macam tu, tak apalah. Tahniah dan syabas sekali lagi diucapkan, kita tidak kira kaum kulit dan warna, kita tolong untuk semua demi untuk kesejahteraan rakyat Negeri Selangor. Jadi kita hidup di Selangor ini mewah, maksudnyalah dapat seluruh semuanya.

Sehubungan dengan itu, Bajet 2009 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mencakupi semua aspek kecuali satu perkara saya kira amat pentinglah, tidak dinyatakan dengan jelas, saya tak tahu sama ada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar terlupa ataupun terlepas pandang. Saya tak tahu, mengenai, kita semua sedia maklum mutakhir ini Kerajaan Pusat dengan cara yang tersirat sedang cuba sedaya upaya mengurangkan bantuan kewangan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dan juga Sekolah Menengah Persendirian. Dalam masa yang sama saya, selepas kita Pakatan Rakyat mendapat mandat, dalam konteks saya imbas balik rekod, rekod Kerajaan Barisan Nasional dulu, dululah dulu, sekolah Cina aliran rendah aliran Cina, aliran Tamil, kita macam pengemis, hanya akan ditolong waktu pilihan raya, saya tengok *check* bajet 2004 baru tolong, sebelum ini tolong pun sikit-sikit, tak tolong pun tak apa, tetapi kalau tiga pilihan raya bawa cek

dengan semua *team* dia pergi ke sekolah Cina untuk tarik undi, ini tidak ikhlas, ini sandiwara namanya. Jadi sehubungan itu, saya mintalah Yang Amat Berhormat dalam perkara ini, kita jangan mengulangi lagi kesilapan yang lalu yang menganaktirikan sekolah Cina, sekolah Tamil dalam bab ini. Kita kalau boleh kita peruntukan saya minta dengan ikhlas untuk menggalakkan sokongan terhadap pembelajaran bahasa ibunda maka saya meminta sejumlah RM 10 juta dijadikan peruntukan tahunan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dengan agihan RM 5 juta untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, RM3 juta untuk Tamil, RM2 juta untuk sekolah persendirian. Kalau begitu kita boleh buat, kita kurang-kurangnyalah 5 tahun akan datang akan memerintah terus Insya-Allah.

Pada masa yang sama saya merujuk balik Bajet 2008 yang di bentang oleh, 2008, 2008 ye, yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dulu, Sungai Panjang, saya bentang. Malam tadi saya cari, dok cari data-data. Pada ketika itu saya khawatir terdapat pertuduhan dan dakwaan yang mengatakan selama ini mengatakan Kerajaan Pakatan Rakyat, PAS, DAP, Keadilan mengabaikan, mengabaikan atau meminggirkan kepentingan Umat Islam, jadi saya cari fakta-fakta. Tuan Speaker, di Dewan yang mulia ini, saya ini pada Bajet 2008 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat dululah ye, Sungai Panjang, sebanyak RM130 juta telah diperuntukkan oleh Jabatan Agama Islam (JAIS) pada waktu itu, manakala Bajet Tahun 2009 kita, kita bagi 136 juta 31ribu 857 ini satu contoh. Yang kedua, pada Bajet 2008 yang lalu, pejabat Mufti diperuntukkan RM1 juta 546 ribu, 158 ringgit manakala pada Bajet 2009 ini sebanyak 1 juta 684 ribu 866 diperuntukkan dari Pakatan Rakyat kepada Pejabat Mufti. Sementara itu untuk Mahkamah Syariah, Mahkamah Syariah pada Bajet 2008 sebanyak RM7 juta 879 ribu 752.00 diperuntukkan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang dahulu tetapi kali ini, saya tengok semalam 2009 RM8 juta, 8juta 272 ribu 189 diperuntukkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Justeru itu, Tuan Speaker, maknanya saya dengar-dengar kat luar ni, tuduhan dari pihak pembangkang ni kononnya kita mengabaikan meleset sekali Tuan Speaker.

Tuan Speaker, sehubungan itu, janganlah kita berlagak sombong dan angkuh menghadapi cabaran krisis kewangan ini. Sebaliknya kita harus bersekepeala, mengambil langkah berjaga-jaga dan sediakan payung sebelum hujan, sebelum tempias ambang kemelesetan ekonomi yang lebih buruk melanda kita. Jangan kita percaya dan terikut-ikut dengan bentak dan kenyataan yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan sekarang Dato' Sri Najib. Menurut kenyataan beliau, saya tengok terperanjat kedudukan ekonomi Selangor berada dalam keadaan kukuh, rizab simpanan kita mencukupi. Oleh itu kita tidak akan terjejas dengan krisis ekonomi dan tsunami kewangan global. Walaupun rata-rata pemimpin dunia daripada Amerika, Jepun, Singapura, Kesatuan Eropah, Jermannya semuanya sibuk, dok sibuk nak cari jalan macam mana nak kurangkan tempias daripada kemelesetan ekonomi, tetapi Selangor terus-menerus dengan agenda sindrom penafian. Penyakit ini terus berjangkit. Kalau doktor daripada Damansara Utama boleh mengubati penyakit sindrom penafian ini. Persoalannya apakah asas ekonomi kita lebih kukuh daripada mereka, sekiranya tidak kenapa kita begitu yakin sehingga bisa boleh kita cakap mengeluarkan kenyataan kita tidak terjejas, saya tidak faham.

Tuan Speaker, seperkara lagi yang amat penting dan tidak pernah saya abaikan, ucapan dan pembahasan selama ini saya berada di Dewan yang mulia ini tentang masalah, masalah di Sekinchan ini, di Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor, Daerah Sabak Bernam, masalah nelayan. Nelayan dekat di persisiran pantai ini termasuk di

Sabak Bernam ini memang mutakhir ini, nasib mereka ini cukup, cukup susah, tidak dibela dengan sewajarnya. Tuan Speaker, tidak ramai anak-anak kita yang remaja muda yang hendak berkecimpung dalam sektor perikanan ini kerana ia risikonya tinggi dan pulangnya tidak terjamin, pulangnya tidak terjamin. Selepas kenaikan harga minyak 78 sen pada bulan Jun yang lalu dan diesel subsidi nelayan yang sebelum ini di nikmati RM 1.00 satu liter, itu memang amat bagus dan memang ini satu bantuan daripada Kerajaan Pusat. Ini saya tidak nafikan, saya sanjung. Yang betul kita kena sanjung jangan macam Sungai Panjang, banyak tak sanjung. Ini kita sanjung tetapi apabila dengan kenaikan 78 sen dulu harga minyak 147 dolar dunia, harga subsidi minyak nelayan juga dinaikkan kepada RM 1.43 sen. Ini bermaknanya peningkatan 43% dan sehubungan itu nelayan di Sekinchan khususnya ramai yang bot pukut tunda dan menggunakan diesel yang banyak. Ini menambahkan bebanan mereka perbelanjaan mereka untuk sebulan untuk minyak diesel tambah hingga RM3,000.00 hingga RM10,000.00, mengikut saiz bot tersebut dan ada nelayan yang merungut sudah kurangkan hari pergi ke laut kerana tidak terjamin sama ada untung atau tidak. Kadang-kadang balik *orak entuk opo-opo* seekor pun ta dak dengan izin. Ketam satu ekor pun ta dak. Ha.. ini sengsaranya pergi ke laut. Jadi dalam masa yang sama juga terdapat rungutan-rungutan yang diterima daripada nelayan yang kita nampak ada satu skim yang di salurkan oleh Kementerian Pertanian Dan Asas Tani dengan bantuan sara hidup RM 200.00 sebulan untuk nelayan. Memang Kerajaan Pusat saya nampak, kadang-kadang dia ada niat baik, ada niat baik nak bantu tetapi mekanismenya tak betul. Tak betul, kata nak salurkan bulan tujuh, dengan tengok siapa yang ada kad nelayan. Apabila pendaftaran dibuat semua, *start* bulan tujuh hanya 20% hingga sekarang, 20% sahaja yang dapat. Ada yang dapat RM 600.00 ada yang dapat RM 400.00 tapi 80% tak dapat. Saya nampak kesian orang tua, orang yang naik basikal pergi ke bank selalu, 1 minggu 3 kali cek masuk-masuk akaun, tak masuk kerana RM 200.00 tulah naik basikal. Hah ... saya takut-takut kalau di Sekinchan ni nak *cross* Jalan Raya Persekutuan, kadang-kadang hajat tak sampai sebab kereta laju. Jadi saya minta Kerajaan perkemaskan Kerajaan Pusat perkemaskan skim bantuan ini. Ya Sungai Pelek

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Sekinchan kerana bagi peluang. Sebentar tadi sebut juga Kerajaan Persekutuan bantu nelayan dengan RM 200.00 untuk nelayan. Jadi soalan saya apakah langkah atau bantuan kerajaan negeri yang akan salur kepada nelayan yang disebutkan oleh Y.B. Sekinchan dan harga mereka ini dan sebagai kerajaan yang prihatin, merakyatkan ekonomi Selangor jadi saya ingin mendapatkan jawapan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih soalan daripada pertanyaan ya, penjelasan diminta oleh Y.B. Sungai Pelek. Walaupun dia sungai pelek-pelek sedikit tak pe, saya nak jawab tentang orangnya tak boleh saya tengok nampak dia giat dalam Dewan saya puji. Y.B. Sungai Pelek kita kena faham dalam bab bantuan RM 200.00 ini kenapa Kerajaan Pusat nak bantu RM 200.00 ni kenapa. Sebab harga diesel dinaikkan. Kalau harga diesel sekarang dah turun kepada RM 70.00, harga diesel ni diturunkan, tak perlu bantuan ini. Tak perlu jadi kerajaan negeri saya percayalah Y.B. Tan Sri dan Y.B. Kota Anggerik pasti cari jalan bagaimana nak bantu, nak bantu nelayan di persisiran pantai ini. Saya harap tahun depan ada sedikit bantuan baru untuk mereka. Saya percaya dan yakin kita sentiasa pegang kepada agenda merakyatkan ekonomi negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Terima kasih Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih. Kita akan teruskan, perjuangan ini tidak selesai . Perjuangan untuk memartabatkan rakyat, memperjuangkan hak rakyat bukan selesai di sini bahkan 50 tahun akan datang, berjuang terus.

Tuan Speaker, seperkara lagi, masa ada lagi, yang saya nak ceritalah nak bangkitkan dalam Dewan ini mutakhir ini kegiatan dan aktiviti perjudian semakin tidak terkawal. Judi tidak terkawal dan berleluasa seolah-olah digalakkan oleh Kementerian Kewangan. Menurut pengamatan saya dan sumber maklumat yang saya dapat mulai minggu ini, hari Selasa *iki dino* saya dengan izin 21hb inilah sehingga 30.6.2009 Kementerian Kewangan telah meluluskan Lesen Cabutan Nombor Ekor Tambahan, tambahan, *additional* dengan izin. Tambahan, "*Special Draw*" sebanyak 30 kali dalam masa tempoh 7 bulan akan datang. 30 kali tambahan sekarang ini cabutan untuk nombor ekor seminggu untuk makluman kepada Dewan yang mulia ini Hari Rabu, Hari Sabtu, Hari Ahad. Sekarang tambah lagi "*Special Draw*" ya kepada syarikat-syarikat perjudian seperti...

**TUAN SPEAKER :** Y.B. Sekinchan, apa relevannya dengan pentadbiran negeri

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Kita nak minta Y.A.B Tan Sri nak panjangkan masalah ini kepada Kementerian Kewangan sebab ini melibatkan rakyat negeri Selangor, saya tengok ramai *untie, uncle* di Sekinchan dan juga umat Islam termasuk umat Islam masuk beli Toto

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Nanti dulu, nanti dulu ini tengah syok bercakap, nanti dulu nanti saya beri laluan. Termasuk suri rumah tangga habiskan duit belanja untuk beli susu, beli ikan, beli sayur semua masuk pertaruhan konon nak jadi kaya akhirnya jadi bangkrap, bangkrap semuanya. Yang kaya siapa, *Magnum, Toto. Tha maa chai* dengan izin, mereka yang kaya yang terus papa kedana siapa, kita jadi ini melibatkan pusat-pusat perjudian ini semua ada di negeri Selangor jadi ini ada kaitan langsung kepada Kerajaan Negeri Selangor. Saya minta Y.A.B. tak cukup masa, bagi, bagi....

**TUAN SPEAKER :** Berdiri, lain kali kalau minta penjelasan, berdiri dulu, saya perhati nanti saya kena celah pada waktu yang betul, jangan Speaker, Speaker, Speaker, semua panggil Speaker, susahlah. Tunggu, berdiri dulu, saya nampak , tunggu Tuan Speaker celah, hah.. kalau tidak ini mengganggu sikit, sekarang ini Sekinchan boleh bagi Seri Serdang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sri Serdang dulu Timbalan Speaker, bagi, bagi, bagi...

**TUAN SPEAKER :** Ya. Silakan...

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada Sekinchan kerana beri laluan. Peraturan 36(i) Saya nak kata itu dulu, tapi nak mendapat penjelasan walaupun lesen diberi oleh Kerajaan Persekutuan, tentang mengusahakan kedai-kedai seperti ini tetapi lesen premis perniagaan adalah

tanggungjawab kerajaan negeri jadi nak dapat penjelasan. Jadi kalau dah lesen di atas lulus, di bawah juga lulus, luluslah berniaga. Jadi nak tanya ni penjelasannya tu...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih daripada Y.B. Sri Serdang memang lesen, lesen perjudian, perjudian ini diberi oleh Kementerian Kewangan dan Kerajaan Negeri dalam lesen premis tetapi dalam sebuah negeri Selangor yang komposisi, komposisi penduduknya Chinanya pun ramai, India, Melayunya hampir sama rata, ya, Melayunya lebih sikit tapi Pakatan Rakyat kita prihatin kita tidak boleh nak tutup semua, tak boleh, kita kena izinkan sedikit sebanyak kelonggaran. Ini kita nak orang kata menghormati hak-hak kaum yang lain tapi kita tak mahu apa yang saya persoalkan ini jangan beri "*special draw*". Kalau boleh yang 3 hari kita kurangkan 1 hari, jadi 2 hari. Jadi 2 hari maka dengan itu, susu yang nak beri kepada nak-anak dapat terpelihara susu tu. Wang tu untuk beli susu.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker, kalau lesen tak boleh diluluskan di peringkat negeri, sudah barang tentu perniagaan tidak boleh dijalankan. Tadi ada sebut soal orang yang beragama Islam, saya juga nak dapat penjelasan, adakah masih dikuatkuasakan sekarang ini di dalam pemerintahan PKR ini ataupun PR ni Pakatan Rakyat bila orang Islam ni masuk Kedai Nombor Ekor ni, kena tangkap ke tidak atau diizinkan. Kalau dulu memang kena tangkap, ada undang-undang dia itu saya nak tanyalah penjelasan ni.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih daripada Sri Serdang, memang banyak beri kelonggaran kepada Sri Serdang untuk terus, saya tidak ada masalah biasa kita nak bahas dalam Dewan, nak suburkan perbahasan di Dewan ni. Saya nampak di Sekinchan pun saya khusus pada kawasan sayalah saya nampak ramai umat Islam masuk, ada orang tangkap, saya nampak, ada JAIS datang tangkap. Ada menjalankan tugas ini tidak boleh dinafikan tetapi maklumlah manusia ini, ramai yang memikirkan nak kaya cepat, nak kaya cepat. Saya nampak ramai...

**Y.B. TUAN MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker, boleh minta penjelasan...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Nak penjelasan lagi Sungai Burong...

**TUAN SPEAKER :** Bagaimana...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya tengok masa. Diizinkan Sungai Burong...

**Y.B. TUAN MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Jiranlah Sungai Burong, terima kasih datang raya tempat saya hari itu. Nak tanya penjelasan...

**TUAN SPEAKER :** Apa yang disebutkan tu...Bahasa Jawa, Bahasa Jawa tadi. Bahasa Jawa bukan Bahasa Rasmi, kalau nak sebut Bahasa Jawa tak apa tapi minta izin dan jelaskan apa maksudnya kalau tidak bukan Jawa tak faham, ada orang Jawa pun tak faham.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ok, terima kasih Tuan Speaker, kerana benarkan minta penjelasan. Saya nak minta penjelasan setujukah Y.B. Sekinchan kalau kita minta supaya lesen-lesen premis-premis yang dikeluarkan Sekinchan ini tutup semuanya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih soalan yang dikemukakan oleh penjelasan yang diminta oleh Sungai Burong, Sungai Burong ni jiran saya, saya nak maklumkan kepada Tuan Speaker, mungkin Tuan Speaker jarang kat sana, Sungai Burong ni sebelah saya, yang menghala utara Sungai Panjang jadi Sekinchan ni tengah-tengah dengan 2 sungai ni. Ada burong, ada yang panjang pun ada, tak tahulah kan, Tuan Speaker, dengan soalan tu diminta sama ada kita nak tutup. Saya dah tegaskan tadi Kerajaan Pakatan Rakyat kita menghormati hak semua kaum-kaum di negeri Selangor, yang Cinanya yang Indianya bukan kita menggalakkan perjudian, tidak, tidak sama sekali dalam Agama Islam pun judi itu haram, saya pun tahu. Dalam *Buddhist*, dalam *Bible* sebagainya perjudian memang tidak digalakkan tetapi hakikat dalam masyarakat Selangor judi ini di negeri Selangor ini bagi tapi kita ada sekatan jangan bagi "*special draw*" saya mengesyaki cabutan tambahan ini adalah untuk menambah dan untuk menambah dana untuk kempen-kempen Menteri Kewangan dan sebagainya, saya tak tahulah saya dengar cerita macam tu.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, ini, ini tuduhan yang sangat jahat tadi fitnah, lebih baik , bertelagah.....

**TUAN SPEAKER** : Baik bertenang ya, walaupun hangat, saya beri peluang kepada semua jadi ikut, ikut ya saya beri peluang. Saya tak halang, saya tak ganggu kalau nak minta penjelasan, ini Sungai Burong nak minta penjelasan, Sekinchan macam mana, bagi saja...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak bagi, cukuplah dah bagi banyaklah.

**TUAN SPEAKER** : Jadi tak bagi, Sila ...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Dulu saya fikirkan balik, kadang-kadang dalam Dewan ini saya fikirkan pengalaman lalu, saya dulu kalau nak minta penjelasan, payah sungguh nak dibagi, sekarang tengok, kita *open, open*. Ini membuktikan cara kita mengendalikan Dewan yang diketuai oleh Tuan Speaker, kita patut beri pujian kepada Tuan Speaker. Tepuk.... Tuan Speaker, satu lagi masalah yang saya nak bangkitkan dalam Dewan ini

**TUAN SPEAKER** : Ya Sekinchan, nampaknya sudah sampai pukul 1.00 petang, jadi kita sambung selepas pukul 2.30 petang. Jadi Dewan di tangguhkan sehingga 2.30 petang.

**( Dewan ditangguhkan jam 1.00 tengah hari )**



(Dewan disambung semula 2.30 petang)

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**TUAN SPEAKER** : Dewan disambung semula.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sekinchan ingin menyambung terus perbincangan dalam bajet yang dibentangkan oleh Tan Sri semalam berhubung dengan masalah perjudian yang tidak terkawal yang saya sebutkan tadi, dalam suasana yang kekurangan tanpa adanya Sg Panjang, nampaknya *mood* perbincangan agak kurang lah Tuan Speaker. Kenapa tidak saya tidak faham, Sekinchan bangun saja, Sg Panjang pun hilang. Takut dengan izin dalam jawa kaget. Saya teruskanlah, walaupun tanpa Sg Panjang. Saya minta PBT, Pihak Berkuasa Tempatan kalau boleh tubuh satu jawatankuasa khas makna Yang Berhormat EXCO PBT, Tuan Speaker ini pun satu masalah Tuan Speaker. Saya nak sampaikan dia tak ada. Kaget juga, ini pun kaget, nanti kita kena tunggu juga. Sama-sama adil Sg. Panjang kita tegur, Pandamaran kita tegur. Ini penting, perbincangan Ahli-ahli Dewan ini Tuan Speaker. Kita nak keluarkan idea-idea, tapi dia tak dengar pula. Ini yang kurang ni, satu jawatankuasa khas untuk mengkaji semula, semak semula sama ada permit premis perjudian yang saya sebutkan tadi, sekarang di bawah kuasa kerajaan negeri tetapi lesen diberi oleh Kerajaan Pusat. Jadi ada bertindih sedikit, jadi sama ada kita pastikan boleh kaji atau kalau boleh dalam dua hari sahaja lagi. Kalau tak ikut kita bagi *warning* atau tutup. Ini cara yang terbaik, saya nak tegaskan di sini bukan nak suruh tutup tidak tapi nak beri ruang kepada masyarakat yang ingin judi juga kena hormati mereka tapi dalam masa yang sama kita kena kawal. Ini Kerajaan Pusat seolah-olah beri mesej suruh kita main judi kuat-kuat. Mana boleh. Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya , Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Sekinchan. Memandangkan sidang Dewan Rakyat masih sedang berjalan, juga membincangkan bajet, adakah Y.B. Sekinchan mencadangkan dengan rakan-rakan kita dari Barisan Nasional supaya meminta kerajaan, meminta Kementerian Kewangan menghadkan tawaran *special draw* dengan izin, adakah Y.B. Sekinchan bercadang supaya kita meminta Yang Berhormat di dewan yang mulia ini untuk membuat janji untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih. Kg. Tunku, memang kalau bab perjudian ini Barisan Nasional pendiriannya terumbang ambing, payahlah kalau kita nak suruh. Baik kita suruh dari Kinrara,

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Minta laluan.

**TUAN SPEAKER** : Ya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak ada. Nanti dulu.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tak bagi laluan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Nak habiskan sikit. Sekarang tak nak. Tadi pagi cuaca lain.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Apa sekarang dah mendung.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Duduk. Saya rasa dalam bab ini kita elok serah tugas ini EXCO daripada Kinrara juga merupakan Ahli Parlimen Seputih, Ahli Parlimen Tun Razak, dia bawa ke Parlimen, nak suruh Barisan Nasional ini, saya rasa payahlah, sebab yang keluar lesen dia... payah ...

**TUAN SPEAKER** : Sementa minta laluan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Oh Sementa, kaei.

**Y.B. DATO' ABD. RAHMAN BIN PALIL** : Yang Berhormat Sekinchan. Waktu-waktu dulu, apabila Jawatankuasa Pelesenan meluluskan apa-apa perkara, walaupun Kementerian meluluskan permit, kuasa mutlak adalah PBT. Kalau PBT tak bagi, dia pun tak buka. Kalau di buka juga, lesen premis tak bagi, dia pun tak boleh buka juga. Kuasa penuhnya kepada PBT. PBT boleh *seal* boleh tutup. Operasi apa masalahnya, kemudian bila kita nak luluskan, kita kena ikut peraturan. Kalau mana kawasan nak buat, kena minta *concern* daripada keliling dulu, penjelasan daripada Yang Berhormat adakah faham. Yang Berhormat dah minta, dia buatlah, tak ada masalah. Tak payah tunggu Parlimen.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih atas peringatan Yang Berhormat daripada Sementa tadi. Saya ambil maklum dan saya minta PBT kaji jawatankuasa, dah minta tadi dah. Dan seterusnya Tuan Speaker, ada satu perkara lagi yang saya nampak dalam Selangor ini yang menuju satu wawasan negeri idaman, maju dan sejahtera ini di kawasan ibu kota Shah Alam ini sendiri, saya kebelakangan ini saya menghadapi masalah ini dan tak tahu sama ada Yang Berhormat yang lain menghadapi atau tidaklah, sistem telekomunikasi ini telefon bimbit ini kalau kita nak masuk dewan SUK ini melalui *guard*, sering terputus. Ya, daripada *highway* Shah Alam ke Sg Rasa, sering kali terputus, baru cakup separuh, ini nampaknya seolah-olah ada sesuatu, ada sabotaj atau syarikat-syarikat telekomunikasi ini. Saya tak tahu di Selangor di Shah Alam ini, satu kota yang moden ini sepatutnya perkara ini tak boleh pakai. Sepatutnya dikaji semula dengan jabatan yang berkaitan tentang perkara ini diminta syarikat yang berkenaan siasat kalau tidak kita jangan bagi kepada syarikat tersebut khususnya yang saya pakai sekarang ini 012 ini. Ini memang teruk, saya tidak boleh terima khususnya di Shah Alam. Kalau di Sekinchan kawasan luar bandar, kalau terputus sedikit maklumlah kan di hutan banyak, bendang banyak. Ini Shah Alam, Shah Alam tak boleh terima, tak boleh terima. Ok. Tuan Speaker, satu soalan tadi saya nak jawab masalah yang dibangkitkan oleh Sg Panjang, tapi Sg Panjang tak ada, tapi yang lain-lain adalah ya. Yang Berhormat Sg Panjang tadi ada mengatakan kita tidak duduk di rumah EXCO. Kita biarkan rumah EXCO kosong, masalahnya yang saya nampak di sini rumah EXCO ini, dulu kita kritik. Saya bersama Tuan Speaker dululah, dulu Ketua Pembangkang, soal rumah EXCO ini membelanjakan RM 40 juta. Lebih kurang macam itulah, satu pembaziran. Dulu kita tegur, dia beri macam-macam alasan. Waktu itu dia Menteri Besar, saya pun tak nak banyak cakap, terpaksa. Tapi sekarang kita dah jadi

kerajaan, rumah itu kita tak duduk sebab prinsip kita tengok dulu, sebab kata matlamat untuk dirikan rumah EXCO itu dulu untuk soal keselamatan. Semua EXCO kena duduk sama, baru selamat, kalau tak duduk sama tak selamat. Bagi saya, anggapan seperti ini meleset. Tengok sebagai contoh, Perdana Menteri kita dengan Timbalan Perdana Menteri kita duduk sama ke tidak. Tak ada, tak duduk sama. Bukan tak duduk sama sekarang malah pecah terus, berpecah terus. Silap-silap keluar daripada Putrajaya. Yang terus lagi, contoh Amerika, Presiden Amerika dengan Timbalan dia tak duduk sama. Walaupun Amerika saya tak pernah pergi, saya maklumkanlah di dewan yang mulia ini, tak duduk sama. Mereka duduk dalam kapal terbang pun, mereka tak duduk sama. Dan di Selangor ini.....

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker, nak minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Boleh, bolehlah....

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Persoalannya, bukan rumah itu duduk sama. Rumah itu adalah kuarters. Rumah kakitangan yang sediakan, mungkin dengan adanya penyediaan itu lebih baik daripada segala-galanya, apatah lagi EXCO termasuk Menteri Besar mempunyai tugas yang banyak dan dengan adanya rumah itu memberikan perkhidmatan yang lebih baik, ini yang dimaksudkan, bukan kerana duduk sama. Yang dikatakan ini adalah kuarters. Penjelasan, penghabisannya sekarang saya kenal Yang Berhormat Kota Anggerik itu, bukan saya tak kenal sahabat saya. Penghabisannya daripada duduk sana, terpaksa duduk. Ya penjelasanlah, jadi jangan disalah tafsir fasal duduk sama. Soalnya adalah rumah kakitangan yang disediakan, rumah pegawai yang disediakan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat daripada Sri Sedang. Nampaknya Yang Berhormat tersasul sedikit, saya balas soalan daripada Sg Panjang. Saya bagi Sg Panjang.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Saya bantulah sahabat saya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sg Panjang kata duduk sama atas soal keselamatan. Jadi saya kupaslah bab ini. Ini dibela bab lain, ini cerita lain. Saya tak nak jawab yang tak berkaitan. Yang nak saya cerita, kalau kita naik satu kapal terbang kang bom semua mampos semua.... Ya ini soal keselamatan tidak wujud. Bab ini, rumah EXCO ini tidak diguna pakai, kita minta juga Yang Berhormat Tan Sri kita kaji macam mana nak guna pakai rumah EXCO ataupun dulu kita cadangkan kepada Yang Berhormat EXCO Pelancongan kita kalau boleh kita cantikkan dan kita kemaskan...

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Kalau cantikkan guna banyak belanja, jual lagi baik.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Kita bercadang, jangan sibuklah... Dan tu tak minta laluan, tak betul ini. Tapi saya tak marahlah dia memang macam itu. Yang EXCO Pelancongan dulu saya nak cadangkan kalau boleh rumah EXCO, banglo EXCO ini dijadikan satu residensi pelancongan kerana kerajaan yang lepas telah membuat pembaziran kalau boleh ini satu *bench mark* di Shah Alam. Tolong kaji, tolong kaji ya. Saya ingin timbulkan tentang petani di Sabak Bernam, Kuala Selangor yang rata-rata

pada paras kemiskinan. Sebab paras kemiskinan di Selangor kita naikkan daripada dulu 700 - 400 pun ada, peratus miskin tegar. Patutlah Selangor tu 1 persen, sekarang kita lebih telus, lebih terbuka. Di Selangor kalau pendapatan lebih 1,500 memang miskin, termasuk ADUN daripada Kerajaan Negeri pun ada yang miskin. Tak macamlah pihak ini yang rumah besar, kereta besar, bini pun besar bilangannya lah. Saya tak tahu kan. Ya, Tuan Speaker, jadi Sekinchan ini petani ramai yang miskin. Masalah nya harga padi, saya ucap dalam dewan, pada masa lalu harga agak tinggi, krisis bekalan makanan jadi dapat harga yang tinggi. Musim ini sekarang ini kemungkinan akan merudum bawah 80, jadi saya khuatir kalau begini caranya nasib petani tidak dibela sepenuhnya. Kita minta Kementerian kalau boleh pastikan BERNAS, izinkan mereka dapat menjual padi mereka kepada siapa-siapa yang sanggup beli dengan harga yang tinggi. Sekarang ini kita tengok, kerajaan bagi kontrak kepada BERNAS. Dia monopoli boleh beli, boleh jual. Yang kurang 70 peratus, 30 peratus baru boleh bebas. Kalau boleh kita bagi satu dagangan bebas. Siapa sanggup beli harga tinggi dia boleh jual. Kalau begitu caranya, kita bela. Kalau cakap saja macam-macam, kalau fikir-fikir tak wujud. Lagi satu baja, dulu baja urea lapan puluh ringgit, sekarang alasannya minyak naik. Waktu itu saya nak lawan sangat pun tak boleh. Sekarang minyak turun, tak ada apa langsung. Bila baja nak turunkan... Y.B. Kota Anggerik tulis surat kepada Kementerian Pertanian, suruh kaji semula baja ini dapat turun. Kalau tidak memang susah petani kita. Jangan kita lupa di kawasan Sabak Bernam dan Kuala Selangor ini lebih kurang 18,900 hektar untuk petani, kalau mereka mogok semua, kita lancarkan ... krisis bekalan makanan, ini serius. Kita nak pastikan mereka hidup masa hadapan mereka terjamin.

Tuan Speaker, sebelum saya pergi dengan lebih jauh lagi, saya nak sangkal tuduhan daripada Yang Berhormat Sg Panjang, pembangkang, baru lapan bulan kita memerintah, banyak janji kita tidak tunaikan kepada rakyat, sekarang kita nampaklah *alhamdulillah* dengan izin kita nampak banyak kita tunaikan, air kita dah turunkan, warga emas pun kita bela, hadiah masuk universiti kita bagi, OKU kurang upaya pun kita bela, ibu tunggal pun kita bela.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker, minta laluan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ya, saya beri laluan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Yang Berhormat Sekinchan, sahabat saya masih ingat tak! Masa kita berbincang isu-isu ini di dewan yang mulia ini di masa yang lalu, Yang Berhormat Sg Panjang dia kata, rakyat ini memilih Pakatan Rakyat kerana mereka terpujau kerana janji kita ini manis sangat, maknanya janji itu hanya untuk menipu sahaja. Ia tidak akan dilaksanakan, adakah Yang Berhormat Sekinchan sedar akan fenomena ini dan adakah Yang Berhormat Sekinchan setuju apabila pembangkang ini ia mengatakan bahawa janji-janji kita ini manis sangat lebih mereka kata lebih banyak kita akan laksanakan. Adakah Yang Berhormat Sekinchan setuju dengan saya tak.

**Y.B. TUAN NG. SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker, memang saya setuju sangatlah dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Kampung Tunku. Memang pilihan raya.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, Tuan Speaker nak penjelasan sikit.

**Y.B. TUAN NG. SUEE LIM** : Nak penjelasan lagi, harus beli. Ya.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Nak penjelasan sikit.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan boleh.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ok lah-ok lah, bagi lah. Sebab kita bebas sangat di dewan, bebas.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Yang Berhormat Sekinchan ini nampaknya begitu ghairah ya tentang janji-janji yang dikotakan dalam manifesto pilihan raya dulu. Cuma saya nak tanya penjelasan ini. Yang nak dibagi ini keseluruhan ataupun pilih-pilih atau pun dengan syarat. Kalau nak dibaca dari manifesto pilihan raya dulu tak kira bulu. Maksudnya tak kiralah pangkat rendah ke, gaji banyak ke, gaji sikit, semua dapat. Jadi kalau sekarang ini difahamkan kalau pendidikan kena mesti pendapatan seribu lima ratus ringgit, masa dulu tak sebut seribu lima ratus. Jadi Yang Berhormat Sekinchan ini faham tak tentang perkara ini. Jadi kalau misalnya berlaku Yang Berhormat Sekinchan memainkan peranan di dalam, memainkan peranan di dalam untuk beri semua walaupun orang bergaji lima belas ribu, dua puluh ribu sebulan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Yang Berhormat daripada Sri Serdang. Tentang yang manifesto hadiah masuk universiti yang seribu ini, perkara ini dulu kita janji dalam pilihan raya kita akan beri untuk, untuk rakyat di negeri Selangor. Tapi waktu itu oleh kerana pilihan raya kita tak ada masa yang secukup untuk terangkan detail-detail. Lepas pilihan raya baru kita buat yang miskin kita tolong.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Usah berpura-pura Yang Berhormat semua cerita ini mesti ada fakta. Jangan cerita ini di dewan yang mulia ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Bukan dalam pilihan raya kita bagi manifesto masa itu suntuk. Jadi kita terangkan bab satu persatu. Nak jadi kerajaan ini kena kita *prepare* dengan terperinci tapi dalam pilihan raya kita hanya bagi tahu, kita akan tolong, kita tolong.

**TUAN SPEAKER** : Ya Sekinchan, Meru minta laluan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ha Kumpulan Lima dua boleh, boleh.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menarik perhatian tentang janji. Saya nak minta sama ada Sekinchan sedar atau pun tidak bahawa sebut tentang janji ini, dulu pun Pak Lah janji untuk meningkatkan tahap keselamatan peribadi setiap individu. Tahun 2004. Kemudian mengurangkan indeks jenayah negara. Tetapi realitinya jenayah naik sampai 45 peratus, pada 2004, 56,000 kes 2007, 224,000 kes. Kes rogol naik sampai 112 *percent*. Dari empat wanita dirogol sehari kepada 8.5 wanita. Pak Lah juga berjanji mengisytiharkan kempen memerangi rasuah secara habis-habisan. Tahun 2004 juga Pak Lah juga berjanji untuk meneruskan

usaha memerangi rasuah tanpa gentar atau pilih kasih. Tapi realitinya kedudukan Malaysia jatuh dalam indeks persepsi rasuah jatuh dari tangga 37 ke tangga 43.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, jauh perginya. Apa penjelasannya.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Ha ini nak beri penjelasan sikit. Sebab sebut sini janji. Kemudian 18 VIP yang terlibat rasuah tidak didakwa. Sekian.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya memang setuju dengan ADUN daripada Meru ini, walaupun dia jarang bercakap ini, kalau sekali bercakap memang fakta dia cukup.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tapi maksudnya meniru oranglah. Meniru.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya tak izin. Nak tu minta izinlah. Kita bagi, saya ini orang tak kedekut sangat. Saya bagi kalau nak cakap mintalah cara yang sopan. Ini aduh... walaupun dulu Timbalan Speaker, Timbalan Speaker. Bukan main lagi. Cukuplah, cukup-cukup. Tuan Speaker hari ini saya nak unkitkan satu perkara, pada satu Syawal selepas sebulan umat Islam menjalankan ibadah puasa kita semua menyambut, semua umat Islam menyambut kedatangan satu Syawal dan Pakatan Rakyat khususnya di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita telah mengadakan satu rumah terbuka pada satu Syawal yang lepas terbuka di Dataran SUK buat julung kalinya untuk Kerajaan Pakatan Rakyat.

**TUAN SPEAKER** : Itu Dataran Dewan bukan Dataran SUK.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Oh Dataran Dewan. Oh ini dewan-dewan. Ini kena bezakan dengan betul-betul ya. Terima kasih Tuan Speaker kerana tegur ya. Dataran Dewan yang besar itu kita buat rumah terbuka pada pagi itu dalam pukul sepuluh lebih saya telah sampai dan memberikan salam dan mengucapkan selamat hari raya maafkan zahir batin dan saya tengok dan saya berada di situ dalam sekitar satu jam. Saya tengok Melayunya datang, Cinanya datang, Indianya datang, Benggalinya datang, tuanya datang, muda pun datang, perempuan, laki semuanya datang. Wah meriah cukup meriah. Alhamdulillah yang sambutan cukup meriah. Tapi yang saya sedih dalam perkara ini Tuan Speaker, Ketua Pembangkang dengan barisan pembangkang yang dua puluh orang satu pun tak muncul. Saya tanya yang jaga sampai petang tiada ada muncul. Tak datang pun nak beri salam. Kita sebagai ahli politik, Tuan Speaker, Ahli politik seperti saya ini dengan izin .....cakap cina..... kita tahu masa-masa tertentu kita harus ketepikan kepentingan politik dan bincangan politik kita ketepikan dalam perayaan besar ini, Hari Deepavali, Selamat Hari Raya Aidil Fitri, Tahun Baru Cina, Hari Ponggal dan sebagainya, Krismas, kita kena datang kunjung mengunjungi. Ya, bermaaf-maafan, mengeratkan hubungan silaturahim inilah suasana muhibah yang kita harus pupuk untuk kita tunjukkan kepada rakyat. Saya contoh seperti saya, dulu sewaktu saya jadi pembangkang, waktu tahun 2004, pertama kali saya menang di Sekinchan, Yang Berhormat Tuan Speaker pernah menegur saya, menasihatkan saya. Kalau kita sebagai ahli politik, kalau ada pembukaan, walaupun dia Kerajaan Barisan Nasional dulu kita kalau ada masa kena pergi. Kena salam salaman dan saya mengamalkan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker tolong bagi laluan, minta laluan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Nak laluan lagi. Saya rasa lain tak ada laluan asyik dia aje. Saya tak boleh bagi prioriti lah ya. Sekali- sekali bolehlah. Saya nak bagi laluan.

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu, nanti dulu kita selesaikan dengan Sri Serdang. Sekarang Sekinchan, YB. Sekinchan ah..... benarkan Sri Serdang ke tidak. Tak soalan saya benarkan Sri Serdang tak.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak benar

**TUAN SPEAKER** : Baik, Sri Serdang sila duduk, baik, sila duduk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya tak takut, ini hak saya, saya berucap.

**TUAN SPEAKER** : Sri Serdang sila duduk, sila duduk, sila duduk. Tak benarkan. Ya. Baik sekarang kita uruskan dengan Sungai Pelek ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sungai Pelek, Sungai Pelek saya bagi Sungai Pelek

**TUAN SPEAKER** : Silakan Sungai Pelek

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih juga Sekinchan. Bagi sayalah rasa saya bagi setiap manusia ini ada hak kebebasan untuk memilih pergi ke tidak ke sesuatu jamuan atau sesuatu *function*. Jadi dalam ucapan tadi, menyalahkan Barisan Nasional rasa saya tak, tak wajar. *And then* buat masa tu jamuan hari raya itu memang banyak juga di kawasan kami ini yang menang ini Barisan Nasional dua puluh orang. Jadi kena pergi juga kita ke jamuan hari raya atau rumah terbuka orang kampung kita. So bagi saya ada tak, soalan saya ada tak hak asasi untuk kita memilih sama ada kita datang atau tidak walhal kita memang sibuk. Sekian.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, terima kasih lah soalan daripada Sungai Pelek. Memang kita sebagai manusia kita menghormati *human rights* hak asasi manusia. Dia ada hak. Tapi yang penting kita sebagai ahli politik bekas Menteri Besar ini lain, kalau hari biasa ahli biasa macam Sungai Pelek saya fahamlah. Sebab dia Menteri Besar.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker, tuan speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ha cukup-cukup, saya tak bagi dah.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker, Tuan Speaker tadi dia sebut semua

**TUAN SPEAKER** : Sila duduk, sila duduk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Cukup-cukup cukup tak bagi dah, tak bagi dah.

**TUAN SPEAKER** : Maksudnya tak ada seorang pun daripada semua ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ah .....

**TUAN SPEAKER** : Silakan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ya, Tuan Speaker, jadi maksud saya kita dalam politik ini ada masa kita bercanggah, berbalah, bertikam lidah. Itu biasa dalam politik. Kita tak setuju dalam ideologi masing-masing. Memang ini perkara biasa. Tapi dalam masa yang tertentu kita kenalah menunjukkan satu teladan yang baik kepada rakyat. Lebih-lebih lagi bekas Menteri Besar. Dulu pernah saya pernah pergi *open house* Menteri Besar dulu, saya pergi. Dan sekarang, hari ini, hari ini dua minggu yang lepas saya pergi rumah terbuka Khir Toyo sedangkan orang telefon saya mengapa saya pergi ke rumah terbuka Yang Berhormat Sungai Panjang.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sri Serdang minta laluan lagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta laluan lagi, baiklah kali terakhir.

**TUAN SPEAKER** : Kali terakhir Sri Serdang.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Pada saya Yang Berhormat Tuan Speaker, tidak wajar orang yang tiada di sini yang cuba nak memperkatakan dirinya untuk diperkatakan.

**TUAN SPEAKER** : Tapi masalahnya sekarang waktu mesyuarat, sepatutnya ada. Kalau dia tak ada masalah dia sendiri. Jangan salahkan orang. Bukan dia tak ada tak boleh jawabkan.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Itu sebabnya saya bangun untuk minta laluan. Oleh kerana dah izinkan, terima kasih. Seperti sahabat saya Sungai Pelek tadi, tiap-tiap orang ini ada had sama ada dia nak pergi atau pun tidak. Perkara ini tidak boleh dipertikaikan, mungkin kita pun tak tahu sama ada dia ada naluri seseorang itu yang berbeza daripada yang lain, mungkin dia ada cara dia untuk mendekati diri dan sebagainya. Cuma yang kita tengok dari segi masa, mata kasar kita saja. Tapi persoalannya mana lebih baik kalau kita berkunjung dengan hati yang tulus ikhlas daripada berkunjung beramai-ramai umpamanya mengganggu majlis orang, berteriak, ya mempertikai dan berbagai-bagai yang boleh merosakkan keharmonian ketika itu. Mana baik. Ada lebih baik kita mendinginkan diri daripada kita membuat huru hara sebegitu. Jadi adalah wajar mungkin mengikut hak masing-masing yang tidak perlu dipertikaikan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Itu yang soal orang yang menimbulkan huru hara itu bukan kita, itu saya tak tahu. Yang penting saya dengan Tuan Speaker dulu, kita pergi kita salam dengan betul-betul. Macam Barisan dia pandai bersandiwara. Kita tak adalah buat begitu. Saya tak pandailah kalau bab-bab bersandiwara ini ya. Dan seterusnya Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER** : Panjang lagi ke Sekinchan.



**Y. B. TUAN NG SUEE LIM** : Ada, ada sedikitlah, sedikitlah. Politik, saya cakap dengan ahli politik yang tidak mahu berkunjung sesama sendiri, saya nak tegaskan lagi dalam kita menyambut ambang merdeka baru-baru ini, Ya, ambang merdeka, saya tak nampak wakil rakyat daripada wakil-wakil Yang Berhormat daripada Barisan sama-sama kita menyambut ambang merdeka. Sedangkan negara Malaysia ini milik kita semua. Bukan Pakatan Rakyat. Barisan Nasional pun kita semua, tapi kita tak datang. Ini pun lain pula, sibuk pula. Ini alasan tidak boleh terima. Memang, memang itu politik, politik sempit. Tadi kata dah terakhir. Kalau tadi cakap tak terakhir saya sudah terpaksa pegang pada janji. Lembu berpegang pada tali, manusia berpegang pada janji.

**TUAN SPEAKER** : Teruskan Sekinchan.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Janji pun boleh berubah, ubah tadi.

**TUAN SPEAKER** : Sri Serdang, Sri Serdang dah bagi peluang banyak tu. Sebut tadi kali peluang terakhir. Ya Sila.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : dengan politik sempit itulah yang menyebabkan sampai sekarang walaupun sudah lapan bulan kita tukar kerajaan masih terdapat Jawatankuasa Kerja Kampung yang dulu, JKKK yang dulu sampai sekarang ini oleh kerana ada politik sempit ini yang diwarisi, tidak mahu menyerahkan balai raya, kunci dan sebagainya. Ada yang mengugut ambil kunci saja saya akan serang. Dengan budaya samsengnya pun ada, diberi surat oleh pejabat daerah, oleh DO dan sebagainya, tak nak bagi. Tuan Speaker, dalam dewan yang mulia ini saya nak menyeru, dalam politik ini kalah menang perkara enteng saja dalam pilihan raya. Kita DAP ini kita dan empat puluh tahun kalah dah. Kalau itu biasa. *Gentlemen* lah sikit. Kalau dah kalah dan memang ini hak kerajaan negeri Selangor, tanah kerajaan negeri Selangor kita serahlah dengan cara yang baik serah tugas. Ini politik sempit yang macam ini yang menyebabkan orang bawah terikut-ikut. Kita perlu membuat satu anjakan paradigma sekarang ini. Satu kursus apa bengkel politik untuk wakil rakyat Barisan Nasional. Kalau tidak susahlah nanti. Kita akan tersasul, tersasar. Tuan Speaker, jadi saya.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sekinchan, Sungai Pelek nak tanya lagi, bagaimana, boleh beri laluan.

**Y.B. TUAN NG. SUEE LIM** : Tadi saya dah beri laluan, masa pun tak berapa cukup, sekarang dah..

**TUAN SPEAKER** : Nak bagi ke tak bagi..

**Y.B. TUAN NG. SUEE LIM** : T ak.. tak.. tak bagi. tak bagilah...

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek sila duduk..

**Y.B. TUAN NG. SUEE LIM** : Tuan Speaker, tadi saya dengar daripada kenyataan Y.B. Ketua Pembangkang mengatakan oleh sebab kita JKKK tidak dapat dibentuk kita mengakui dapat mandat pada 8 Mac dan kita sebelum ini tidak ada pengalaman untuk menjadi kerajaan jadi dalam proses itu, memang ada kelemahan mesti adalah kelemahan, dalam bab ini, kita ada kelemahan, orang 50 tahun lagi lemah, kita baru 8 bulan macam mana tak lemah, ada kelemahan..

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Saya ingin bertanya kepada Y.B. Sekinchan, sama ada menyedari bahawa satu kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Menteri Pembangunan Bandar dan Wilayah Y.B. Tan Sri Muhamad Muhd Taib, mengumumkan bahawa kementerianya akan membela semua 2100 ketua kampung di 4 negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat, mereka bukan sahaja akan diserapkan semula dalam Kementerian berkenaan malahan akan dibayar elaun masing-masing tanpa melalui kerajaan negeri dan *statement* ini dibuat pada bulan April, sebelum kita Pakatan Rakyat memilih JKK sendiri, satu.

Yang kedua adakah penjelasan (saya minta penjelasan) boleh tak JKKP ini mengeluarkan *letter head* pakai lambang kerajaan negeri Selangor sebab benda itu telah berlaku di tempat saya di DUN Meru. Sekian.

**Y.B. TUAN NG. SUEE LIM** : Terima kasih Y.B. Meru, memang dari segi faktor perancangan yang dilakukan oleh Kementerian Luar Bandar memang mereka nak menimbulkan suasana kacau bilau di kampung, jadi saya sebut dalam kenyataan saya sebelum ini di mana JKKP ini saya sifatkan sebagai Jawatankuasa Kacau Kampung, kacau kampung jadi memang dia ditubuhkan atas demokrasi, tidak, rakyat dah tolak mereka kita akuriah pilihan rakyat kita.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Beri laluan, beri laluan,

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan, boleh beri laluan.

**YB. TUAN NG. SUEE LIM** : Pegang pada janji... kerana terpaksa, kerana terpaksa, kalau kita bagi nanti orang lain minta, yang terakhir, tiada untuk mu, tiada untuk mu,

**TUAN SPEAKER** : Sila duduk, sila duduk.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Air Tawar pula buat kali pertama minta laluan,

**YB. TUAN NG. SUEE LIM** : Dalam kehidupan saya ini memang selalu ada hubung kait dengan sungai-sungai ini, okeylah.. Sungai Tawar okey..

**TUAN SPEAKER** : Silakan,

**Y.B. DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD** : Tuan Speaker, saya minta penjelasan mana yang lebih baik agaknya bercakap dalam dewan ini perkara-perkara yang bernas yang boleh membantu Menteri Besar, untuk memerintah untuk menguruskan kerajaan dengan baik daripada bercakap merepek-repek macam tu... terima kasih.

**YB. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih, memang saya bercakap benda-benda yang saya bangkitkan tadi, membalas apa yang diucapkan oleh ketua pembangkang. Yang Berhormat Sungai Tawar, jadi saya kenalah jawab, sebab benda ini dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, rakyat gelisah, itu macam *frust* aje, ha...dah tahulah... itu takdir, takdir tadi, dan itu dia macam *frust* aje, dah.. dah..apa pula..cukup-cukup jangan main batu api, cukup., sebab Yang Berhormat Sungai Panjang tadi kata, rakyat gelisah, rakyat gelisah sebab JKK Kampung kita belum ditubuhkan, saya rasa dalam bab ini

bukan rakyat gelisah, jadi mereka tubuhkan JKP kata rakyat gelisah tak boleh tunggu, dalam bab ini saya nampak UMNO dan BARISAN NASIONAL gelisah, bukan rakyat gelisah, tidak timbul sama sekali la, boleh tanya la,, ini kepentingan politik jadi, sampai sinilah, sekian sahaja untuk perbincangan saya pada hari ini sebab saya kalau nak teruskan boleh lagi, tapi oleh kerana suasana Sungai Panjang ini tidak menjalankan peranan sebagai ketua pembangkang dengan baik jadi, saya pun malas nak menyahut sangat ya.., jadi sampai setakat inilah perbincangan bajet saya pada kali ini, sekian. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Melihat semangat Sekinchan, saya pun rasa nak turun nak bahas. Sila Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Alhamdulillah wassalatu wassalam ala Rasulillah waallahwasahbihi wamanwalah.* Bangi berdiri untuk turut sama mengambil bahagian membahaskan tentang anggaran perbelanjaan 2009, bagi Negeri Selangor , Bangi mengucapkan tahniah kepada YAB. Dato' Menteri Besar kita kerana telah menyampaikan bajet 2009 iaitu bajet pertama kerajaan Pakatan Rakyat sejak memerintah Negeri Selangor mulai 8 Mac 2008, jadi bajet ini walaupun disifatkan oleh bekas Menteri Besar yang lepas Dato' Seri Mohamad Khir Toyo sebagai bajet retorik, hilang fokus dan sebagainya, saya ingat dia juga bercakap secara retorik.

Sebenarnya saya pun masih ingat semasa kita menjadi ADUN kali pertama sebagai ADUN Kajang dan masa itu dia juga sebagai ADUN biasa apabila dilantik menjadi Menteri Besar pada tahun 2001, dia pun sebenarnya melalui proses pengalaman dan penajaman dari segi pengalamannya, pada peringkat permulaan sebenarnya dapat memperlihatkan bahawa dia juga pada peringkat permulaan sebenarnya kurang berpengalaman saya masih ingat pada peringkat permulaan ucapannya dia dikata mahu mendirikan *triple towers* di Shah Alam ini, nak mengikut *twin tower* di Kuala Lumpur bila ditanya tentang bagaimana nak menyelamatkan hutan simpan kerajaan Negeri Selangor, dia kata nak pagar semua hutan simpan mana boleh nak pagar, tapi itu jawapan dia, dia kata nak beli helikopter untuk *round* nak bagi menjamin hasil hutan itu tidak di ceroboh, tapi tak pernah dibeli pun.

Begitu juga umpamanya dalam perkara yang besar umpamanya dia berlaku penyerahan Putrajaya kepada Kerajaan Persekutuan, tanpa pengalaman lagi sebenarnya diserahkan begitu sahaja dan kita telah bangkitkan dalam dewan ini bahawa penyerahan itu tidak sah kerana tidak pernah dibawa ke Dewan Undangan Negeri dan terpaksa dirujuk balik perkara itu ke Dewan Undangan Negeri dan barulah melalui pengesahan, walaupun kita tentang tapi kita hanya beberapa orang dari segi pembangkang pada masa itu.

Tapi walau macam mana dari pengalaman kita lihat memang ertinya apa yang diucapkan tadi dapat membantu banyak membantu bagi memperbaiki pemerintahan kita berdasarkan pengalaman-pengalaman yang beliau lalu, jadi, kalau kita lihat dari segi pentadbiran ini kita melihat kita seolah-olah dua keluarga yang mempunyai visi dan misi masing-masing tersendiri. Kalau benda ini kita melihat visi BN, UMNO lebih berorientasikan pembangunan yang sebenarnya lebih bersifat kebendaan dari segi pengisian umpamanya aspek-aspek yang lain kerohanian dan sebagainya.

Tetapi kita, saya ingat satu kejayaan yang telah kita capai selama 7 bulan bahawa kita telah mewar-warkan dan memang kita telah mengemblengkan usaha dan tenaga kita untuk mempopularkan kita adalah barisan Pakatan Rakyat yang membela rakyat dan membuat kebajikan kepada rakyat, saya ingat aspek itu, kita benar-benar telah berjaya kerana perkara ini belum pernah dilakukan oleh pihak BN, saya tak nak menyebutlah perkara-perkara yang telah dilakukan dari segi kebajikan kerana telah banyak diulang-ulangkan.

Tetapi saya fikir untuk menilai kejayaan kita dalam masa 7 bulan adalah sebagai satu yang tidak adil, Dato' Seri Mohamad Khir Toyo dia telah melalui selama 8 tahun dua penggal, sebab itu, ertinya barangkali maklumat dan berpengalaman dia telah makin baik dan banyak boleh membantu kita dari segi idea dan fikirannya, bahkan tuan-tuan, puan-puan kalau kita lihat sebenarnya bajet yang kita bahaskan pada hari ini sebenarnya perlanjutan dari bajet-bajet yang lepas yang memperlihatkan peningkatan tahun demi tahun, kalau kita lihat pada tahun 2006, bajet ialah sebanyak RM1,160,209,933.53 kemudian pada tahun 2007 meningkat kepada RM1,285,100,104.92 juta, 2008 meningkat kepada RM1,340 juta dan untuk 2009 akan datang iaitu RM1,400 juta, ini adalah merupakan peningkatan dan kita mengharapkan apa kita akan terus meningkatkan dari segi kemajuan Negeri Selangor.

Saya melihat bajet 2009 adalah sejajar dengan tuntutan Islam kita dan tuntutan universal sendiri, kita menekankan dari segi keihisan dan keadilan kepada semua pihak dan semua kaum sesuai dengan " Firman Allah, *InnAllah yakmurukum biladli wal Ehsan*, Allah menyuruh kamu supaya berbuat adil dan Ehsan," yang saya katakan tadi aspek ke *ihsanan* saya fikir kita telah berjaya dari segi mempopurkan bahkan mempraktikkannya di tengah masyarakat dan kita sebenarnya sedang mendukung tugas dan tanggungjawab sebagai mereka yang diberi kuasa sebagaimana " *Sabda Rasullullah S.A.W `Kullukum Raen Wakullu Raen Masfulun Arrokyati, semua kamu adalah pemerintah dan setiap pemerintah akan disoal dari segi yang diperintahnya rakyatnya`* dan ini adalah tugas kita semua dari segi untuk menunaikan janji dan peranan kita sebagai pemerintah di Negeri Selangor untuk kepentingan rakyat bahkan saya ingat bagi sebagai contoh dan model pemerintahan bukan setakat di Negeri Selangor tetapi juga di negeri-negeri yang lain, dalam kata lain kalau boleh kita mahu Selangor menjadi model dan contoh pemerintahan bagi negeri-negeri Pakatan Rakyat bahkan seluruh negeri-negeri di Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan, Tuan Speaker, saya melihat juga tugas kita adalah juga selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh *Al Imam Almawardi di dalam kitabnya yang berjudul Al Ahkam Al Sultaniah (pemerintahan ke Sultan)* dikatakan *al iman al wajib* kepimpinan itu adalah satu tanggungjawab yang wajib yang kita mesti menjaga untuk keselamatan agama dan juga kehidupan kita di dunia ini dan ini adalah tugas kita tuan-tuan-puan-puan.

Bajet 2009 adalah sejajar dengan tuntutan Islam dan juga dari segi tuntutan keihisan, keadilan dan kebajikan yang memang dituntut dari segi Islam dan juga universal sendiri, secara menyeluruh peruntukan bajet 2009 yang secara detailnya berjumlah sebanyak RM1,365,315.86 adalah bajet berimbang yang menjaga kepentingan negeri pentadbiran, jabatan, pembangunan, ekonomi, industri, infrastruktur, agama dan kebajikan, dan kepentingan rakyat, ia melibatkan peneraju pemerintahan dari segi peruntukan dari Menteri Besarnya kepada peruntukan Dewan Undangan Negerinya, Perbendaharaan

Negeri, Dewan, Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri dan paling banyak melibatkan jabatan-jabatan. Daripada 29 item, 19 adalah melibatkan jabatan-jabatan di Negeri Selangor. Di samping melibatkan langsung rakyat seperti caruman-caruman, pelbagai perkhidmatan, mahkamah dan sebagainya. Tiap satu mempunyai peruntukan yang wajar menurut keperluan dan peruntukan keseluruhan bagi 2009. Ia melebihi sebanyak RM60 juta berbanding dengan bajet tahun 2008.

Tuan Speaker, semasa kita menjadi pembangkang dahulu, kitalah jadi pembangkang, maka fokus dan hubungan kita memang terus pada rakyat kerana kita memang disekat, ditekan dari berbagai-bagai saluran. Kita tidak mendapat layanan dari pihak jabatan-jabatan masa itulah. Disukarkan kita dari segi urusan jauh dari untuk mendapat bantuan, ya. Tidak mempunyai saluran sama ada ke Pejabat Daerah, sama ada melalui Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung. Dari segi Majlis Perbandaran juga pada masa itu kita disekat dan juga tidak mendapat kemudahan. Kita juga tidak mendapat kemudahan melalui institusi agama dan pejabat-pejabat agama, sekolah agama, masjid dan surau. Sekatan yang dilakukan memang amat berkesan. Ertinya kita sukar untuk bergerak. Tapi Tuan Speaker, kini kita memang berkuasa.

Saluran jabatan-jabatan adalah mekanisma yang amat penting bagi kita menurunkan bajet pembangunan dan berbagai-bagai urusan melalui institusi-institusi jabatan-jabatan berkenaan. Tapi kita hendak bertanya apakah kita sebenarnya mendapat laluan dan urusan licin melalui jabatan-jabatan ini setelah kita berkuasa? Memang kita dari segi strukturnya, dari segi pemerintahan dan kita seharusnya ertinya melalui saluran-saluran yang sedemikian. Kita di Negeri Selangor ertinya yang tertinggi di peringkat negeri, di bawah ertinya Tuanku, di bawahnya ialah Menteri Besar dan EXCOnya sebanyak 14 pecahan kemudian ADUN duduk di tengah antara Jabatan Majlis Perbandaran dan juga Pejabat Daerah di mana dia mempunyai saluran-saluran ke bawah untuk kita sampai kepada rakyat dalam mana bantuan ke atau apa-apa sahaja ini adalah saluran utama bagi kita sampai kepada rakyat. Tidak semasa pembangkanglah. Ertinya kalau daripada Majlis Perbandaran, ada mekanismanya, ada Ahli Majlisnya di bawah kita, ada Ahli Jawatankuasa Majlisnya. Kemudian apa dia ni sampai kepada rakyat.

Kalau melalui Pejabat Daerah, dan jabatan-jabatan yang lain yang kebiasaannya berada di jabatan di Pejabat Daerah. Umpamanya melalui Penghulu, Ketua Kampung yang kita lantik, JKK dan sampai kepada rakyat. Ertinya puncaknya dari tiga segi berkembang begitu akhir turun kepada rakyat. Dua-dua saluran boleh kita sampai kepada rakyat.

Persoalannya Tuan Speaker, kita merasakan, saya tak tahu ini barangkali pengalaman kita di Hulu Langat ataupun di kawasan Serdang. Semacam ada tangan-tangan ghaib yang merupakan sebagai konspirasi yang masih menyekat kita daripada, ertinya saluran-saluran yang sepatutnya lebih mudah kita lalui dalam hubungan untuk kepentingan rakyat dan sebagainya. Umpamanya saya terpaksa sebut ya, sehingga kini, sehingga kini kita dah jadi Wakil Rakyat 7 bulan, tidak satu mesyuarat pembangunan ke ataupun apa ke Pejabat Daerah yang dijemput kita secara rasmi untuk menghadiri mesyuarat. Ada yang kita hadir mesyuarat ialah pada masa Yang Amat Berhormat Menteri Besar pergi untuk taklimat, kita pergi tanpa dijemput dan sebenarnya ada larangan untuk kita masuk tetapi kita serbu, sengaja masuk dengan ertinya Ahli Parlimen Hulu Langat. Jadi tidak dibenarkan kita masuk tetapi kita masuk secara serbu dan kekerasan. Itulah mesyuarat yang nak kata rasmi, tak rasmi juga bukan dipanggil kita, yang kita hadiri.

Selain daripada itu mesyuarat kerana yang diadakan untuk syarahan ugama, hal ehwal perdana, forum perdana. Itu pun dipanggil secara tidak langsung kerana dia melibatkan kawasan. Kawasan kitalah DUN Bangi kerana hendak diadakan di situ. Selain daripada itu kita tidak dipanggil mesyuarat. Padahal amat penting bagi kita untuk mengetahui umpama soal pembangunan dari Pejabat Daerah soal polisi tanah dan sebagainya, soal banjir dari JPS sepatutnya kita dapat taklimat, polisi negeri dan persekutuan barangkali yang diturunkan melalui Pejabat Daerah dan berbagai-bagai lagi yang sepatutnya kita mendapat maklumat dari Pejabat Daerah. Kita nampak memang ada tempat *parking* ADUN. ADUN Bangi, ADUN dan berbagai-bagailah. Ada buat tempat *parking* ini. Ini memang tradisi dulu agaknya masa UMNO memang dia selalu mesyuarat dan tempat itu disediakan. Tetapi masa kita menjadi ADUN, kita tidak diberi peluang, tidak dipanggil untuk sebarang mesyuarat untuk kita mengetahui tentang perkembangan setempat apa lagi dari segi polisi negeri dan sebagainya yang seharusnya melalui Pejabat Daerah.

Jadi yang kita lalui sebenarnya setakat ini ertinya melalui Pejabat Daerah ini ialah melantik Ketua-Ketua Kampung. Jadi kita terpotong tengah. Lantik Ketua Kampung adalah daripada arahan politik, daripada kita, kita terlibat melantik dan adalah dilantik. Kemudian JKK, kita juga terlibat dari segi melantiknya dan terus hubungan rakyat. Tetapi ke atas seolah-olah terpotong kita dengan pihak EXCO dan lebih atas lagi. Saya fikir ini bukan kita hendak ertinya merendahkan tetapi ini merugikan kita dari Kerajaan Pakatan Rakyat itu sendiri yang sepatutnya saluran ini kita perlu perkukuhkan, meningkatkan dari segi hubungan itu sebab dengan itu menjadikan kekuatan kita dari segi hubungan kita dengan rakyat dan dalam menyalurkan projek-projek pembangunan polisi, pendapat dan sebagainya yang boleh kita memperbaiki keadaan di tempat kita.

Satu saluran lagi Tuan Speaker ialah melalui MPKj, Majlis Perbandaran. Saluran ini, Majlis Perbandaran ini adalah antaranya saluran kita dalam mana dari situ ada Ahli MPKj yang sebenarnya daripada ADUN melantik siapa yang difikirkan perlu bagi kawasan dia. Ertinya ada empat, lima, enam orang. Itu ertinya daripada kitalah kemudian ada ahli jawatankuasa dan bawa kepada rakyat. Saya fikir hubungan kita dengan Majlis Perbandaran agak mesra dan baik tetapi polisi kita, saya hendak mempersoalkan polisi daripada EXCO, minta maaf kita terpaksa kritik. Kuasa telah kita dapati, Majlis Perbandaran adalah satu majlis yang penting. Peruntukan yang besar melalui di sini. Dan pengaruhnya dia merangkumi seluruh kawasan. Kalau saya di DUN semua DUN Bangi adalah di bawah ertinya riayah MPKj ini. Segala polisi dan sebagainya. Dari awal lagi kita mempersoalkan tentang EXCO yang berhubung dengan Majlis ini, mengapa kita disekat daripada menjadi Ahli Majlis, itu satu. Padahal ertinya ini tempat yang paling penting berpengaruh dan yang lebih penting kita mendapat maklumat daripada Majlis itu sebarang aduan, polisi dan sebagainya yang kita boleh turunkan kepada rakyat dan juga sebenarnya aduan-aduan itu menjadi bahan yang boleh kita bawa kepada Dewan ini. Tetapi Tuan Speaker, kita hadir di situ adalah sebagai orang luar. Saya teringat tak bezalah saya menjadi masa pembangkang dulu masa Ahli DUN Kajang. Kita pergi pun dengan tak dijemput, tak diberi bahan-bahan untuk kita teliti bahkan kita duduk pun sebaris dengan wartawan, tak ada tempat kita masa itu.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, minta penjelasan daripada DUN Bangi.

**Y.B. DATO' DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Boleh, boleh.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Sedar ataupun tidak mungkin kerana inilah Wakil Rakyat itu duduk di luar. Jadi saya difahamkan satu pertengkaran, pergaduhan yang berlaku di Majlis Perbandaran Subang Jaya antara Wakil Rakyat dengan Ahli Majlis. Sedar ke tak sedar tentang itu?

**Y.B. DATO' DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Saya tak sedar yang itu.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Ha, tak sedar tak apalah. Itu saya maklumkan.

**Y.B. DATO' DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Jadi ertinya sebenarnya kita sendiri telah menyekat saluran yang amat penting bagi Wakil Rakyat kita mendapat maklumat, memberi fikiran, membuat cadangan dan berbagai-bagai lagi aspek yang boleh mempertingkatkan kualiti majlis itu sendiri bahkan maklumat yang boleh kita bawa pada Dewan dan boleh juga bawa kepada rakyat. Tiba-tiba bila kita datang situ, kita sebagai orang asing duduk di pinggir dan dilarang daripada mendapat bahan-bahan bacaan maklumat. Kita duduk semata-mata begitu. Kami memprotes secara kecil. Dua, tiga, empat orang ADUN dan juga 2 orang Parlimen. Macam ini habis masalah kami pergi separuh hari, duduk. Bahan bacaan pun tidak diberi, air ada, air ada. Kami tak berpihak kepada pembangkang ni. Kami hendak memperbaiki kedudukan kami sendiri.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Terima kasih jadi jurucakap kami.

**Y.B. DATO' DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Jadi ini seolah-olah kita ialah merugikan kita sendiri. Alhamdulillah, baru ini sebulan yang lepas, baru kita menerima arahan bahawa ADUN-ADUN boleh menghadiri mesyuarat jawatankuasa kecil yang 10 jawatankuasa itu. Tetapi juga kita sebenarnya tidak diberi bekalan bahan maklumat. Kita pergi pun kosong dan minta tak dapat. Tidak diberi pun. Ertinya kita meminta pun tidak diberi. Jadi kita amat dahaga kepada maklumat itu sebenarnya untuk dibawa...

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Minta laluan. Adakah Yang Berhormat menyedari bahawa dulu ketika UMNO menguasai Kerajaan, Ahli-Ahli Majlis ini telah mengawal kontrak-kontrak PBT? Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ketika UMNO menjadi majlis dia telah kuasai...

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Ha itu Peraturan 36, buat sangkaan buruk itu.

**Y.B. DATO' DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Saya hendak sentuh lebih kemudian yang itu. Sebenarnya dalam kesedaran kita. Tetapi ertinya bila disekat begini tempat yang kita berkuasa dan itu tempat pengaruh yang paling penting bagi kita untuk dari segi membawa bahan-bahan ke atas dan juga bawa maklumat kepada rakyat tiba-tiba disekat. Saya ingat polisi ini tidak begitu, saya istilahkan tak kena, tak begitu matanglah dan merugikan kita sendiri. Sebenarnya barangkali ada niat yang baik yang kita hendak sekat Ahli-Ahli ADUN ini daripada terlibat perkara-perkara yang boleh membawa rasuah umpamanya. Misalannya meluluskan apa projek-projek ataupun macam masa BN. Dia ambil projek itu dia sendiri sehingga dia menjadi kaya-raya umpamanya.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Bangi, Yang Berhormat, Yang Berhormat Bangi, Yang Berhormat, Yang Berhormat Sg. Burong minta laluan. Silakan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanyakan penjelasan kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam konteks pemilihan perwakilan, Wakil-Wakil Rakyat ini telah dipilih rakyat. Dan dalam konteks negara kita ini, kita tidak ada pemilihan Wakil Rakyat di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan kerana itu Wakil-Wakil Rakyat dengan izin *is assume to help the displotesbality* untuk mewakili hak-hak rakyat. Dan pertanyaan saya adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa hak-hak Wakil Rakyat yang mewakili rakyat membuat keputusan dalam Pihak Berkuasa Tempatan telah diketepikan dalam konteks ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR** : Terima kasih. Memang dari segi Perlembagaan kita dulu ertinya Ahli-Ahli Majlis ni memang dipilih yang dimulai pada tahun 1996 di Pulau Pinang kemudian Melaka, Kuala Lumpur dan sebagainya tetapi Akta ini di *review* balik, saya ingat pada tahun 86 begitu ertinya disekat terus ertinya tak diadakan Pilihan raya Kerajaan Tempatan oleh kerana ada hujah tertentulah mungkin boleh memasalahkan sibuk dengan Pilihan raya memanjang jadi merugikan juga antaranyalah. Tapi memanglah sepatutnya kita di kawasan itu kita sudah dipilih termasuk ertinya saya bukannya menyokong pembangkang ye. Pembetulan barangkali, pembetulan, ertinya memang kita berhak duduk di dalam Majlis Perbandaran dan Pejabat Daerah bahkan saya ingat Wakil Rakyat berhak menjadi Pengerusi lebih berhak daripada Yang Di Pertua MPKJ itu sendiri kerana kita adalah dipilih oleh rakyat. (tepek meja). Dia adalah pegawai yang dihantar oleh pihak negeri untuk tadbir di situ, kita adalah menguasai kawasan itu, wakil rakyat dan kita seharusnya mempengerusikan majlis MPKJ itu apabila berlaku mesyuarat dan sebagainya. Itu adalah sepatutnya *authority* kita. Ertinya, Yang Di Pertua MPKJ adalah pekerja bagi kita ye.. bukan dia jadi bos yang mempengerusikan kita dan kita menjadi ahli bagi dia. Sepatutnya, dan saya fikir ini perlu kita *review*. Mungkin saya ingat tujuan asal kita untuk memperbaiki kedudukan untuk menunjukkan keikhlasan kita, warak kita tetapi tak kena pada tempat. Itu istilah saya.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat... Yang Berhormat, hah...saya beri 3 minit lagi dan sementara itu Kuala Kubu Baharu minta laluan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR** : Ok.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya maksudkan wakil rakyat tu adakah wakil rakyat termasuk wakil rakyat dari pembangkang.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR** : Kalau dia menguasai satu tempat ertinya dia bukan pembangkang tetapi sekarang dia duduk dalam keadaan pembangkang dia dengan taraf pembangkang juga lah (ketawa) kalau di panggil ke Majlis Perbandaran pun dia duduk sebagai pembangkang memang dipanggil tapi di Majlis Perbandaran Kajang tu tak pernah pun pembangkang ni hadir memang dipanggil. Jadi itu dia tak mematuhi aturan lah sepatutnya. Kita panggil. Memang panggil. Tapi... oleh kerana masa yang diberi....



**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI** : Minta laluan Tuan Speaker. Mohon penjelasan. Boleh lah sekejap aje. Jiran-jiran

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR** : Ya... Tuan Speaker, oleh kerana masa suntuk, saya nak... 3 minit lagi kan, kalau buka boleh tapi tambah waktu saya.

**TUAN SPEAKER** : Tidak dibenarkan tambah waktu.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR** : Tidak akan ditambah.

**TUAN SPEAKER** : Dusun Tua, sila duduk.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR** : Tidak akan ditambah. Tuan Speaker, saya ingat kita telah berjaya dari segi mewar-warkan dari segi kita adalah Pakatan Rakyat yang telah membela rakyat dari segi kebajikan terutamanya. Kita dalam 6 bulan kita telah berjaya. Saya ingat kita mempunyai beberapa... kita ada 14 EXCO kita, ada 13 lagi.. ini adalah satu cabaran kepada mereka untuk mempopularkan EXCO masing-masing dengan polisi masing-masing supaya sekurang-kurangnya setaraf dengan kejayaan kita mempopularkan dari segi kebajikan rakyat. Kita cabar yang lain-lain dari segi perhitungan saya masih belum berjaya meningkatkan kualiti EXCO masing-masing. Maaf kalau saya kritik begitu. Kalau kita dapat berjaya meningkatkan semua EXCO ke taraf sebagai pemerintah yang berkebajikan, saya fikir pembangkang kita akan lebih hanyut dan mereka jauh daripada (tepuak meja) untuk menawan balik Negeri Selangor. Jadi sebab itu, ertinya tugas kitalah sekarang ni saya terpaksa potong ajelah kerana masa terhad. Tugas kita, Tuan Speaker ialah mesti memperkukuhkan, panjang saya bersedia ni tak berbaloi lah jadinya. (ketawa). Kita mesti mengambil pendekatan yang positif, mementingkan rakyat, kepentingan rakyat perlu kita teruskan. Mesti kerjasama antara Pakatan Rakyat mesti diperkukuh ditambah kukuhkan lagi elak dari kenyataan-kenyataan yang menggugat perpaduan dan kemantapan Pakatan Rakyat. Mungkin kita boleh fahamlah tu ye. Mesti ada kerjasama dan menyatukan pendekatan bagi 5 negeri yang kita memerintah, barang kali tidak ada kesatuan yang kukuh lagi dari segi pendekatan pemerintahan antara 3 negeri. Barang kali Selangor dengan haluannya, yang Kedah ada sikit lain haluannya yang lain-lain begitu juga. Kita tidak begitu banyak bermesyuarat dari segi menyatukan kesatuan. Mengambil pendekatan dari segi pemerintah untuk menyatukan, memperkukuhkan imej pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat. Kita mesti terus menunjukkan pada pentadbiran dan kemajuan 5 negeri ni lebih baik dari negeri yang ditadbir oleh UMNO BN sekarang ni dengan negeri-negeri lain. Saya ingat kita hampir mencapai kejayaan. Kita telah menunjukkan, kita lebih mantap dari segi pemerintahan ini, dari segi penilaian saya lah. Dari segi penilaian saya, tetapi kita perlu lebih meningkatkan lagi dari segi prestasi. Kita perlu mengukuhkan sokongan rakyat dari berbagai kaum melebihi sokongan yang didapati di dalam pilihan raya Mac 2008. Kita berjaya dengan sokongan orang Cina dan orang India di samping orang Melayu. So, kita perlu mempertingkatkan sokongan ini supaya kita lebih kukuh dan kuat dan kita hanyutkan BN dan UMNO. Insya-Allah. (tepuak meja). So, kita juga ...

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, sila tamatkan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR** : So, itu antara cadangan-cadangan kita, ada lagi lah. Saya ucap terima kasih kerana ruang yang diberi. Insya-Allah kita akan

tampilkan lagi pendapat-pendapat yang kita fikirkan perlu pada masa hadapan. Sekian. *Wabillahhi tawfik walhidayah wasalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat sekalian, untuk memberikan lebih ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh mengambil bahagian dalam perbahasan kerana perbahasan ini akan tamat pada hari esok, petang esok. Jadi saya akan mengehendkan waktu tempoh ucapan pada 30 minit sahaja dan untuk tidak mengganggu kelancaran ucapan apabila tinggal 3 minit saya akan mengetuk tukul sekali dan apabila saya ketukkan 2 kali mesti berhenti, mesti tamatkan serta-merta. Jadi itu supaya tidak mengganggu kelancaran ucapan. Baik dipersilakan Sri Serdang.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera dan Selamat Petang. Tuan Speaker, terima kasih kerana memberikan ruang kepada Sri Serdang untuk turut sama membahaskan bajet 2009 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat pada hari semalam. Tuan Speaker, pertama saya lihat bahawa persembahan Bajet ini agak kelam kabut, tidak teratur dan sukar untuk diikuti. Saya lihat susunan ucapan Bajet tidak meletakkan sub-sub, subjek yang fokus pada sesuatu tajuk dan kemudiannya dihuraikan satu persatu dengan jelas. Umpamanya pada pembentangan lepas, bila kita bentangkan tentang *Canal City* maka ada sub topiknya dan penghuraianya berhubung dengan subjek tersebut. Kini saya lihat tidak tersusun, kadang-kadang saya lihat satu topik itu diulang-ulang, misalnya soal kebajikan, ye.. ada disebut di awal, tengah dan di hujung pembentangan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya Sri Serdang, Kampung Tunku minta laluan.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Beri laluan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Sri Serdang. Adakah Sri Serdang juga ingin bertanya ataupun menyatakan bahawa dengan *power point presentation* (dengan izin) pun persembahannya tidak tersusun. Adakah Yang Berhormat bermaksud macam tu. Adakah *power point presentation* ini dulu ada.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya teringat masa kita dulu buat mula-mula Yang Berhormat Speaker, jadi ketua pembangkang bantah ye. Saya akan huraikan nanti. Topik Perkhidmatan Awam No. 97 umpamanya dicampuradukkan dengan topik Pembangunan Insan No. 98 kemudian timbul pula soal Perkhidmatan Awam dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan di No. 103. Saya mengharapkan satu pembentangan yang berstruktur dan mudah untuk diikuti. Mungkin ada setengah topik dibincangkan tetapi tidak cantik dari segi susunannya maka melalui pembentangan ini sukar untuk kita mengenal pasti yang mana prioriti ataupun keutamaan dengan izin yang mana perlu dikemudiankan. Kesimpulannya, rata-rata pembentangan adalah bersifat umum dan bernada menyalahkan pentadbiran terdahulu sahaja. Saya juga lihat persembahan bajet ini juga tidak menerangkan implikasi kewangan atau bajet ini dengan jelas bagi setiap program atau insentif yang ingin dilaksanakan. Umpamanya bajet bagi membantu warga emas berapa, bajet untuk program menarik pelaburan berapa, bajet pembangunan usahawan, pertanian, program belia, wanita, sukan berapa. Pembentangan juga risau dengan perkembangan sukan yang telah dinyatakan kerana

kalau dulu Sukma umpamanya kita dapat tempat yang ke tujuh tahun atau enam tahun berturut-turut menjadi johan ye..tetapi pada tahun ini kita hanya mendapat tempat yang kedua. Begitu juga dengan skuad bola sepak merah kuning, tahniahlah kerana sampai jugak ke peringkat akhir tapi malang tidak berjaya ye..menjadi naib johan sahaja. Jadi di sini ye... umpamanya tidak disebut berapakah bajet khusus yang diberi kepada pasukan bola sepak kita atau bagaimana. Itu sebagai contoh. Ada pun pembahagian pada jadual program merakyatkan ekonomi sahaja dan lain-lain tiada. Pembahagian kewangan hanya secara umum mengikut kepala-kepala sahaja pada akhir pembentangan tanpa perincian ke mana wang dibelanjakan. Ini menyukarkan dan tidak mesra kepada yang mendengarnya. Adakah pembentangan ini disiapkan secara tergesa-gesa atau pengaturnya tidak jelas fokus pembentangan yang hendak ditampilkan atau pembentangan ini masih bertolak rasa marah dan dendam pada pemerintahan dulu lalu hilang arah persembahannya. Sepatutnya ada penampilan segmen-segmen topik yang khusus. Yang paling penting ia mudah diikuti dari segi ucapan, bahan cetakan mahupun audio visualnya. Nampaknya pembentangan ini dibantu sedikit sebanyak oleh kecanggihan ICT. Terima kasih kepada Bahagian ICT SUK. Ini merupakan kesinambungan dan penambahbaikan pada pembentangan bajet lepas yang dirintis oleh Kerajaan Barisan Nasional. Saya masih ingat suatu ketika dahulu Ketua Pembangkang mengganggu persembahan multimedia untuk ucapan bajet ketika ia masih dalam proses percubaan. Seolah-olah kita mengganggu proses-proses yang baik demi kebaikan bajet yang dibentangkan. Kini kita sedikit sebanyak sudah nampak kebaikan hasil proses pembelajaran terdahulu. Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, dalam perbincangan jangan libatkan Speaker, dalam pertikaian, saya nak jelaskan dulu semasa jadi Ketua Pembangkang, saya membantah sebab skrin diletakkan menutup kerusi Tuanku, keduanya dia main muzik. Tapi kali ni, kita letak di atas tak ganggu pandangan kerusi Tuanku dan keduanya tiada muzik. Itu perbezaannya. Jadi cakap.... cakap dengan fakta dan jangan libatkan Speaker dalam pertikaian sedemikian.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya tidak melibatkan, cuma sebut Ketua Pembangkang ketika tu. Tuan Speaker, satu perkara yang tidak wajar kita lupakan sama sekali ialah tentang manifesto parti yang memerintah apabila menghadapi pilihan raya. Kami dan seluruh rakyat yang lain tidak sekali-kali akan lupa dengan janji-janji manis yang telah dilontarkan. Dalam bajet beberapa perkara disebut tentang isi kandungan manifesto itu dilaksanakan antaranya pemberian air percuma dan sebagainya. Walau bagaimanapun mengikut pemerhatian saya beberapa isi manifesto gagal dilaksanakan, misalnya pengurangan cukai di kawasan tadbiran pihak berkuasa tempatan atau PBT. Menyediakan perubatan percuma untuk warga tua dan menyediakan premis perniagaan yang cukup dan dalam hal ini tahniah lah kepada DUN Bangi kerana menyuarakan hasrat wakil rakyat untuk duduk sebagai Ahli Majlis. Itu menunjukkan bahawa apa yang dibuat oleh Barisan Nasional itu betul lah. (tepu). Dalam bajet ini sendiri, strategi mekanisme dan peruntukan yang jelas untuk melaksanakan beberapa perkara janji manifesto yang saya sebutkan tadi apa tah lagi keseluruhan isi kandungan manifesto tersebut.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker minta penjelasan.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Nampaknya perkataan manifesto dan janji pilihan raya ini langsung tidak disebut dalam pembentangan bajet apakah manifesto sudah dilupakan lantaran sudah enak memerintah.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Kampung Tunku minta laluan.

**Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Sekejap lagi saya bagi. Sila duduk.

**Y.B MAT SHUHAIMI BIN HJ. SHAFIEI** : Sekejap lagi ye.

**Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Kami Barisan Pembangkang akan terus memantau perkara janji manifesto ini satu persatu, saya yakin rakan-rakan yang lain akan memantau perkara ini dengan rapat dari masa ke semasa. Setiap satu manifesto akan dipantau rapi dan mesti ada jawapan kepada rakyat bagi setiap janji-janji pilihan raya tersebut. Adakah pihak kerajaan sudah lupa akan manifesto mereka? Atau buat-buat lupa dan akhirnya rakyat perlu lupakannya atau masih dirancang, dikira dan sebenarnya tidak boleh atau tidak praktikal untuk dilaksanakan lalu akhirnya diam-diam dan tidak lagi memperkatakannya. Untuk itu saya menggesa satu jawapan yang jelas, kalau boleh secara bertulis tentang status satu-satu isi kandungan manifesto itu sama ada sudah di laksana, tidak dapat di laksana atau dilaksanakan dengan perubahan yang mengaburkan mata rakyat. Tuan Speaker, dalam ucapan bajet 2009 yang dibentangkan itu juga beberapa gambaran tentang dasar

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan Tuan Speaker

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Sekejap ya. Beberapa gambaran tentang dasar dan program yang ingin dilaksanakan oleh Kerajaan telah dinyatakan dan diberi bajet yang tertentu. Nampaknya ia diperkukuhkan dengan dokumen hala tuju perancangan pembangunan Negeri Selangor pada tahun 2025. Justeru saya mengalukan dokumen seperti ini mengenai profil Negeri Selangor, strategi dan dasar yang ingin diketengahkan. Tuan Speaker, di sini saya ingin membangkitkan bahawa kenyataan perancangan dasar dan program yang ingin dibuat hanya berkisar kepada konsep, strategi dan rangka asas sahaja. Ia tidak cukup untuk menjelaskan tentang objektif, sasaran dan matlamat yang lebih spesifik, modus operandi, impak dan manfaat, jangka masa penggerak, bajet fasa pelaksanaan, kayu pengukur dan tahap-tahap pencapaiannya. Ringkasnya dokumen ini hanya menerangkan tentang apa, tetapi tidak bagaimana. Kita memerlukan dokumen yang menyatakan tentang bagaimana hendak mengoperasi atau melaksanakan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, sebenarnya untuk hala tuju pembangunan Selangor 2025 ini ada usul khusus. Kalau ada sentuh itu, kita masuk di situ. Jangan buang masa di sini. Sekarang kita sentuh pentadbiran.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Ini sebahagian daripada.....

**TUAN SPEAKER** : Ini adalah peraturan dalam perbincangan bajet sentuh pada pentadbiran Kerajaan dan dasar bajet bukan pada yang akan dibawa dalam usul.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tak apa. Mungkin itu saya lepaskan usul itu.

**TUAN SPEAKER** : Mungkin sudah tulis teks saja. Tak tau nak ubah ke?

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tidak.

**TUAN SPEAKER** : Sekarang ni soal peraturan. Hanya sentuh pada pentadbiran dasar dan juga kepada anggaran bajet.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Ya. Pada saya ini juga..

**TUAN SPEAKER** : Jadi, tak. Jangan pergi itu buang masa. Kalau tidak saya akan hadkan masa.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tak apa Tuan Speaker. Tak apa. Tuan Speaker ada hak untuk menghadkan masa. Tak ada masalah.

**TUAN SPEAKER** : Tak. Saya kena adil. Tapi saya cuma nak ingatkan kita ada khusus masa yang untuk usul tersebut.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Ok. Terima kasih. Pada anggapan saya, ini juga ada kena mengena sikit dengan bajet. Sebab itu saya sentuh sedikit. Jika kita sudah merancang, maka kita perlu

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Kita perlu menulis pelan tindakan itu dan berkongsi supaya tindakan-tindakan itu dapat dimantapkan sekali gus.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Sekali gus menunjukkan bahawa kita yakin dengan diri.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker, saya nak minta laluan sebelum masa dibazirkan.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Kampung Tunku minta lagi.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Silakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya. Terima kasih. Akhirnya sampai juga giliran saya sebelum masa dibazirkan. Tadi Y.B. Sri Serdang mengatakan bahawa kita ini belum lagi melaksanakan janji-janji kita. Satu contoh dipetik ialah pemotongan cukai taksiran di PBT. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Majlis Bandar raya Petaling Jaya telah memutuskan untuk mengurangkan cukai taksiran bagi bangunan '*high risk*' dengan izin kondominium dan termasuk rumah pangsapuri kos rendah. Yang miskin tegar ni miskin bandar ni semua akan menerima manfaat daripada keputusan ini. Ada Yang Berhormat

Sri Serdang sedar, adakah Yang Berhormat Sri Serdang faham ke fakta ke tidak? Ada Yang Berhormat Sri Serdang akan berucap dengan fakta ke tidak?

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, kalau nak dibacakan manifesto ni saya ada bawa. Saya ada bawa. Yang saya kata tadi, ada di antaranya juga yang telah di laksana dan yang belum di laksana. Dalam teks saya, saya pun dah sebut. Bukan saya tak sebut. Tetapi banyak lagi yang belum lagi di laksana. Tuan Speaker, saya mengalu-alukan ketelusan yang cuba ditampikan

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Seri Setia nak minta laluan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Seri Setia nak bertanya kepada Sri Serdang. Apa ulasan Sri Serdang mengenai komen daripada Perdana Menteri sendiri tentang janji dia pilihan raya 2008, dia kata dia akan laksanakan dalam sampai 2020. Jadi kita baru 6 bulan berkuasa. Jadi apa ulasan Sri Serdang tentang komen Perdana Menteri tersebut?

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, di peringkat Persekutuan dia kan ada wawasan 2020. Jadi, *target* wawasan 2020 tu memang dah digaris panduan. Tetapi sekarang ini, yang menjadi manifesto kepada Kerajaan yang ada sekarang ni iaitu Pakatan Rakyat seolah-olah hari ini berkuasa esok nak laksana. Seolah-olah begitu ertinya. Ini yang saya sebutkan tadi bahawa manifesto ini seperti yang disebutkan tadi ialah supaya dapat dipantau agar tiap-tiap manifesto yang telah dijanjikan ini mesti dilaksanakan walau macam mana sekalipun sama ada guna cara apa sekalipun. Itu yang dimaksudkan kerana ini adalah manifesto. Yang saya kata seolah-olah hari ini memerintah esok laksana. Berbanding dengan Kerajaan Persekutuan yang memang dulu dah lancarkan tahun 2020. Nak melihat Negeri Malaysia sebagai negeri maju. Macam Selangor. Diisytiharkan negara maju tahun 2005. Alhamdulillah kita. Dan hari ini, Pakatan Rakyat pun mahu tak mahu menerima hakikat bahawa kemajuan yang ada di Negeri Selangor ini memungkinkan semua orang boleh datang. Hari ini wakil rakyat Pakatan Rakyat bukan terdiri anak Selangor saja. Ada yang datang daripada Negeri Johor.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMAD TALHA** : Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Taman Medan minta penjelasan.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Kota Anggerik daripada Johor, Pontian

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat. Taman Medan minta penjelasan.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Sila. Timbalan Speaker

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMAD TALHA** : Saya nak minta Sri Serdang tunjukkan pada Yang Berhormat sekalian di sini, di mana di atas manifesto itu mengatakan kita kena tunaikan selepas menang keesokannya? Dengan salinan yang ada pada Sri Serdang.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, saya dah beritahu tadi bila bercakap tu seolah-olah hari ni dapat esok nak laksana. Jadi kena faham la Taman Medan tentang perkara tu ya. Terima kasih la. Tahniah jadi Timbalan Speaker, tempat saya dulu. Tuan Speaker, saya sebutkan tadi saya mengalu-alukan ketelusan yang cuba ditampilkan oleh Kerajaan Negeri melalui kepimpinan Y.A.B. Ijok dengan menjelaskan dan memperincikan setiap tindakan dan perbelanjaan kewangan Kerajaan terdahulu misalnya. Kini saya bagi pihak pembangkang menggesa agar ketelusan itu diterjemahkan melalui penerbitan dan pagedaran pelan-pelan tindakan setiap portfolio EXCO Kerajaan Negeri. Saya amat berharap, pelan-pelan tindakan tersebut menepati ciri-ciri yang diistilahkan sebagai SMART iaitu pertama 'S' disebut tu SMART. Yang pertama 'S' spesifik, jelas dan tepat. Yang kedua 'M' *measurable* boleh diukur. Ketiga 'A' *attainable* boleh dicapai. Keempat 'R' realistik, munasabah dan kelima *time bound* dijangka apa berjangka masa. Apabila dokumen ini telah ada, barulah senang pihak Kerajaan melaksanakan apa yang telah dirancang dan senangnya kami memantaunya. Saya berharap Kerajaan yang ada tidak akan menggagalkan kelangsungan kemajuan Negeri ini dan mereka tidak takut untuk mendokumentasikan perincian tindakan mereka bagi mentadbir dan memajukan Negeri Selangor Darul Ehsan ini. Saya sedikit tertarik dengan konsep merakyatkan ekonomi Selangor. Saya boleh menggula-gulakan rakyat ini secara ringkas ia adalah usaha Kerajaan untuk mendapatkan sebanyak mungkin kewangan dari pelbagai sumber dan aktiviti dan kemudiannya disalurkan dalam bentuk yang dikatakan kebajikan ala Pakatan Rakyat. Yang mana seolah-olah menidakan kebajikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan terdahulu. Sebagai contoh tadi. Yang Berhormat Sekinchan kata peruntukan JAIS dulu kurang sekarang bertambah. Tapi sedar tak Yang Berhormat Sekinchan bahawa ada juga peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang disalurkan terus. Jadi, kalau umpamanya Kerajaan Negeri bagi, Kerajaan Persekutuan bagi, bila di campur silap-silap lebih daripada bajet yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Contoh umpamanya membayar elaun imam-imam. Dulu dibayar oleh Kerajaan Persekutuan. Sekolah-sekolah Rendah Agama juga macam tu. Sekolah-sekolah Tamil, sekolah-sekolah Cina juga ada peruntukan terus daripada Kerajaan Persekutuan. Itu yang kadang-kadang mungkin Yang Berhormat Sekinchan ni lepas pandang. Begitu juga dengan tafsiran yang dibuat oleh Tenaga Nasional. Memang Tenaga Nasional ni 5% sahaja dia menggunakan bahan minyak. 90% dia gunakan gas. Jadi kalau minyak turun, gas tak turun, macam mana kadar tu nak turun? Dan dia bagi RM20 tiap-tiap bil. Dia bagi seluruh Malaysia bukannya setakat di Negeri Selangor saja. Tapi saya bagi ilmu sikit la pada Sekinchan. Kalau lebih katakan tiap-tiap bulan rumah tu RM60, RM60 sebulan buat tiga meter (satu meter RM20) percuma semuanya. Ni saya bagi ilmu. Kalau RM40 pasang 2 meter, RM20 percuma apa pula tak nak tepuk dahi? Inilah ilmu yang Sekinchan tak dapat yang saya nak beritahu ni. Dah percuma RM20 tak payah bayar. Tak kira pekan, tak kira desa kalau berani pasang 10 meter pasanglah 10 meter.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta laluan sikit. Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Sri Serdang. Dengan cara yang ditunjukkan dan yang diajar oleh Yang Berhormat Sri Serdang tu pasang 3 meter kalau bayar RM60, ini macam mengajar rakyat buat penipuan. Ini satu contoh yang tidak baik. Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Bukan nak kata penipuan. Itu taktik yang betul. Beli meter tetapi kadar kurang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Peraturan mesyuarat.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Peraturan. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Kalau 3610, adalah salah menggunakan perkataan-perkataan yang derhaka kepada Negeri. Ini perkataan-perkataan untuk buat meter-meter berasingan ini curi. Tidak patut.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Curi, pasang meter digera. Mana ada curi. Yang curi tak ada meter, curi. Macam pasang air. Hari tu kat mana ada keluar TV tu Kerajaan Negeri tu. Eh, minta maaf lah Yang Berhormat. Dia pasang terus saja. Yang itu tak ada meter curi. Ada meter tak curi betul tu. Buatlah Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta lagi sikit laluan. Sikit saja lagi. Yang Berhormat Sri Serdang, saya minta penjelasan. Adakah cara-cara nak ajar rakyat buat penyeliaan seperti ini memang diamalkan selalu oleh Barisan Nasional ke?

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tidak. Dia tidak penyelewengan. Siapa kata penyelewengan? Daripada asyik nak kata itu tak betul ini tak betul, itu benda yang betul. Pasal beli meter. Bukan *free* beli meter. Bayar. Dah dihitung, dikira, tak ada menipu siapa kata menipu? Sekinchan bercakap menipu. Tuan Speaker, Kerajaan dahulu dikatakan asyik menyediakan atau membangunkan kemudahan yang berbentuk fizikal lalu mengabaikan kebajikan rakyat. Ini adalah satu pemikiran dan dakwaan yang bersifat *simplicity* dan tidak berfikir panjang. Sebenarnya penyediaan pelbagai prasarana ini amat penting dan menjadi asas kepada pelbagai kebajikan yang hendak kita berikan kepada rakyat. Misalnya pembinaan jalan raya dan jambatan untuk memudahkan perhubungan dan pengangkutan. Pembinaan bangunan dan premis perniagaan melalui anak syarikat negeri untuk menggalakkan aktiviti perniagaan dan sebagainya. Maka usahawan-usahawan kita dapat memula dan belajar berniaga. Sesungguhnya setiap prasarana fizikal yang dibangunkan ada manfaatnya dan jangan kita asyik menghakimkan bahawa wujud penyelewengan dan salah guna kuasa yang mana sebenarnya hanya dakwaan yang tidak berasas dan umumnya tidak pun dibuktikan. Alhamdulillah bila Pakatan Rakyat memerintah, kita dah menjadi Selangor Maju. Mana tak maju, KLIA kat kita kat tempat kita yang patutnya dulu ke Hulu Selangor entah mana pergi pula ke Sepang la. Putrajaya yang dulu diwar-warkan nak di Janda Baik ditukar ke Putrajaya. Dibesarkan lagi Pelabuhan Klang, jajaran jalan-jalan. Ingat di Negeri Selangor ini telah memudahkan kepada kita dan akhirnya senang je. Memudahkan Pakatan Rakyat nak menarik pelabur-pelabur datang. Cuba kalau kemudahan-kemudahan ini tidak ada di Negeri Selangor adakah nak pelabur-pelabur ini datang begitu banyak ke Negeri Selangor? Sudah pasti tentu amat jauh sekali. Tak percaya pergilah ke negeri-negeri yang lain. Jadi, janganlah menidakkan tentang kemajuan ini dan harus bersyukur bak kata Bangi dalam Surah Ibrahim (Bahasa Arab) betul?

**TUAN SPEAKER** : Apa tu? Maksudnya? Kena minta izin. Itu saya tau. Tuan Speaker kena faham sebab setiap kali dalam ucapan sebut Tuan Speaker, Tuan Speaker. Tapi cakap yang Tuan Speaker tak faham tak boleh. Minta izin dulu. Jelaskan apa dia.



**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Minta izin Tuan Speaker. Sekarang saya jelaskan.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Baik. Itu cara betulnya.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tapi saya minta pandang Bangi, jadi sekarang saya pandang Speaker. Hendaklah kita sentiasa bersyukur. Insya-Allah kalau kita bersyukur akan ditambah nikmatnya akan ditambah lagi rezekinya tapi kalau kita kufur kita akan menerima azab yang paling pedih. Jadi,

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tuan Speaker. Minta laluan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Yang Berhormat Seri Setia minta laluan. Bagaimana?

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Silakan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Kalau betul-betul maknanya rakyat nak bersyukur kepada apa yang telah dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional mengapa mereka telah memilih Pakatan Rakyat pada 8 Mac yang lalu.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Itu sebabnya ya saya minta supaya Pakatan Rakyat bersyukur jangan akan terima azab yang lagi pedih pula tahun pilihan raya akan datang satu pun langsung tak ada. .... ha .... ha... itu dia .... tiada syok sendiri jangan terima azab yang paling pedih, jadi satu pun tak ada ha... ha itu ingatlah ye tu tadi mana Seri Setia.

Tuan Speaker dalam bajet ini Kerajaan Negeri amat berharap jaringan pengangkutan LRT dan Komuter yang menganjur masuk ke beberapa bahagian negeri Selangor menjadi satu kenyataan. Misalnya kita mengharapkan jaringan rel komuter sehingga ke Batu Caves dan sebagainya. Tidakkah ini satu pembangunan fizikal yang seolah-olah tidak diberikan perhatian oleh kerajaan sekarang. Tidakkah ini pembangunan kebendaan yang kerap dihakimkan oleh kerajaan dulunya pembangkang sebagai merugikan wang rakyat. Tidakkah kita belajar bahawa misalnya jambatan Pulau Pinang yang satu ketika dahulu dianggap pembaziran menjadi satu pelaburan yang amat menguntungkan. Hari ini Pakatan Rakyat memerintah Pulau Pinang. Kemudian hari ini sehingga diminta pula jambatan kedua. Ya, ternyata ia adalah kebajikan untuk rakyat dalam bentuk jangka panjang.

Juga selalu diperkatakan bahawa projek pembangunan hanya berkisar ke kelompok tertentu. Ini tidak berasas dari sudut perbelanjaan kerana mereka yang memperolehi kerja kontrak kerajaan akan turut berbelanja. Perbelanjaan mereka akan menggerakkan sektor-sektor ekonomi lain seperti pengangkutan, pembelian barangan, alatan dan lainnya. Mengikut teorinya seseorang yang menerima duit upah misalnya akan berbelanja dan mampu dimanfaatkan sehingga ke beberapa lapis atau dimanfaatkan oleh orang-orang lain dalam rantai yang panjang tanpa mengira kedudukan, ras dan pegangan. Maka tidak semestinya kita memberikan wang terus kepada rakyat, maka rakyat dapat kebajikan. Selagi wang itu dibelanjakan dan tidak tersimpan maka ia akan dinikmati oleh masyarakat keseluruhan.

Sesungguhnya kerajaan sekarang patut berterima kasih dengan kerajaan terdahulu kerana membangunkan berbagai kemudahan untuk kebajikan rakyat..., dah ketuk dulu ya... dan sekarang kerajaan negeri bersikap cuci tangan kerana semua kerja-kerja berat pembangunan prasarana telah banyak dilaksanakan dengan jayanya oleh kerajaan terdahulu. Merakyatkan ekonomi Selangor juga dilihat seolah-olah mengambil wang kerajaan lalu dimasukkan ke poket rakyat. Ini suatu pendekatan yang *simplistic* saya yakin ini juga pendekatan yang popular untuk kerajaan terus memenangi hati rakyat kebanyakan. Tetapi harus diingat ia tidak semestinya yang terbaik. Sampai bila kita boleh memberikan kepada rakyat. Kemudian slogan ini ditambah pula dengan ungkapan memewahkan rakyat, yang saya kira kita kena berhati-hati seolah-olah rakyat punya akses pada semua kekayaan yang berlebih-lebihan. Persoalannya adakah rakyat akan diperkasakan, adakah mentaliti dan sikap rakyat dibentuk untuk bersikap berdikari, sejauh manakah kita harus bersikap seolah-olah terus memberikan ikan tanpa pancing, adakah kita asyik mahu memberikan gula-gula kepada rakyat tetapi lupa untuk memberikan ubat yang biarpun pahit tetapi mujarab untuk membina keupayaan diri mereka.

Tuan Speaker, saya kira bajet yang dibentangkan ini boleh menjadi satu lagi siri kesayangan rakyat kepada kerajaan yang memerintah. Saya kira rata-rata rakyat terus menerus resah dengan pemerintahan kerajaan hari ini. Banyak janji-janji yang ditaburkan tetapi adakah kerajaan berupaya mengotakan sedangkan manifesto pun separuh jalan adakah mereka berupaya sejak dari mula lagi mereka memerintah. Ia bermula dengan tiadanya kemenangan majoriti mana-mana parti politik yang menguasai dewan, bermakna tiada kerajaan boleh dibentuk. Kemudian bermulalah siri-siri perbincangan panas dalam parti yang meresahkan rakyat, diikuti dengan perundingan dengan institusi Di Raja yang mengambil masa yang penuh dan ketidaktentuan oleh mereka yang berkepentingan dan berlainan, sehingga memaksa Baginda menggunakan kebijaksanaan dan bertindak berlandaskan Perlembagaan serta Undang-Undang Tubuh Negeri untuk memastikan persepakatan kerajaan dapat dibentuk ini kerana pakatan dibentuk setelah menang bukan sebelum pilihan raya.

Akhirnya satu kerajaan campuran dibentuk bukan atas nama satu-satu parti dan di mana rakyat terus resah. Apakah kerajaan ini boleh kekal berpadu dan memerintah bila kerajaan baru dibentuk, hadiah pertama ialah macam-macam janji termasuklah projek ternakan khinzir yang cukup menyakitkan setengah-tengah majoriti rakyat di kawasan-kawasan tersebut. Diikuti dengan perbagai kenyataan antara EXCO yang kadang-kadang meragukan, bertentangan yang dibuat tanpa pengetahuan serta persetujuan terdahulu dalam Majlis mesyuarat Kerajaan Negeri. Adakah Kerajaan Negeri ini mampu memerintah dengan baik dan bersepadu. Adakah kerajaan ini mampu melaksanakan janji-janji dan manifesto dan janji-janji dalam bajet 2009 ini atau masing-masing menjaga kawasan jajahan takluk mereka tanpa boleh diperkatakan oleh rakan EXCO lain. Janji dalam EXCO pula mengambil tempat dalam siri keresahan rakyat terdapat beberapa laporan polis kerana kegagalan kerajaan menunaikan janji seperti yang diwar-warkan dalam kempen pilihan raya. Rakyat telah rasa ditipu.

**TUAN SPEAKER** : Sila duduk.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sila duduk, saya dah cakap saya dah beri arahan. Baik pembahas seterusnya Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Tuan Speaker dan salam sejahtera kepada rakan-rakan sekalian para hadirin. Kajang ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah pada ucapan bajet yang sulung yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat dan juga kita memuji kepada kerajaan baru yang telah buat keputusan untuk memberhentikan pemberian hartanah secara usaha sama yang begitu tepat sekali kerana kita nampak bahawa kerajaan Barisan Nasional yang dahulunya telah menjalankan projek-projek yang amat membazirkan kekayaan negeri, merugikan kerajaan dan malah merugikan rakyat bukan sahaja kerajaan tetapi rakyat. Jadi rakyat Selangor amat bersyukur kerana menjatuhkan Barisan Nasional dan telah sempat menyelamatkan harta dan kekayaan negeri Selangor yang dikurniakan oleh tuhan.

Barisan Nasional cuba mengagung-agungkan termasuk pembentang-pembentang tadi cuba mengagung-agungkan diri mengatakan bahawa merekalah yang membawa kekayaan dan kemajuan pada negeri Selangor. Kita lihat apa yang telah dilakukan oleh mereka. Sebenarnya kita harus berterima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan juga pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan yang selama ini bekerja secara ikhtisas atau profesional dalam menjalankan tugas untuk memastikan projek-projek ataupun kerja-kerja kerajaan ini berjalan lancar dan terus kita berharap mereka ini berterusan dengan kerajaan yang baru untuk menjalankan secara profesionalnya. Dan kita nampak awal tadi Sg. Panjang telah mengkritik kredibiliti Pihak Berkuasa Tempatan mengatakan mereka tidak menjalankan tugas. Walaupun kita dapati ada silap salah di sana sini, tetapi kita memang dapati rakyat secara keseluruhannya mereka telah merestui kerajaan yang baru dan juga Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pihak pegawai kerajaan bahawa mereka menjalankan tugas dengan lebih cekap dan lebih amanah daripada kerajaan yang lepas.

Dan kita nampak juga, saya Kajang selaku sebagai dilantik sebagai Pengerusi untuk PAC dengan izin iaitu Jawatankuasa Kira-Kira Awam bersama-sama dengan jawatankuasa yang lain, kita telah banyak meneliti kes-kes, kes-kes penyelewengan yang lepas. Pada 2006 sahaja kita dapati seperti yang dinyatakan oleh Sg. Panjang awal tadi berkaitan dengan Orang Asli. Sebenarnya projek-projek penempatan Orang Asli dekat dengan Shah Alam saja kita dapati begitu banyak penyelewengan berlaku sehingga hari ini Orang Asli yang dijanjikan rumah banglo dan rumah-rumah untuk penempatan tidak ditunaikan dan pemaju di situ kita memang faham siapanya iaitu Lembah Jaya, Lebar Jaya yang terlibat dan sehingga, sehingga hari ini tak ditunaikan sehingga Orang Asli kehilangan kampungnya dan terpaksa balik ke Taman Pertanian untuk mencari tempat lindung. Jadi ini adalah masalah yang kita nampak bagaimana kerajaan lepas telah penyelewengan dan juga kita nampak dalam *Marine Park*, ini juga kita nampak ada campur tangan Sg. Panjang dalam hal perkara projek ini. *Marine Park* memang membazirkan begitu banyak wang rakyat sehingga segala spesifikasi dalam projek itu memang tidak menepati dan sekarang BPR sedang menyiasat perkara ini. Kita telah membuat keputusan BPR mempercepatkan lagi penyiasatan supaya mereka yang menyeleweng dalam projek-projek ini dibawa ke mahkamah.

Apa lagi dengan adanya *Canal City*, *Gold Coast* dan sebagainya. Jadi kita nampak bekasnya orang-orang politik daripada BN yang sememangnya mengaut kekayaan untuk diri sendiri termasuk projek-projek yang tersebut tadi ada projek-projek macam

Alam Flora sub-kontrak semuanya di PBT memang dikuasai oleh orang-orang BN termasuk ahli majlis yang duduk di dalam, ada yang duduk sebagai ahli majlis dulu dan juga terdapat mereka yang dalam sebagai konco-konco yang ada hubungan dengan ADUN BN yang dulu.

Dan kita nampak campur tangan, campur tangan ahli politik yang dulu sekarang dan kerajaan baru kita sudah cuba elakkan campur tangan, boleh kata kita cuba nak sekat tidak ada campur tangan walaupun seperti Bangi bangkitkan tadi ada kekurangannya dari segi pelaksanaannya mungkin kita boleh buat kajian yang lebih lanjut untuk melibatkan ADUN dalam membuat keputusan pada kerajaan tempatan. Jadi kita nampak, kita nampak dan kita tidak faham kenapa Sg. Panjang masih ingkar dan tidak sedar kenapa dulunya dikatakan kemajuan dahlah yang selama ini yang mereka pimpin dan membawa kemajuan kepada negeri Selangor semuanya yang mereka begitu ghairah dan kita nampak mereka masih tak sedar bahawa penyelewengan yang mereka buat itu campur tangan politik yang begitu banyak dalam hal-hal kerajaan yang telah merugikan rakyat ini menyebabkan mereka duduk di pihak pembangkang pada hari ini.

Jadi Tuan Speaker, kita nampak juga dalam bajet kita 2009 kali ini telah membawa satu konsep yang baru. Konsep yang baru yang berlainan dengan apa yang dibawa oleh barisan nasional yang lepas. Kerajaan Pakatan Rakyat tidak menolak bahawa negeri Selangor digelar sebagai negeri maju pada 2005 seperti yang disebut dalam ucapan Yang Amat Berhormat. Walau bagaimanapun kerajaan baru tidak merestui konsep dan amalan kerajaan Barisan Nasional dulu yang melakukan begitu banyak penyelewengan dan juga menggunakan kuasa dengan begitu sewenang-wenangnya tidak menghormati mengutamakan rakyat iaitu contoh seperti perobohan setinggan-setinggan yang dikatakan dengan menggunakan alasan setinggan sifar kerana Selangor mahu maju dan perobohan seperti kuil tempat agama dan juga gerai-gerai yang dikatakan haram untuk memberi ruang kepada pemaju-pemaju yang ada kaitan rapat dengan orang-orang politik pada kerajaan Barisan Nasional dulu.

Jadi kita nampak konsep, konsep pembangunan yang dulu lebih pada ekonomi, kebendaan selain daripada ada kesempatan mereka mendapatkan kekayaan daripada situ. Kita nampak pada bajet yang baru ini kita nampak ada konsep yang baru, iaitu kemajuan ataupun maju ini bermaksud, bermaksud kemajuan dari segi bukan sahaja kebendaan tapi insaniah dan juga mesra alam seperti kita bawa hala tuju mementingkan manusia dan manusia dengan alam sekitar. Yang bermaksud sesuatu yang memang mesra dalam segala-galanya dan dengan dasar sebegini Kerajaan Pakatan Rakyat kita nampak baru sahaja ambil alih teraju kepimpinan negeri Selangor dalam begitu singkat masanya dan telah menggubal dasar yang berlainan dengan dulu dasar yang prihatin pada rakyat. Jadi kita nampak dasar merakyatkan ekonomi Selangor memewahkan rakyat Selangor. Tidak seperti yang disebut oleh Sg. Besar tadi iaitu memewahkan rakyat tidak semata-mata kita hendak melebihi kebendaan supaya rakyat ini boleh hidup dengan mewah dan membazirkan wang begitu. Kita amalkan hidup secara berhemah dan pengamalan hidup secara mewah ini bermaksud dari segi insaniah keagamaan dari segi rohaniah dan juga dari segi mesra alam dan semuanya. Jadi kemewahan ini bermaksud definisinya tidak semata-mata kebendaan sahaja. Tuan Speaker, kita nampak juga rancangan seperti kebajikan air percuma, takaful dan begitu banyak lagi kerajaan baru memulangkan kekayaan kepada rakyat dan inilah buktinya yang begitu jelas yang kita nampak bahawa kerajaan baru yang membawa konsep yang

seperti yang disebut oleh Sekinchan tadi iaitu anjakan paradigma yang dulunya tidak pernah terfikir kerana banyak kepentingan diri.

Sekarang Kerajaan baru dengan keprihatinan memang meletakkan rakyat watak utama dalam pembangunan kerana kerajaan baru ini dapat mengambil balik harta dan kekayaan negeri Selangor untuk memulangkan segalanya kepada rakyat. Sehubungan itu kerajaan ingin mengesyorkan bahawa kerajaan baru perlu memberi perhatian baik dari segi pengurangan cukai tafsiran atau pun pengecualian cukai tanah dan cukai tafsiran untuk badan-badan seperti NGO-NGO dengan izin iaitu bermisi seperti institusi Budaya, Keagamaan dan Pakatan Pendidikan, Kebajikan supaya mereka status mereka ini diiktiraf dengan pemberian pengecualian cukai-cukai dan juga selain daripada itu diberi peruntukan khas pembangunan bersama-sama. Oleh kerana kerajaan sendiri tidak dapat menjaga begitu rapi dan sempurna dengan adanya NGO-NGO dan institusi-institusi seperti yang disebutkan oleh Sekinchan tadi kuil atau pun keagamaan ataupun pendidikan dan yang dipinggirkan oleh kerajaan pusat. Kita selaku Kerajaan Negeri yang bersama-sama membangun dan membina masyarakat yang bersama dengan rakyat. Jadi dengan ini mak Kajang ingin mencadangkan supaya kajian dibuat dalam pemberian pengurangan dalam pengecualian cukai tanah, cukai pintu selain memberi peruntukan khas dalam usaha sama sebagai dengan izin *strategic partnership* dengan NGO dalam membangunkan negeri yang maju.

Tuan Speaker dan tuan-tuan, para hadirin kita nampak dalam pelaksanaan-pelaksanaan dalam dasar kerajaan prihatin iaitu masyarakat yang terpinggir seperti masyarakat orang asli khususnya. Orang asli sentiasa dan selama ini memang dipinggirkan. Kita berharap dalam Bajet 2009 ini kita beri tumpuan pada masyarakat yang terpinggir iaitu masyarakat Orang Asli dalam negeri Selangor, kita jangan biarkan sahaja Jabatan Hal Ehwal Orang Asli daripada Persekutuan untuk menjaga hal ehwal Orang Asli. Orang Asli dalam negeri Selangor juga merupakan warga Selangor yang perlu negeri kita kerajaan kita memberi perhatian rapi yang kerana selama ini yang duduk dalam keadaan serba kekurangan.

Jadi kita harus memberi fokus bukan sahaja meningkatkan ekonomi atau taraf hidup dari segi ekonomi masyarakat orang asli tetapi juga kita harus memberi perhatian dari segi keagamaan, pendidikan, sosial budaya dan sebagainya. Dulunya banyak yang difokuskan bawah Jabatan Orang Asli banyak fokus dari segi kebendaan dan ekonomi. Walaupun pendidikan diadakan di kampung-kampung mereka tetapi kita nampak memang begitu ramai yang tercicir daripada sekolah dan tidak habis sehingga habis darjah enam. Jadi masalah sebegini harus kita beri perhatian yang lebih serius dan tubuhkan Jabatan bawah kerajaan negeri untuk membantu masyarakat Orang Asli yang begitu malang sehingga hari ini.

Tuan Speaker, Kajang juga ingin membawa perhatian bahawa di negeri Selangor yang begitu maju kita menghadapi masalah yang begitu runcing masalah banjir. Masalah banjir sekarang merupakan satu fenomena yang begitu biasa merata bukan sahaja di tempat-tempat persisiran sungai tetapi bandar-bandar termasuk Shah Alam termasuk Damansara dan lagi di Kajang. Bagi bulan ini sahaja Kajang menghadapi banjir yang agak teruk empat kali dan masalah ini berlaku kerana bukannya masalah sungai bukan masalah merupakan bencana alam tetapi ia merupakan masalah dari segi perancangan. Perancangan yang lepas telah mengetepikan masalah ataupun tidak memberi perhatian pembangunan hulu sungai dan juga tebing-tebing sungai dan sepanjang hulunya. Dan

kita dapati pembangunan seperti ini telah menyebabkan lumpur-lumpur dan selut airnya melimpah turun tidak ada penyerapan air dalam tanah oleh pokok-pokok dan ini berlaku pada masa lampau kerana salah satu sebabnya campur tangan politik menyebabkan perancang pada PBT pada Pejabat Daerah dan semuanya tidak dapat dijalankan dengan profesional. Dan dengan ini kita mencadangkan bahawa PBT dengan perancangnya lebih tegas dan lebih rapi mengawal segala perancangan dan pembangunan sebelah hulu sungai khususnya di Sungai Langat, Sungai Jelok, dan juga di Sungai Bernam.

Kita juga nampak projek-projek yang telah dan sedang diluluskan oleh kerajaan lepas sudah meluluskan pembangunan di persisiran sungai di hulu termasuk di tanah-tanah yang dikelaskan kelas A, B dan sebagainya yang merupakan kawasan sensitif alam sekitarnya. Kesemua kawasan ini telah diluluskan untuk pembangunan. Kajang ingin menyeru kerajaan baru untuk mengkaji semula termasuk pembekuan projek-projek pembangunan sebegini dan juga untuk menghentikan atau membatalkan projek-projek ini memandangkan ia membawa masalah yang lebih runcing di masa hadapan. Oleh itu kita meminta dewan untuk meneliti masalah banjir begitu meluas dan merupakan satu fenomena yang mungkin satu hari kalau tidak diatasi masalah merupakan satu gejala yang menarik pelancong nanti. Jadi kita berharap kita sama-sama memantau dan membawa kemajuan iaitu negeri Selangor maju yang sebenar kepada bukan sahaja ekonomi tetapi dari segi keselesaan seperti yang termaktub dalam bajet kita iaitu idaman, selesa dan juga sejahtera. Sekian sahaja terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**Y.B TUAN MAT SHUHAIMI B. SHAFIEI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. *Assalamualiakum Wrt. Wbt.* Yang Berhormat Tuan Speaker utamanya sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan ruang dan peluang untuk saya membahaskan pembentangan dan ucapan belanjawan Ke 9 negeri Selangor seperti mana yang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar semalam. Pertamanya ingin saya ucapkan syabas kepada kerajaan negeri kerana telah merangka satu belanjawan pembangunan demi kesejahteraan rakyat dengan menjanjikan agenda merakyatkan ekonomi Selangor sebagai teras. Yang Berhormat Tuan Speaker, jika dilihat belanjawan 2009 ini nyata pembangunan negeri menjadi agenda utama kerajaan negeri. Saya ingin sentuh di sini belanjawan 2009 Selangor telah memperuntukkan sebanyak 51% dari jumlah RM1.4 bilion untuk pembangunan berbanding 49% untuk belanja mengurus. Ini berbeza pendekatan yang diambil oleh kerajaan persekutuan yang mana dalam masa menjaja modal pembangunan tetapi lebih daripada 60% belanjawan Persekutuan dikhaskan untuk belanja mengurus.

Malang walaupun peruntukan besar namun Perdana Menteri masih gagal menguruskan negara dengan cekap dan telus. Berbalik dengan belanjawan negeri Selangor 2009 ini saya ingin menjurus kepada strategi kerajaan negeri dalam memastikan belanjawan 2009 dapat diterjemahkan menjadi realiti. Strategi pertama yang digariskan kerajaan negeri iaitu agenda merakyatkan ekonomi negeri Selangor harapan saya ini bukan semata-mata slogan sahaja setelah lebih 50 tahun kerajaan Negeri Selangor yang diperintah oleh kerajaan Barisan Nasional yang mengutamakan kroni dan keluarga kita bersyukur hari ini Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat akhirnya memberikan kuasa ekonomi dan hasilnya kepada rakyat. Program-program seperti bantuan peniagaan muda, bimbingan perniagaan untuk belia dan pembangunan

usahawan adalah amat-amat dialu-alukan. Bagaimanapun saya ingin menarik perhatian kerajaan negeri agar dalam melaksanakan program-program tersebut hendaklah ditetapkan satu penanda aras *key performance indicator* dengan izin dan tempoh sasaran bagi menentukan keberkesanan program-program yang telah disebutkan tadi.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, waktu sudah 4.30 minit sila sambung hari esok.

**Y.B TUAN MAT SHUHAIMI B. SHAFIEI** : Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Perbahasan akan disambung pada hari esok 22hb. Oktober jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang )**